

4

**BAB 2**

**SUMBER DAN BAHAN RIWAYAT**

**ISRAILIYYAT**

## **BAB 2**

### **SUMBER DAN BAHAN RIWAYAT ISRAILIYYAT**

Kebanyakan sumber dan bahan riwayat Israiliyyat disandarkan kepada Sahabat, *Tāb 'īn* dan *Tābi' al-Tābi 'īn*. Sejauhmana kebenaran mereka sebagai perawi memerlukan kajian yang terperinci dan mendalam yang mana sebahagiannya telah dilakukan oleh ulama hadith. Justeru kajian ini merasakan amat penting diperkenalkan riwayat mereka serta beberapa contoh riwayat yang dihubungkan kepada mereka di dalam bahan-bahan dan maklumat Islam.

#### **2.1 Sumber Riwayat Israiliyyat**

Kajian tentang sumber riwayat berunsur Israiliyyat akan meninjau kedudukan Sahabat, *Tāb 'īn* dan *Tābi' al-Tābi 'īn* serta hubungan mereka dengan cerita-cerita berunsur Israiliyyat. Hal yang demikian kerana banyak cerita berunsur Israiliyyat disandarkan kepada mereka sebagai perawi pertama dalam silsilah *sanad*. Justeru, kajian ini memilih beberapa orang dari kalangan perawi yang sering dikaitkan dengan riwayat-riwayat berunsur Israiliyyat.

##### **2.1.1 Riwayat Sahabat**

Sahabat merupakan perawi pertama dalam silsilah *sanad* yang menduduki darjah yang paling tinggi dalam *tabaqāt al-ruwāh*. Riwayat mereka menjadi rujukan utama dalam pelbagai bidang yang antaranya merangkumi tafsiran, sejarah, periwayatan dan lainnya. Kalangan Sahabat yang banyak memberikan

sumbangan dalam bidang periwayatan hadith antaranya Abū Hurayrah, Ibn ‘Abbās, ‘Abd Allāh bin ‘Amr bin al-Āṣ, Ibn Mas‘ūd serta lainnya.

Selain mereka terdapat juga kalangan penganut agama *samawi* yang dipanggil Ahli Kitab telah memeluk Islam pada zaman Rasulullah s.‘a.w., antaranya ‘Abd Allāh bin Salām, Mukhayriq<sup>1</sup> dan Tamīm al-Dārī. Mereka adalah kalangan penganut Yahudi yang banyak mengetahui tentang kandungan kitab Taurat serta Injil. Setelah menerima Islam, mereka banyak berkomunikasi dengan Sahabat. Hal yang demikian kerana terdapat beberapa kandungan yang menceritakan perkara yang sama antara kitab-kitab samawi.

Sebagai contohnya, kisah tentang kejadian Nabi ‘Ādam ‘a.s. dan peristiwa yang berlaku di syurga, Nabi Mūsā ‘a.s., Nabi ‘Isā ‘a.s. dan para nabi yang lain, kejadian dunia, syurga, neraka, kisah umat terdahulu, alam ghaib dan sebagainya. Justeru kajian ini cuba memfokuskan perbicaraan tentang sumber dan kedudukan riwayat mereka dengan riwayat Israiliyyat.

---

<sup>1</sup> Beliau merupakan kalangan pendita Yahudi yang mahir. Seorang yang kaya dan mempunyai harta ladang kurma yang banyak. Beliau mengetahui sifat Rasulullah s.‘a.w. yang disebut dalam Taurat. Beliau memeluk Islam ketika peperangan Uhud yang berlaku pada hari Sabtu. Beliau turut serta dalam peperangan tersebut. Sebelum pergi berperang beliau telah mewasiatkan agar segala hartanya diserahkan kepada Nabi Muhammad s.‘a.w. jika beliau terbunuh. Rasulullah s.‘a.w. memberi penyaksian bahawa beliau adalah sebaik-baik penganut agama Yahudi. Ibn Hisyām (1994), *op.cit.*, 2:131 dan 132.

## a. Abū Hurayrah<sup>2</sup>

Beliau merupakan Sahabat yang paling banyak meriwayatkan hadith dan seorang hafiz. Antara sumber perolehan riwayat beliau kebanyakannya datang dari pada Rasulullah s. 'a.w., Abū Bakr, 'Umar, al-Faḍl bin al-'Abbās, Ubay bin Ka'ab, Usāmah bin Zayd, 'Ā'isyah, Naḍrah bin Abū Naḍrah al-Ghifārī, Ibn 'Umar, Ibn 'Abbās, Jābir, Anas dan Wā'ilah bin al-Asqa', Ka'ab al-Aḥbār dan lainnya<sup>3</sup>.

Riwayat beliau banyak dimanfaatkan oleh sebahagian besar Sahabat dan *Tābi'iñ*. Jumlah mereka hampir mencapai 800 orang. Antara mereka yang dapat disenaraikan di sini ialah: al-Muḥarrar (anaknya), Ibn 'Umar, Ibn 'Abbās, Jābir, Anas, Wā'ilah, Marwān bin al-Ḥakam, 'Abd Allāh bin Tha'labah, Sa'īd bin al-Musayyab, 'Urwah bin al-Zubayr, Salmān al-Aghr, al-Aghr Abū Muslim, Syurayḥ bin Hani<sup>1</sup>, Khabbāb, Abū Sa'īd al-Maqbāriy, Sulaymān bin Yasār, Sinān bin Abū Sinān, 'Abd Allāh bin Syaqqīq, 'Abd al-Rahmān bin Abū 'Umrah, 'Irāq bin Mālik, Abū Razīn al-Asadī, 'Abd Allāh bin Qariz, Baṣr bin Sa'īd, Basyīr bin Nahik, Ba'jah al-Juhāniy, Ḥanẓalah al-Aslāmī, Thābit bin 'Iyād, Ḥafṣ bin 'Āsim bin 'Amr, Sālim bin 'Abd Allāh bin 'Umar, Abū Salamah, Ḥumayd bin 'Abd al-

<sup>2</sup> Beliau ialah 'Abd al-Rahmān bin Ṣakhr al-Dawṣī. Nama beliau sebelum Islam ialah 'Abd al-Syams bin Ṣakhr kemudian Nabi menukar namanya menjadi 'Abd al-Rahmān dan gelarannya Abū Hurayrah. Memeluk Islam dan sempat bersama Rasulullah s. 'a.w. menyertai peperangan Khaybar dalam bulan Muḥarram tahun 7 H. Meninggal dunia tahun 59 H. Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī (1995), *al-Isābah fi Tamyīz al-Ṣahābah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmīyyah, 7 : 348-352; Syams al-Dīn Muhammad bin Ahmad al-Dhahabī (t.t.), *Tadhkirah al-Huffāz*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1: 32; Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 278; Muḥammad bin Sa'd (1912), *al-Tabaqāt al-Kabīr*, Bah. 2. Leiden: Matba'ah E.J. Brill, 4: 52 dan 53.

<sup>3</sup> Ibn Sa'd (t.t.), *al-Tabaqāt al-Kubrā*. Beirut: Dār Ṣādir, 4 : 340; Al-Dhahabī (t.t.), *op.cit.*; Ibn Hajar al-'Asqalānī (1909), *Tahdhīb al-Tahdhīb*. India: Maṭba'ah Majlis Dā'irah al-Ma'ārif, 12 : 263; 'Abd al-Wahhāb 'Abd al-Latīf (1966), *al-Mubtakar*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, h. 97.

Rahmān bin ‘Awf, Zurārah bin Abū Awfā, ‘Āmir bin Sa‘d bin Abū Waqqās, Sa‘id bin ‘Amr bin Sa‘id bin al-‘Āṣ, Sa‘id bin Yasar, Muḥammad bin Sirīn, ‘Abd Allāh bin al-Hārith al-Baṣrī, al-A‘raj, ‘Ubaydah bin Sufyān, Nāfi‘bin Jubayr bin Mat‘am, ‘Aṭā’ bin Yaśār, Hammām bin Munabbih, ‘Isā bin Ṭalḥah, Abū Qays bekas hamba yang dibebaskan oleh Abū Hurayrah dan lainnya<sup>4</sup>.

Riwayat beliau telah diambil oleh Imam al-Bukhārī sebanyak 93 buah, Muslim sebanyak 189 buah, Aḥmad bin Ḥanbal sebanyak 3848 buah dan Baqiy bin Makhlad sebanyak 5374 dan memasukkan ke dalam kitab-kitab hadith mereka<sup>5</sup>. Lantaran banyak meriwayatkan hadith, ulama telah menyenaraikan kelompok *sanad* beliau yang paling *sahīh* sebagai panduan, antaranya:

- i. Riwayat Ḥammād bin Zayd, daripada Ayyūb, daripada Muḥammad bin Sirīn<sup>6</sup>.
- ii. Riwayat Yaḥyā bin Abū Kathir, daripada Abū Salamah<sup>7</sup>.
- iii. Riwayat Mālik, daripada al-Zuhri, daripada Sa‘id bin Musayyab<sup>8</sup>.
- iv. Riwayat Mālik, daripada Abū al-Zannād, daripada al-A‘raj<sup>9</sup>.
- v. Riwayat Ibn ‘Awn dan Ayyūb, daripada Muḥammad bin Sirīn<sup>10</sup>.

<sup>4</sup> Ibn Hajar (1995), *op.cit.*, 7 : 352-353; Al- Dhahabī, *op.cit.*, 1:33; Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1909), *op.cit.*, 12 : 263-265; ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf (1966), *al-Mubtakar*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Hadīthah, h. 97.

<sup>5</sup> ‘Abd al-Ḥayy bin al-‘Imād al-Ḥanbālī Abū al-Falāh (1931), *Syadharāt al-Dhahab fī Akhbār man Dhahab*. Kaherah: Maktabah al-Qudsī, 1:63; Ibn Hazm (1975), *op.cit.*, 4 : 138.

<sup>6</sup> Ini adalah menurut pendapat Ibn al-Madīnī. Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr al-Suyūtī (1966), *Tadrib al-Rāwī fī Syarḥ Taqrīb al-Nawawī*, c. 2. Kaherah: Dār al-Kutub al-Hadīthah, 1: 83; Abū Bakr Ahmad bin ‘Alī bin Thābit al-Khaṭīb al-Baghdādī (1960), *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwayah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1960, h. 398.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Menurut pendapat al-Ḥākim. Al-Suyūtī (1966), *op.cit.*, 1: 83.

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> *Ibid.*; Syams al-Dīn Muḥammad bin Ahmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī (1990), *Siyar A'lām al-Nubalā'*, c. 7. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2: 583.

- vi. Riwayat Sufyān bin ‘Uyaynah, daripada al-Zuhri, daripada Sa‘id bin al-Musayyab.
- vii. Riwayat Ma‘mar, daripada al-Zuhri, daripada Sa‘id bin al-Musayyab<sup>11</sup>.
- viii. Riwayat Ismā‘il bin Abū Ḥakim, daripada ‘Ubayd bin Sufyan al-Hadramī.
- ix. Riwayat Ma‘mar, daripada Hammām bin Munabbih.<sup>12</sup>

Manakala kelompok *sanad* yang paling *da’if* disandarkan kepada beliau ialah riwayat al-Sariy bin Sulaymān, daripada Dāwūd bin Yazīd al-‘Udiy daripada ayahnya daripada Yazīd<sup>13</sup>.

Faktor beliau paling banyak meriwayatkan hadith ialah:

- i. Beliau sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu Rasulullah s. ‘a.w.. Hal yang demikian diakui sendiri oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim. Sebagai buktinya, mereka telah meriwayatkan hadith daripada Abū Hurayrah sendiri yang mengatakan bahawa beliau orang yang paling banyak masa yang digunakan untuk menghadiri majlis ilmu Rasulullah s. ‘a.w.. Manakala Sahabat yang lain banyak menumpukan kepada tugas-tugas dan tanggungjawab agama yang lain selain urusan mereka. Rasulullah s. ‘a.w. memberi jaminan kepadanya bahawa beliau tidak akan lupa terhadap apa diperolehi daripada Rasulullah s. ‘a.w.<sup>14</sup>.

<sup>11</sup> Al-Suyūtī (1966), *op.cit.*, 1: 84.

<sup>12</sup> Menurut Ramzī Na‘na‘ah, *sanad-sanad* ini ditakhrijkan oleh Ahmad Syākir daripada kumpulan riwayat Abū Hurayrah di dalam *Musnad Ahmad bin Ḥanbal*.

<sup>13</sup> Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf (1966), *op.cit.*, h. 100.

<sup>14</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Muslim dan lainnya melalui *sanad* Sa‘id al-Maqbariy, daripada Abū Hurayrah. Ibn Hajar (1995), *op.cit.*, 7 : 356; Muḥammad bin Sa‘d (1912), *al-Tabaqāt al-Kabīr*, Bhgn. 2. Leiden: Maṭba‘ah E.J. Brill. 4 : 56.

ii. Melihat biografinya, beliau sempat bersama-sama dengan para Sahabat besar dalam tempoh masa yang lama. Hal yang demikian memberi peluang kepadanya meriwayatkan hadith yang tidak sempat diperolehi daripada Rasulullah s. 'a.w. sendiri. Menurut pendapat ahli sejarah, beliau meninggal dunia pada tahun 57 H dan dalam usia 78 tahun, di Madinah<sup>15</sup> dan sempat hidup selama 47 tahun selepas kewafatan Rasulullah s. 'a.w.. Justeru, beliau banyak menyebarkan hadith kepada *Tābi'īn*.

iii. Beliau tidak memegang sebarang jawatan penting dalam pentadbiran<sup>16</sup>, tidak mempunyai musuh yang ramai dan tidak terlibat dalam mana-mana pergaduhan atau politik. Hal yang demikian membolehkan beliau menumpukan kepada pengumpulan hadith dan penyampaianya kepada umat Islam di seluruh pelosok.

Namunpun begitu, beliau tidak terkecuali dieksplotasi oleh pihak-pihak tertentu yang cuba mempertikaikan kedudukan istimewa beliau. Antara persoalan yang dibangkitkan terhadap beliau ialah:

i. Beliau sengaja mencipta hadith-hadith palsu yang disandarkan kepada Rasulullah s. 'a.w.<sup>17</sup>.

<sup>15</sup>Ibid, 4 : 64; Al-Dhahabi (t.t.), op.cit., 1: 37; Abū Syahbah (1991), *Difā' 'an al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Jil, h. 103-105.

<sup>16</sup>Hanya sempat memegang jawatan gabenor di wilayah Bahrain antara tahun 21-23 H.

<sup>17</sup>Contohnya hadith riwayat beliau (إِنَّ فِي الْجَمَعَةِ نَسْجُورَةٌ يَسْتَرُ الرَّأْيَ فِي ظَلَّمٍ مَا تَرَى...). Maḥmūd Abū Rayyah mengatakan bahawa hadith ini bukan daripada Nabi tetapi ianya daripada cerita Israiliyyat yang diambil daripada Ahli Kitab. Beliau mendakwa Abū Hurayrah cuba mendustakan Rasulullah s. 'a.w. sedangkan beliau sendiri meriwayatkan hadith (...jelas menunjukkan pertentangan dengan pendirian beliau sebagai perawi yang *thiqah*). Hakikatnya tuduhan ini adalah tidak berasas sama sekali bahkan orang yang membuat tuduhan tidak mendalam dalam mengkaji hadith-hadith Abū Hurayrah dan sejarah beliau dalam meriwayatkan hadith. Hakikatnya hadith ini

ii. Beliau dikatakan seorang *mudallas* kerana meriwayat cerita Israiliyyat daripada Ahli Kitab<sup>18</sup>.

4

iii. Beliau juga dikatakan berguru dengan golongan Ahli Kitab seperti Ka'ab al-Ahbār, Wahab bin Munabbih dan lainnya<sup>19</sup>.

iv. Riwayat beliau diragui oleh segelintir mereka yang tidak mengakui kejujurannya<sup>20</sup>.

---

alah daripada Rasulullah s.'a.w. sendiri dan ini diakui oleh Ka'ab al-Ahbār. Ka'ab mengatakan hadith beliau ini adalah benar dan bertepatan dengan apa yang diceritakan dalam Taurat juga dalam Al-Qur'an. Ia hanya diakui oleh Ka'ab, bukan Abū Hurayrah meriwayatkan hadith ini daripada Ka'ab. Selain Abū Hurayrah, hadith ini juga diriwayatkan oleh Sahl bin Sa'd dan Abū Sa'id al-Khudri. Maḥmūd Abū Rayyah (1980), *Adwā' 'alā al-Sunnah al-Muhammadiyyah*, c. 5. T.T.P., Dār al-Ma'ārif, h. 180; Abū Syahbah (1991), *op.cit.*, h. 137-138.

<sup>18</sup>. Abd al-Wahhāb 'Abd al-Latīf (1966), *op.cit.*, h. 98.

<sup>19</sup> Antara mereka yang menuduh beliau dengan tuduhan ini ialah al-Nazzām, al-Murisi, al-Balkhi, Golziher, Muhammad Rasyid Ridā, Ahmad Amin dan Maḥmūd Abū Rayyah. Muhammad Rasyid Ridā (1367 H), *Tafsīr al-Mannār*, c. 2. T.T.P.: Dār al-Mannār, 9 : 466; Ahmad Amin (1978), *Fajr al-Islām*, c. 12. Mesir: Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah, h. 219; Maḥmūd Abū Rayyah (1980), *op.cit.*, h. 176.

<sup>20</sup> Antara hadith yang ditimbulkan keraguan terhadap *kethiqahannya* ialah berkenaan sesiapa yang berjunub sewaktu masuk waktu Subuh, dia tidak boleh berpuasa. Hadith ini telah ditolak oleh 'Ā'isyah dan Umm Salamah r.'a. dengan mengatakan bahawa Rasulullah s.'a.w. yang dalam keadaan berjunub segera mandi dan berpuasa sedangkan dalam waktu fajar. Pertentangan inilah yang diutarakan oleh mereka yang hendak menjatuhkan beliau. Jawapan kepada pertentangan ini ialah sebenarnya Abū Hurayrah tidak mendengar sendiri daripada Rasulullah s.'a.w., beliau hanya mendengar daripada al-Faḍl dan Usāmah yang mendengar daripada Rasulullah s.'a.w.. Kedua-dua perawi ini adalah *thiqah* dan amanah. Apabila Abū Hurayrah mendengar hadith 'Ā'isyah dan Umm Salamah yang lebih kuat dan *rājiḥ*, beliau meninggalkan hadith tersebut dan tidak mengeluarkan fatwa demikian dan menerima hadith 'Ā'isyah dan Umm Salamah yang lebih kuat. Adapun hadith al-Faḍl dan Usāmah, ulama telah menjelaskan bahawa hadith itu wajar ditinggalkan dan hendaklah berpegang dengan hadith yang lebih kuat. Ini adalah kerana kefarduan puasa masih lagi di peringkat terlalu awal di mana makan, minum dan bersetibuh adalah haram selepas waktu tidur tetapi Allah telah menghalalkan semuanya sehingga terbit fajar. Oleh itu hadith 'Ā'isyah dan Umm Salamah datang kemudian sebagai *nāsikh* kepada hadith sebelum ini riwayat al-Faḍl dan Usāmah dan hadith yang menasikhkan ini tidak sampai kepada mereka berdua juga Abū Hurayrah, namun selepas sampai hadith ini, mereka juga meninggalkan hadith pertama dan beramal dengan yang keduanya iaitu riwayat 'Ā'isyah dan Umm Salamah. Ahmad Muhammad Abū Zahw (1984), *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn*. Beirut : Dār al-Kutub al-'Arabi, h. 155; Abū Syahbah (1991), *op.cit.*, h. 114 dan 115.

Penulis mendapati persoalan yang ditimbulkan itu tidak berasas sama sekali. Ia wajar diketepikan berdasarkan hujah berikut, antaranya<sup>21</sup>:

- a. Beliau adalah sa'fah seorang periwayat hadith bertaraf *Mutawātir*, iaitu: (مَنْ كَتَبَ عَلَيِّ مُتَعَمِّدًا فَلَيَقُولُ مَقْعُدًا مِنَ النَّارِ)<sup>22</sup>. Adalah sesuatu yang tidak diterima akal jika beliau melakukan pendustaan dan mencipta hadith palsu yang jelas bertentangan dengan hadith di atas. Bahkan, beliau lebih berhati-hati dalam meriwayatkan hadith dengan tarafnya sebagai penghafaz hadith yang paling banyak dan diakui oleh para Sahabat.
- b. Hadith-hadith riwayat beliau diterima dan diriwayatkan oleh sebilangan besar Sahabat sebagaimana yang disenaraikan sebelum ini<sup>23</sup>.
- c. Hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah diriwayatkan juga oleh sebahagian Sahabat yang lain. Ini menunjukkan beliau tidak janggal atau *syāz*, tanpa menyalahi perawi *thiqah* yang lain.
- d. Hadith-hadith riwayat beliau juga diriwayatkan oleh *Tābi‘īn* besar dan mendapat tempat di kalangan rawi *thiqah* yang lain. Hadith-hadith riwayat beliau

<sup>21</sup> Segala kemosykilan dan kekeliruan serta tuduhan yang dilemparkan kepada Abū Hurayrah telah dijawab oleh ulama hadith yang membuat kajian dan penyelidikan terhadap peribadi dan riwayat Abū Hurayrah secara mendalam seperti Muṣṭafā al-Sibā'i (الستة ومكانتها في التشريع الإسلامي), Muḥammad Abū Zāwī (ذخراً عن السنّة وردّ شبه) (المحدثون والكتاب المعاصرین)، Muḥammad Muḥammad Abū Syahbah (المستشرقون والكتاب المعاصرین)، Muḥammad 'Ujāj al-Khaṭīb (الستة قبل التدوين)، Muḥammad 'Abd al-Razzāq Hamzah (ظلمات أبي رابة) dan lain lagi. Ramzi Na'na'ah (1970), *op.cit.*, h. 134-135.

<sup>22</sup> Abū Zahw (1984), *op.cit.*, h. 160-161.

<sup>23</sup> Abū 'Abd Allāh al-Hākim al-Nisābūrī (1978), *al-Mustadrak 'alā al-Sahīhayn*. Beirut: Dār al-Fikr, 3 : 513; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 8 : 108.

begitu meluas sehingga ke hari ini dan diakui oleh sebahagian besar ulama, antaranya:

- i. Al-Dhahabī (m. 748 H) menukilkan pandangan al-Syāfi‘ī (m. 204 H) yang menyatakan beliau adalah Sahabat yang paling baik hafalannya terhadap hadith Rasulullah s. ‘a.w. yang sezaman dengannya<sup>24</sup>.
  - ii. Ibn Hajar (m. 852 H) menukil pendapat Imam al-Bukhārī (m. 254 H) yang mengatakan bahawa hadith-hadith riwayat beliau telah diriwayatkan oleh 800 ahli ilmu<sup>25</sup>.
  - iii. Ibn Hajar menukil pendapat Ka‘ab al-Aḥbār yang mengakui bahawa Abū Hurayrah adalah orang yang paling tahu kandungan kitab Taurat<sup>26</sup>.
  - iv. Talḥah bin ‘Ubayd Allāh mengakui bahawa Abū Hurayrah banyak memperolehi hadith Rasulullah s. ‘a.w. yang tidak ada pada orang lain<sup>27</sup>.
  - v. ‘Abd Allāh bin ‘Umar mengiktiraf kedudukan riwayat Abū Hurayrah dengan mengatakan bahawa Abū Hurayrah yang lebih baik daripadanya.
- e. Walaupun Abū Hurayrah pernah mendapatkan cerita dari Ahli Kitab Muslim, namun, sebagaimana Sahabat yang lain, beliau mempunyai kaedah dan garis panduan dalam menerima cerita Israiliyyat. Antaranya ialah meriwayatkan

<sup>24</sup>Al-Dhahabī (t.t.), *op.cit.*, 1:36; Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 8:106; Ibn Hajar (1995), *op.cit.*, 7 : 357.

<sup>25</sup>Ibn Hajar (1909), *Tahdhīb al-Tahdhīb*. India: Maṭba‘ah Majlis Dā’irah al-Ma‘ārif, 12: 265; Al-Dhahabī (1990), *op.cit.*, 2 : 586.

<sup>26</sup>Ibn Hajar (1995), *op.cit.*, 7 : 358.

<sup>27</sup>*Ibid.*, 7 : 357.

cerita dalam skop yang dibenarkan oleh Rasulullah s.'a.w.. Antara riwayat beliau ialah berkisar cerita umat terdahulu yang diambil daripada Ahli Kitab Muslim dan kejadian kiamat<sup>28</sup>. Beliau berpegang dengan hadith Rasulullah s.'a.w. (لَا تُصْنِفُوا مِنْ الْكِتَابِ وَلَا تَكُونُوْمُ...) ketika berhubung dengan Ahli Kitab. Cerita-cerita yang beliau bawa adalah sebagai iktibar dan pengajaran. Riwayat-riwayatnya dikategorikan sebagai riwayat Israiliyyat yang *sahīh* serta tidak bertentangan dengan nas-nas asal dalam Al-Qur'an dan hadith. Riwayat beliau tidak menimbulkan kesamaran atau kekeliruan di kalangan umat Islam.

f. Sahabat besar seperti Abū Hurayrah merupakan kalangan mereka yang mahir tentang selok belok agama. Ini terbukti dengan sambutan sebahagian besar Sahabat dan *Tābi‘in* yang sentiasa menghadiri majlis ilmunya. Beliau juga diminta untuk menjadi gabenor di wilayah Bahrain semasa Khalifah ‘Umar dan mengeluarkan fatwa kepada Sahabat dan *Tābi‘in* yang bertanya kepadanya<sup>29</sup>.

Justeru, melalui hujah-hujah di atas, riwayat Abū Hurayrah adalah diiktiraf oleh para Sahabat dan *Tābi‘in*. Lantaran itu, adalah tidak wajar mempersoalkan riwayat beliau sehingga menyebabkan kehilangan sebahagian besar kandungan Islam. Walaupun terdapat segelintir riwayat beliau berunsur Israiliyyat, namun ia masih dalam keadaan *maqbūl* dan tidak bersalah dengan nas. Andai terdapat riwayat yang disandarkan kepada beliau, yang tidak menepati ciri-ciri riwayatnya

<sup>28</sup>Contohnya: Hadith riwayat beliau tentang kejadian Kiamat pada hari Jumaat. Ka'ab menyatakan hal yang sama juga terdapat di dalam kitab Taurat. Untuk mengesahkannya beliau juga mengutarkan hal yang sama kepada 'Abd Allāh bin Salām, ianya diakui juga oleh 'Abd Allāh bin Salām. Al-Nasā'i, *Kitāb al-Jum'ah, Bāb Dhikr al-Sā'ah...*, no. hadith 1413.

<sup>29</sup>Beliau sempat menjadi gabenor di wilayah Bahrain dari tahun 21-23 H, kemudian meletakkan jawatan tersebut. Beliau juga menolak tawaran kali kedua oleh Khalifah ‘Umar. Ibn Sa'd (1912), *op.cit.*, 4 : 60.

melalui kelompok *sanad* yang *sahîh*, riwayat itu wajar diberi perhatian baik dari aspek *matan* atau *sanad*.

b. ‘Abd Allâh bin ‘Abbâs<sup>30</sup>

Beliau digelar sebagai dakwat dan lautan, lantaran ilmunya yang banyak sehingga mencapai taraf tertinggi dalam *ijtihâd*. Beliau adalah Sahabat yang paling mahir dalam bidang pentafsiran dan penterjemahan ayat-ayat Al-Qur'an<sup>31</sup>. Rasulullah s. ‘a.w. pernah mendoakan untuknya, sebagaimana sabda Baginda:

اللّهُمْ فَتّهُ فِي الدِّينِ وَعَلِّمْهُ التَّأوِيلَ<sup>32</sup>

Maksudnya : *Ya Allah, jadikanlah ia (Ibn ‘Abbâs) seorang yang faqîh (mahir dan alim) dalam agama dan ajarilah ilmu pentafsiran Al-Qur'an kepadanya.*

Ilmu beliau diakui oleh Sahabat, antaranya, Ibn Mas‘ûd pernah mengatakan bahawa Ibn ‘Abbâs adalah sebaik-baik penterjemah dan penafsir Al-

<sup>30</sup> Beliau ialah ‘Abd Allâh bin ‘Abbâs bin ‘Abd al-Mu’talib bin Hâsyim bin ‘Abd al-Manâf al-Qurasyiy al-Hâsyimiyy, sepupu Rasulullah s. ‘a.w.. Dilahirkan 3 tahun sebelum peristiwa hijrah. Sentiasa mendampingi Nabi ketika kecilnya, juga mendampingi Sahabat-Sahabat Rasulullah s. ‘a.w.. Ketika Nabi wafat, umurnya waktu itu 14 tahun. Meninggal pada tahun 67 H dalam usia 70 tahun dan disebut kepada jenazah beliau, ketika dikebumikan beliau di Tâ'if : *Demi Allah, hari ini sudah meninggal dunia dakwat umat ini.* Hadith-hadith riwayat beliau telah diriwayatkan oleh Ibn ‘Abd al-Barr sebanyak 1660 buah hadith, daripada jumlah ini 234 buah hadith diriwayatkan oleh al-Bukhâri dan Muslim, 110 buah hadith oleh al-Bukhâri sahaja dan 49 buah hadith oleh Muslim sahaja juga hadith-hadith riwayat beliau terdapat di dalam kitab-kitab *Sunan Sittah* yang lain. Beliau merupakan perintis kepada madrasah *al-Tafsîr* di Mekah. Ibn Taymiyyah mengatakan bahawa tafsiran ahli Mekah adalah yang paling baik kerana mereka berguru dengan Ibn ‘Abbâs seperti Mujâhid, ‘Atâ’ dan ‘Ikrimah. Abû Hâtim Muhammad bin Hibbân bin Ahmad al-Bustî (1979), *Kitâb al-Thiqât*. Beirut: Dâr al-Fikr, 3 : 208; Muhammad ‘Ujâj al-Khaṭîb (1971), *al-Sunnah Qabl al-Tadwîn*, c. 2. Kaherah : Dâr al-Fikr, h. 477.

<sup>31</sup> Al-Dhahâbi (1976), *op.cit.*, 1:65; ‘Abd al-Wahhâb ‘Abd al-Laṭîf (1966), *op.cit.*, h. 111; Abû Nu’aym Ahmad bin ‘Abd Allâh al-Asbahâni (1967), *Hulliyah al-Awliyâ’ wa Tabaqât al-Asfiyâ’*, c. 2. Beirut: Dâr al-Kitâb al-‘Arabi, 1: 316.

<sup>32</sup> Ahmad bin Hanbal, *Wa Min Musnad Banî Hâsyim, Bâqî al-Musnad al-Sâbiq*, no. hadith 2875.

Qur'an. Saidina 'Umar serta Sahabat besar sering menghadiri majlis-majlis ilmu Ibn 'Abbās dan mendapatkan nasihat beliau dalam hal-hal agama dan fatwa<sup>33</sup>.

Selain itu, Ibn <sup>4</sup>Abbās juga sering berbincang dan mengemukakan persoalan-persoalan kepada Ahli Kitab Muslim. Tujuannya adalah untuk membetulkan fakta dan maklumat yang tidak benar dengan Al-Qur'an dan hadith. Dalam hal ini, beliau mempunyai kaedah tersendiri dalam meriwayat cerita dan maklumat dari ahli kitab iaitu membandingkannya dengan Al-Qur'an. Beliau akan menerima maklumat yang sampai kepadanya jika tidak bertentangan dengan kandungan Al-Qur'an dan hadith. Beliau tidak teragak-agak untuk menolak sebarang maklumat yang jelas bertentangan dengan agama. Malah beliau cuba membetulkannya kepada Ahli Kitab dengan menerangkan fakta yang sebenar. Beliau tidak memandang mudah atau remeh dalam meriwayatkan cerita Israiliyat.

<sup>33</sup>Beliau mendirikan madrasah tersendiri yang mempunyai ciri-ciri yang istimewa dan unggul. Kepakarannya mendapat pengiktirafan dari para Sahabat dan sebahagian Sahabat sentiasa menghadiri majlis ilmunya dan menerima ilmu daripadanya. Menurut 'Atā' beliau tidak pernah melihat semulia-mulia majlis ilmu melainkan majlis ilmu Ibn 'Abbās yang mana ianya dihadiri oleh pakar-pakar *fīqh*, Al-Qur'an serta syair. Menurut 'Ubayd Allāh bin 'Abd Allāh bin 'Utbah, bahawa Ibn 'Abbās mendahului orang lain dari sudut periwayatan hadith Rasulullah s. 'a.w. juga paling alim. Apabila beliau mengajar, satu hari ceramahnya berkisar tentang *fīqh*, satu hari lain berkisar tentang *tafsīr* dan *ta'wīl*, satu hari lain berkisar tentang peperangan, satu hari berkisar tentang syair, satu hari tentang hari-hari bangsa Arab. Jelasnya apa yang keluar dari mulut beliau adalah tentang ilmu dan dapat mengalahkan pakar-pakar ilmu yang lain. Beliau sering mendapat ilham dan pertunjuk daripada Allah tambahan pula ia adalah dari keturunan yang mulia. Menurut al-A'masy bin Abū Wā'il, beliau pernah dilantik menjadi khalifah di Mawṣim. Sebaik dilantik, beliau terus menyampaikan khutbah pertamanya di sana lalu membacakan dalam khutbahnya surah al-Baqarah (menurut riwayat lain surah al-Nūr) lalu beliau mentafsirkan ayat-ayat tersebut yang mana jika tafsirannya didengari oleh Rum, Turki serta Dailam, pasti mereka semua memeluk Islam. Saidina 'Ali k.w. juga memujinya dengan mengatakan bahawa seolah-olah Ibn 'Abbās melihat perkara ghaib hanya di sebalik tirai yang nipis. Jelaslah di sini kekuatan dan kepakaran yang dimiliki oleh Ibn 'Abbās dalam mentafsir ayat-ayat Al-Qur'an. Al-Dhahabi (1976), *op.cit.*, 1: 65; Al-Asbahani (1967), *op.cit.*, 1 : 317 dan 324; 'Abd al-Wahhāb 'Abd al-Latīf (1966), *op.cit.*, h. 111.

Ibn ‘Abbās juga seperti Sahabat yang lain mempunyai metod tersendiri dalam menjalankan dakwahnya. Dakwah beliau tidak tertumpu kepada kaum muslimin, bahkan juga bukan Islam pada waktu itu seperti Ahli Kitab. Dalam menghadapi golongan Ahli Kitab, beliau juga berbincang dan bertukar fikiran dengan Ahli Kitab yang telah memeluk Islam dan jujur serta amanah. Ini adalah kerana kandungan agama samawi hampir menyamai antara satu sama lain. Justeru untuk membetulkan fakta yang telah diubah, beliau merasakan adalah wajar mendapatkan maklumat mereka dan membandingkan dengan sumber nas asal dalam Islam. Hal yang demikian, umat Islam mampu membuat perbezaan dan penyisihan terhadap fakta yang tidak benar.

Menuduh beliau merujuk kepada Ahli Kitab dan berbincang dengan mereka serta mengambil mudah cerita mereka adalah tidak wajar. Ini adalah kerana, sebagai seorang pentafsir, beliau seharusnya mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan sejarah umat-umat terdahulu, nabi-nabi mereka, serta mengenai kejadian alam dan makhluk. Hal yang demikian kerana ia berkait rapat dengan kandungan ayat-ayat Al-Qur'an. Dengan yang demikian juga beliau dapat membezakan fakta yang berasal dari Taurat atau sebaliknya. Justeru, ia membantu ke arah pemahaman yang lebih baik dan menarik minat masyarakat kepada Islam.

Ringkasnya, beliau hanya berbincang dengan Ahli Kitab dalam mendapatkan kefahaman ayat-ayat yang bersifat *mujmal*, global dan samar yang juga ada dijelaskan di dalam kitab asal Taurat dan Injil. Beliau sama sekali tidak menjadikan kitab Taurat dan Injil yang telah diubah sebagai rujukan.

Perbincangan beliau dengan Ahli Kitab dalam hal-hal yang terbatas dan sempit sahaja bahkan hanya yang selari dengan kandungan Al-Qur'an. Sebaliknya jika berlawanan dengan Al-Qur'an, beliau akan menolak dan membetulkannya<sup>34</sup>.

4

Atas kesempatan ini dan sikap keterbukaan beliau, telah disalah anggap oleh segelintir pihak. Mereka menuduhnya dengan berbagai tuduhan yang tidak layak bagi beliau sebagai seorang Sahabat besar dan pentafsir yang paling mahir. Tuduhan sebegini seolah-olah cuba untuk meruntuhkan institusi Sahabat, pewaris perjuangan Rasulullah s.a.w.. Antara mereka yang mengkritik beliau ialah seorang orientalis barat bernama Golziher yang menulis di dalam bukunya berjudul *al-Madhāhib al-Islāmiyyah fī Tafsīr Al-Qur'ān*. Beliau mengatakan Ibn 'Abbās mempermudah dan memperluaskan pengambilan berita dari Ahli Kitab yang disenaraikan nama mereka yang dimaksudkan, antaranya: Abū al-Jald Ghaylān bin Farwah al-Azdī, 'Abd Allāh bin Salām, Ka'b al-Āḥbār dan lainnya. Dengan yang demikian beliau telah meriwayatkan cerita berunsur Israiliyat yang diambil daripada Ahli Kitab tersebut. Beliau menekankan bahawa Ibn 'Abbās telah menyalahi hadith Rasulullah s.a.w. : (لَا تُصَدِّقُوا أَهْلَ الْكِتَابِ وَلَا تُكَذِّبُوهُمْ)<sup>35</sup>.

Setelah meneliti kritikan dan tuduhan yang dikenakan ke atas Ibn 'Abbās, penulis berpendapat kenyataan yang dikeluarkan mempunyai misi tersembunyi. Ia satu tuduhan yang tidak berasas dan bersalah dengan akal yang waras. Ia satu kritikan yang tidak adil kepada Ibn 'Abbās serta umat Islam. Justeru, ulama terpanggil untuk menyangkalnya berdasarkan beberapa hujah, antaranya:

<sup>34</sup>Al-Dhahabi (1976), *op.cit.*, 1 : 70-71.

<sup>35</sup>*Ibid.*, 1 : 71.

- i. Walaupun beliau sendiri pernah merujuk kepada Ahli Kitab, namun, beliau mempunyai garis panduan yang jelas, antaranya, bahawa beliau sama sekali tidak merujuk kepada Ahli Kitab yang tidak beragama Islam dan yang tidak *thiqah* kepada kitab Taurat dan Injil yang asal.
- ii. Beliau serta Sahabat tidak bertanya kepada Ahli Kitab perkara yang berkaitan dengan aqidah atau prinsip agama. Ia sekadar huriaian sebahagian kisah atau cerita umat dan para nabi terdahulu, cerita-cerita tentang fitnah dan kejadian pada hari akan berlakunya kiamat<sup>36</sup>.
- iii. Beliau tidak menerima riwayat yang bertentangan dengan nas Al-Qur'an dan hadith *sahih*. Jika berlaku pertentangan, beliau akan menolaknya dan jika tiada keterangan benar atau tidak benar di dalam Al-Qur'an dan menurut ijihadnya, beliau mengambil sikap mendiamkan diri dan tidak mengeluarkan sebarang kenyataan<sup>37</sup>.
- iv. Beliau tidak mengeluarkan sebarang fatwa, hukum atau *ijtihād* berdasarkan maklumat Ahli Kitab. Malah beliau akan menapis, meneliti dan mengkaji setiap berita yang disampaikan kepadanya.
- v. Sebagai bukti beliau tidak menyukai cerita Israiliyat yang bertentangan dengan nas dan akal, beliau telah meriwayatkan hadith daripada Rasulullah s. 'a.w.

<sup>36</sup>Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 63.

<sup>37</sup>Al-Dhahabi (1985), *op.cit.*, h. 80.

agar jangan menanyakan Ahli Kitab yang telah mengubah kandungan kitab Taurat. Ini menunjukkan beliau tidak mengutamakan cerita Israiliyat bahkan mengutamakan Al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.'a.w.. Andainya beliau menyukai cerita Israiliyat, sudah pasti menyembunyikan hadith ini dan tidak meriwayatkannya sebagaimana yang didakwa oleh Golziher<sup>38</sup>.

Sebagai panduan terhadap kedudukan riwayat Ibn 'Abbās, Imam al-Suyūṭī telah menyenaraikan beberapa perawi atau *sanad* hadith riwayatnya dengan jalan yang banyak dan berbeza. Antaranya ada yang *Ṣaḥīḥ* dan ada yang *Ḥasan* serta *Da'iḍ*. Sebagaimana yang didakwa bahawa Ibn 'Abbās banyak meriwayatkan hadith *Da'iḍ* dalam tafsirnya merupakan satu perkara yang mustahak diberi penilaian. Hal yang demikian kerana riwayat beliau tidak terlepas daripada eksloitasi golongan yang suka menambah cerita dan menyandarkan kepadanya melalui jalan *sanad* yang banyak dan berbeza-beza<sup>39</sup>.

Sebagai contohnya, al-Suyūṭī menukilkan pendapat Imam al-Syāfi'i yang mengatakan bahawa 100 buah sahaja riwayatnya yang sebenar. Hal yang demikian setelah dibuat penilaian dan kajian terhadap hadith riwayat beliau, lantaran terlalu banyaknya riwayat atau khabar yang disandarkan kepadanya<sup>40</sup>. Riwayat dan *sanad* Ibn 'Abbās terlalu banyak sehingga sukar dihitung. Namun antara rangkaian *sanad*nya yang baik yang dapat disenaraikan di sini ialah:

<sup>38</sup>*Ibid.*, h. 78.

<sup>39</sup>Umar Yüsuf Hamzah (1995), Dr., *Uṣūl al-Tafsīr wa Manāhijuh*, c. 2. Qatar: Maktabah al-Aqsā, h. 46.

<sup>40</sup>Al-Suyūṭī (1988), *al-Itqān fī 'Ulūm Al-Qur'ān*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 4:209.

- i. ‘Alī bin Abū Talḥah al-Hāsyimiy, daripada Abū Ja‘far al-Nuḥḥās, Mu‘āwiyah bin Ṣāliḥ, Abū Ṣāliḥ, al-Bukhārī, Ibn Jarīr, Ibn Abū Ḥātim, Ibn Mundhir, Mujāhid dan Sa‘īd bin Jubayr.
- ii. Ibn Abū Nujayḥ, daripada Mujāhid dan Ibn Jubayr.
- iii. ‘Ikrimah, daripada al-Ḥasan bin Wāqid al-Naḥwi, Muḥammad bin Ishāq, Muḥammad bin Abū Muḥammad<sup>41</sup> daripada ‘Ikrimah atau Sa‘īd bin Jubayr<sup>42</sup>.
- iv. Mu‘āwiyah bin Ṣāliḥ daripada ‘Alī bin Abū Talḥah daripada Ibn ‘Abbās. ‘Alī merupakan seorang perawi yang benar dan jujur, walaupun beliau sendiri tidak berjumpa dengan Ibn ‘Abbās, namun beliau meriwayatkan hadith daripada para Sahabat yang *thiqah*, dan hadith riwayat beliau diakui oleh Imam al-Bukhārī, Abū al-Ḥātim dan selainnya.
- v. Ibn Jurayj daripada ‘Aṭā’ bin Abū Rabāḥ<sup>43</sup>.
- vi. Qays daripada ‘Aṭā’ bin al-Sā’ib, daripada Sa‘īd bin Jubayr<sup>44</sup>.

.....

Adapun antara perawi dan jalan *sanad* yang *da’if* dan tidak *thiqah* ialah:

- i. Juwaybir, daripada al-Daḥḥāk bin Muzāhim. Hal yang demikian al-Daḥḥāk tidak pernah bertemu dengan Ibn ‘Abbās. Jika digabungkan kepada *sanad* Bisyr bin ‘Imārah daripada Abū Rawq daripada Ibn ‘Abbās ia dikira juga *da’if* kerana Bisyr seorang yang *da’if*<sup>45</sup>.

<sup>41</sup>Riwayatnya dengan jalan ini banyak dikeluarkan oleh Ibn Jarīr dan Ibn Abū Ḥātim. ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf (1966), *op.cit.*, h. 113.

<sup>42</sup>Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 150.

<sup>43</sup>Hanya untuk surah al-Baqarah dan ‘Āl ‘Imrān. Selain dari kedua-dua surah ini diriwayatkan oleh al-Khurasānī melalui jalan yang sama kerana ‘Aṭā’ tidak mendengar sendiri daripada Ibn ‘Abbās kecuali jika Ibn Jurayj menyatakan secara jelas ianya daripada ‘Aṭā’ bin Abū Rabāḥ. *Ibid.*

<sup>44</sup>Jalan *sanad* ini adalah menurut syarat yang diterima oleh al-Bukhārī dan Muslim, juga al-Ḥākim dan al-Faryābī. ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf (1966), *op.cit.*, h. 112 dan 113.

<sup>45</sup>Al-Suyūṭī (1988), *op.cit.*, 4: 209.

- ii. Muḥammad bin al-Sā'ib al-Kalbī daripada Abū Ṣalīḥ<sup>46</sup> daripada Ibn ‘Abbās. Ini adalah kerana al-Kalbī dituduh berdusta sebagaimana yang diakui olehnya sendiri kepada pengikutnya ketika ia ditimpa kesakitan: *Semua yang aku riwayatkan kepada kamu daripada Abū Ṣalīḥ adalah dusta*<sup>47</sup>.
- iii. Al-Suddī al-Ṣaghīr<sup>48</sup> Muḥammad bin Marwān, daripada al-Kalbī daripada Abū Ṣalīḥ. Ia meriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās sebanyak 1660 buah hadith.
- iv. Ibn Jurayj daripada Bakr bin Sahl al-Dimyāṭī daripada ‘Abd al-Ghāni bin Sa‘id daripada Mūsā bin Muḥammad<sup>49</sup>.

*Sanad* riwayat Ibn ‘Abbās melalui Muḥammad bin Thūr daripada Jurayj sebanyak tiga juzuk besar adalah *sahīh*. Begitu juga jalan riwayat al-Hajjāj bin Muḥammad daripada Ibn Jurayj sebanyak satu juzuk juga adalah *sahīh* dan dipersetujui serta diterima. Tafsiran Syibr bin ‘Ubbād al-Makkiy daripada Ibn Abū Nujayj daripada Mujāhid adalah hampir kepada *sahīh*.

Manakala riwayat Ibn ‘Abbās di dalam tafsir ‘Aṭā’ bin Dīnār boleh dibuat hujah dan ditulis. Tafsir Abū Rawq sebanyak satu juzuk juga *sahīh*. Tafsir Ismā’īl al-Suddī melalui riwayat al-Thawrī dan Syu‘bah boleh diterima, melainkan riwayat Asbaṭ bin Naṣr tidak dipersetujui dan tidak diterima riwayatnya<sup>50</sup>.

<sup>46</sup>Bekas hamba yang dibebaskan oleh Umm Hāni.

<sup>47</sup>Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 151.

<sup>48</sup>Merupakan seorang pendusta dan lebih *da’if* daripada al-Kalbī.

<sup>49</sup>Al-Suyūṭī (1988), *op.cit.*, 4:208.

<sup>50</sup>*Ibid.*

Antara jalan *sanad* Ibn ‘Abbās yang baik juga ialah melalui Qays melalui ‘Atā’ bin al-Sā’ib daripada Sa’id bin Jubayr. Jalan ini *sahīh* dengan syarat al-Bukhārī dan Muslim. Jalan riwayat ini juga diriwayat dengan banyaknya oleh al-Faryābī dan al-Hākim dalam *al-Mustadraknya*. Jalan *sanad* lain ialah melalui al-Kalbī daripada Abū Ṣalih, namun ada antara *sanad* dalam rangkaian riwayatnya bernama Muḥammad bin Marwān al-Suddī al-Ṣaghīr yang dikira rangkaian *sanad* yang tidak benar. Begitu juga riwayat yang di dalamnya perawi bernama Bisyr bin ‘Imārah melalui Abū Rawq.

Ibn Jarīr (m. 310 H.) dan Ibn Abū Ḥātim (m. 277 H.) banyak meriwayatkan hadith Ibn ‘Abbās namun mereka tidak mentakhrijkan riwayat Juwaybir daripada al-Daḥḥāk tetapi telah ditakhrijkan oleh Ibn Mardawayh dan Ibn Hayyān. Adapun jalan riwayat al-‘Awqī juga *da’if* namun bertaraf *Hasan* menurut al-Tirmidhī (m. 279 H.)<sup>51</sup>.

Jalan riwayat daripada Ubay bin Ka‘ab atau Ja‘far al-Rāzī daripada al-Rabi‘ bin Anas daripada Abū al-Āliyah, adalah *sanad* yang *sahīh*. Banyak terdapat dalam tafsiran Ibn Jarīr dan Ibn Abū Ḥātim. Begitu juga ditakhrijkan oleh al-Hākim (m. 405 H.) dan Imam Aḥmad bin Ḥanbal. Melalui nama-nama perawi serta jalan *sanad* yang telah dinyatakan di atas dapat dijadikan panduan terhadap riwayat yang disandarkan kepada Ibn ‘Abbās. Antara faktor banyaknya riwayat yang tidak *sahīh* dicampur adukkan dengan riwayat sebenar Ibn ‘Abbās adalah kerana:

<sup>51</sup> *Ibid.*, 4:209.

- i. Beliau adalah dari keturunan keluarga Nabi s. 'a.w. dan paling *thiqah*.
- ii. Sikap mereka yang suka menambah cerita dengan menyandarkannya kepada Ibn 'Abbās agar lebih dipercayai.
- iii. Beliau adalah Sahabat yang pakar dan paling mahir mentafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an dengan mendapat kepercayaan Sahabat lain dan ulama. Hal yang demikian menjadikan riwayat yang tidak *sahīh* dan samar bertambah kukuh dan boleh diterima ramai.
- iv. Kedapatan pihak tertentu yang bertujuan menjatuhkan kehebatan Ibn 'Abbās yang merupakan Sahabat yang paling mahir dalam pentafsiran ayat-ayat Al-Qur'an.

Ringkasnya, sebagai panduan dalam menentukan kedudukan riwayat Ibn 'Abbās adalah sebagaimana berikut :

- i. Syarat setiap perawi yang berada dalam *sanad* hadith yang disandarkan kepada Ibn 'Abbās adalah tidak *da'iṣ*, وَلَا يُعْرَفُ dikenali dan tidak dipertikaikan *kethiqahannya*.
- ii. Mengkaji setiap perawi dari aspek sejarah hidup mereka dengan memberikan perhatian pertemuan mereka dengan Ibn 'Abbās sendiri. Ini adalah kerana zaman Ibn 'Abbās adalah zaman yang paling luas peluang untuk bertemu dan mudah bertemu dengannya.
- iii. Memastikan perawi pergi sendiri kepada mereka yang meriwayatkan hadith Ibn 'Abbās dan andainya mereka tidak berada dalam satu negeri.
- iv. Riwayat yang dibawa daripada Ibn 'Abbās itu mestilah memenuhi syarat al-Bukhārī kerana beliau menetapkan syarat bertemu dan mendengar sendiri

hadith daripada orang yang menyampaikan hadith, sebagai syarat penerimaan hadith.

c. ‘Abd Allāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ<sup>52</sup>

Beliau adalah kalangan Sahabat yang banyak meriwayatkan hadith secara langsung daripada Rasulullah s.‘a.w. Beliau meminta izin daripada Nabi untuk menulis hadith-hadith yang didengarnya daripada Rasulullah dan ditulis di dalam *sahīfah* yang dinamakan dengan *al-Sādiqah*<sup>53</sup>. Beliau meriwayatkan hadith dari Sahabat besar antaranya Abū Bakr dan ‘Umar al-Khaṭṭāb.

Riwayat beliau juga mendapat perhatian dan sambutan di kalangan *Tābi‘īn*, antara mereka yang meriwayatkan hadith beliau ialah Sa‘id bin al-Musayyab (m. 93 H.), ‘Urwah (m. 94 H.), Abū Salamah, Masrūq dan lainnya<sup>54</sup>. Hadith riwayat beliau yang sampai kepada kita hari ini adalah sebanyak 700 buah hadith sahaja di mana 17 buah disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim, 8 buah hadith oleh al-Bukhārī sahaja dan 20 buah hadith oleh Muslim sahaja.

<sup>52</sup>Beliau ialah Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ al-Qurasyiy al-Sahami. Memeluk Islam sebelum bapanya. Nabi amat menyukainya dan melebihkan ia daripada ayahnya sendiri. Beliau seorang yang bersungguh-sungguh dalam ibadat juga banyak membaca Al-Qur'an serta Qiāmullail. Beliau ditegur oleh Rasulullah s.‘a.w. agar membahagikan masa hidupnya dengan bersederhana dalam ibadat dan memberikan hak badan, mata, perut serta masa untuk keluarga. Siangnya beliau berpuasa dan sepanjang malamnya beribadat dan terlalu jarang pulang ke rumah. Beliau meninggal di Mesir tahun 63 H. Abū al-Hasan ‘Alī bin Muḥammad al-Jazrī bin al-Athīr (1970), *Usd al-Ğhābah fi Ma'rīfah al-Sahābah*. Kaherah: al-Sya'b, 3:349 dan 351; Ibn Sa'd (1912), *op.cit.*, 4: 8; Al-Asbahānī (1967), *op.cit.*, 1: 285-286.

<sup>53</sup>Menurut beliau, *al-Sādiqah* ini ialah kumpulan hadith-hadith yang didengar daripada Rasulullah s.‘a.w. dan tiada orang lain kecuali mereka berdua agar beliau dapat menjaga hadith tersebut kerana tiada orang lain yang mendengarnya. Rasulullah s.‘a.w. mengiakkannya dan membenarkannya. Ibn Sa'd (1912), *op.cit.*, 4: 8 dan 9.

<sup>54</sup> Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī (t.t.), *Tadhkirah al-Huffāz*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabī, 1 : 41; Ibn Ḥibbān (1979), *op.cit.*, 3 : 210 dan 211.

Ilmu dan pengetahuan beliau adalah berpunca daripada dua sumber utama iaitu:

- i. Rasulullah s. 'a.w. sendiri. Beliau bukan sahaja mendengar hadith Rasulullah s. 'a.w. sendiri tetapi banyak menulis dan menghafal hadith Baginda<sup>55</sup>.
- ii. Perolehannya daripada kitab-kitab Ahli Kitab. Ini adalah kerana beliau menguasai bahasa Siryāñī. Beliau boleh membaca dan memahami kitab Taurat<sup>56</sup>. 'Abd Allāh bin 'Amr juga boleh menulis dan membaca. Berdasarkan kedua-dua kemahiran inilah yang menjadi faktor utama penguasaan beliau dalam meriwayatkan hadith. Beliau mula mempelajari bahasa Siryani ketika pembukaan negeri Syam yang mana beliau adalah salah seorang ketua tentera muslimin yang diarahkan oleh Abū Bakr menakluki Syam. Beliau mati syahid bersama bapanya ketika pembukaan Syam<sup>57</sup>. Selain itu, beliau juga terlibat dalam perang Yarmuk dan pernah meriwayatkan hadith daripada dua orang Ahli Kitab semasa peperangan itu<sup>58</sup>. Pada masa itu bahasa Siryāñī tersebar di Syam yang menyimpan banyak buku bernilai terjemahan ke bahasa Siryāñī. Beliau boleh membaca buku-buku tersebut<sup>59</sup>. Cerita yang diriwayatkan oleh beliau daripada kitab Taurat atau Ahli Kitab adalah *mawqūf* kepada beliau sahaja, tidak kepada Rasulullah s. 'a.w.. Oleh itu jika ada hadith riwayat beliau yang disandarkan kepada Rasulullah s. 'a.w. sedangkan beliau sendiri tidak menyatakan

<sup>55</sup>Ini diakui sendiri oleh al-Bukhārī dalam riwayatnya, katanya : Abū Hurayrah mengatakan : - Tiada yang lebih banyak meriwayatkan hadith daripada Rasulullah s. 'a.w. sendiri daripadaku melainkan 'Abd Allāh bin 'Amr, kerana beliau menulis sedangkan aku tidak menulisnya. Ibn al-Athir (1970), *op.cit.*, 3:349.

<sup>56</sup>Beliau memberitahu Rasulullah s. 'a.w. bahawa beliau bermimpi sebelah jarinya ada minyak sapi dan sebelah jarinya yang lain ada madu. Lalu Rasulullah s. 'a.w. mengatakan bahawa itu tandanya beliau boleh membaca dua kitab iaitu Taurat dan Al-Qur'an. al-Asbahānī (1967), *op.cit.*, 1: 286.

<sup>57</sup>*Ibid.*

<sup>58</sup>Telah dijelaskan dalam Bab 1.

<sup>59</sup>Ibn Sa'd (1912), *op.cit.*, 4:11 dan 13.

daripada Rasulullah s. 'a.w., ia adalah penyelewengan yang dilakukan terhadap beliau dan hadith riwayat beliau<sup>60</sup>.

Ini menunjukkan tidak mustahil selepas kematiannya ada orang yang melakukan penyelewengan terhadap riwayat beliau. Hakikatnya, beliau tidak banyak meriwayatkan cerita Israiliyyat sebagaimana yang didakwa dan jika kedapatan riwayat yang disandarkan kepada beliau yang tidak menepati nas serta tidak diterima akal, ia wajar diteliti *sanad* juga *matannya* agar tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam.

Menurut pendapat Ibn Ḥazm al-Andalūṣī (m. 456 H.), ‘Abd Allāh bin ‘Amr r. ‘a. hanya meriwayatkan hadith sebanyak 700 buah sahaja. Jumlah ini bercanggah dengan kenyataan Abū Hurayrah r. ‘a. bahawa ‘Abd Allāh bin ‘Amr r. ‘a. lebih banyak meriwayatkan hadith berbanding dengannya. Ia berpunca daripada beberapa sebab, antaranya:

- i. ‘Abd Allāh bin ‘Amr r. ‘a. menetap di Mesir, tidak ramai di kalangan Sahabat yang pergi ke sana, manakala Abū Hurayrah pula menetap di Madinah yang merupakan tempat tumpuan umat Islam seluruh pelosok.
- ii. Disebabkan beliau telah meriwayatkan hadith daripada 2 orang Ahli Kitab semasa perang Yarmuk menyebabkan hadith-hadith beliau tidak mendapat sambutan di kalangan para *Tābi‘īn* dan ini menyebabkan tidak banyak hadithnya tersebar.

<sup>60</sup>Sebagaimana yang ditegaskan sendiri oleh beliau, katanya yang bermaksud: *Aku tidak menghalalkan sesiapa yang menyandarkan sesuatu kepadaku sedangkan aku sendiri tidak mengatakannya*. Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Mukthirin min al-Sahābah*, *Musnad ‘Abd Allāh bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ*, no. hadith. 6355.

- iii. Beliau lebih banyak menumpukan kepada ibadat daripada pengajaran, lantaran itu orang yang meriwayat hadith daripadanya tidak ramai, berbanding Abū Hurayrah yang banyak melibatkan diri dengan pengajaran di masjid dan menyebarkan hadith.

Antara sebab di atas, sebab yang pertama adalah lebih tepat dan munasabah. Ini adalah kerana ‘Abd Allāh bin ‘Amr r. ‘a. banyak mengadakan majlis ilmu di Syam, Mesir, Tā’if dan Mekah. Beliau merupakan pakar rujuk di Mesir. Beliau sering membawa apa yang beliau tulis daripada Rasulullah s. ‘a.w. di dalam setiap majlis ilmunya. Ini menunjukkan beliau meriwayatkan banyak hadith dan ibadat yang beliau lakukan tidak membantutkan penyebaran hadith.

Beliau tidak dijauhi oleh sebilangan *Tābi‘īn* lantaran meriwayatkan hadith daripada Ahli Kitab. Hal yang demikian kerana bertentangan dengan pendirian beliau yang berpegang teguh dengan ajaran Rasulullah s. ‘a.w. dan beliau adalah antara perawi yang meriwayatkan hadith (مَنْ كَتَبَ عَلَيْيِّ مُتَعَمِّدًا فَلَيَتَبُوأْ مَقْعِدَةً مِنَ النَّارِ). Ramai *Tābi‘īn* yang meriwayatkan hadith daripada beliau. Beliau juga sering membezakan antara hadith Rasulullah s. ‘a.w. dengan hadith 2 orang Ahli Kitab di dalam setiap majlis ilmunya. Beliau adalah orang yang paling berhati-hati terhadap hadith riwayatnya. Beliau amat teliti menjaga lebaran tulisannya dan menyimpannya di dalam peti keselamatan dikhuatiri hilang.

\*‘Abd Allāh bin ‘Amr r. ‘a. mempunyai pendirian tersendiri dalam meriwayatkan cerita Israiliyyat. Beliau pernah meriwayatkan kisah umat-umat

terdahulu, kata-kata hikmah atau peristiwa-peristiwa yang sumbernya adalah dari kitab Taurat, antara kata-katanya, bermaksud:

- i. Di dalam kitab Taurat ada tertulis: *Sesiapa yang berniaga, ia melakukan dosa, sesiapa yang menggali lubang kejahatan untuk kawannya, ia sendiri yang akan jatuh di dalamnya*<sup>61</sup>.
- ii. Beliau ditanya oleh ‘Atā’ bin Yasār tentang sifat Baginda s.’a.w. dalam kitab Taurat, jawabnya: *Ya benar. Demi Allah sifat Rasulullah s.’a.w. ada dinyatakan dalam Taurat namun setengah sahaja dari sifat yang terdapat dalam Al-Qur’ān*<sup>62</sup>.
- iii. Sesungguhnya di dalam laut terdapat syaitan-syaitan yang dipenjara yang dikukuhkan oleh Nabi Sulaymān ‘a.s. agar ia tidak keluar, lalu beliau membaca ayat Al-Qur’ān yang berkaitan dengan cerita tersebut kepada hadirin.
- iv. Ketika Allah mengeluarkan Nabi ‘Ādam ‘a.s. dari Syurga, firman-Nya kepada Adam: *Aku turunkan bersamamu satu rumah yang ditawaf sekelilingnya sebagaimana ‘Arasy-Ku yang ditawaf, disembahyang di sisinya sebagaimana sembahyang di sisi ‘Arasy-Ku. Apabila sampai masa Taufan (Kiamat) rumah itu akan diangkat, para nabi mencari-carinya dan tidak mengetahui tempatnya sehingga Allah kembalikan Nabi Ibrāhīm ‘a.s. dan memberitahukan tempatnya. Lalu rumah itu dibina daripada 5 buah bukit iaitu Hirā’, Tabir, Lubnān, Tür dan al-Khamr*<sup>63</sup>.

<sup>61</sup>Al-Asbahānī (1967), *op.cit.*, 1:288.

<sup>62</sup>Al-Bukhārī, Kitab *Tafsīr Al-Qur’ān*, Bab *Innā ‘Arsalnāka Syāhidan...*, no. hadith 4461 dan Kitab *al-Buyū’*, Bab *Karāhiyyah al-Sakhb fi al-Sūq*, no. hadith 1981; Ahmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Mukthirin min al-Ṣahābah*, *Musnad ‘Abd Allāh bin ‘Amrū bin al-Āṣ*, no. hadith 6333.

<sup>63</sup>Ramzi Na’na’ah (1970), *op.cit.*, h. 152.

Kedua-dua hadith yang menceritakan tentang syaitan dipenjara dan rumah yang diturunkan bersama Nabi 'Ādām 'a.s. adalah hadith yang diriwayatkannya daripada 2 orang Ahli Kitab semasa perang Yarmuk. Ini menunjukkan beliau meriwayatkan hadith Israiliyat dalam skop yang diizinkan oleh Rasulullah s.'a.w. sebagaimana hadithnya (بَلَغُوْنَا عَنِّي وَلَوْ آيَةٌ... وَحَدَّثُوْنَا عَنْ بَنِي اسْرَائِيلَ وَلَا حَرْجَ). Beliau merupakan Sahabat yang cekap dan tahu menilai antara berita yang benar dan berita yang palsu<sup>64</sup>.

Namun begitu beliau tidak terkecuali dari tuduhan yang mengatakan beliau meriwayatkan hadith daripada sumber Israiliyat dan berguru dengan Ahli Kitab seperti Ka'ab al-Aḥbār. Menurut pengarang kitab *Adwā' 'alā al-Sunnah al-Muḥammadiyyah*, 'Abd Allāh bin 'Amr bin al-'Āṣ r.'a. adalah salah seorang daripada 3 'Abd Allāh yang meriwayatkan cerita Israiliyat. Dua orang 'Abd Allāh lagi ialah 'Abd Allāh bin 'Abbās dan 'Abd Allāh bin 'Umar. Manakala Sahabat lain yang turut disebut ialah Abū Ḥurayrah, Anas bin Mālik dan Mu'āwiyah<sup>65</sup>.

Setelah meninjau tentang pendirian dan hubungkaitnya dengan riwayat berunsur Israiliyat dapatlah dirumuskan di sini bahawa:

- i. Dakwaan sebegini wajar diperbetulkan agar tidak timbul salah faham masyarakat Islam terhadap Sahabat besar seperti beliau.

---

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> Abū Rayyah (1980), *op.cit.*, h. 137.

- ii. ‘Abd Allāh bin ‘Amr merupakan seorang Sahabat yang tahu dan memahami bahasa kitab Taurat. Adalah tidak wajar mengatakan beliau banyak meriwayatkan cerita Israiliyat daripada Ahli Kitab, sedangkan beliau sendiri boleh membaca kitab Taurat dan memahaminya dan boleh meriwayatkan sendiri daripada kitab tersebut jika mahu tanpa merujuk kepada Ahli Kitab.
- iii. Beliau juga menyatakan dengan jelas riwayat yang diambil secara langsung daripada Rasulullah s. ‘a.w.. Jika ia bukan riwayat atau sekadar kata-kata beliau, beliau akan menyatakannya secara jelas, agar tidak timbul sebarang kesamaran.
- iv. ‘Abd Allāh bin ‘Amr bukanlah murid kepada Ka‘ab al-Aḥbār sebagaimana yang didakwa. Guru beliau yang sebenar ialah Rasulullah s. ‘a.w. sendiri.
- v. Sebarang riwayat ‘Abd Allāh bukanlah bersumberkan daripada Ka‘ab tetapi hasil bacaan dan penelitian beliau sendiri di dalam kitab Taurat dan jika terdapat fakta yang sama dengan yang diriwayatkan oleh Ka‘ab atau ‘Abd Allāh bin Salām, ia tidak menunjukkan ‘Abd Allāh berguru dengan mereka. Ini adalah kerana masing-masing mentelaah dan meneliti kandungan kitab Taurat yang ada antara kandungannya menyamai Al-Qur’ān. Ini adalah secara kebetulan dan diakui sendiri oleh Ka‘ab bahawa apa yang dikatakan oleh ‘Abd Allāh adalah benar.

d. ‘Abd Allāh bin Salām<sup>66</sup>

Beliau adalah kalangan Ahli Kitab Muslim yang meriwayatkan hadith secara langsung daripada Nabi s.a.w. sendiri. Hadith riwayat beliau telah diriwayatkan oleh sebahagian besar Sahabat dan *Tābi‘īn* seperti Abū Hurayrah, kedua-dua anaknya Yūsuf dan Muḥammad, ‘Awf bin Mālik, Abū Burdah bin Abū Mūsā, ‘Ata’ bin Yasar dan lain lagi<sup>67</sup>. Beliau bersama-sama dengan Saidina ‘Umar al-Khaṭṭāb membuka Bayt al-Maqdis dan al-Jābiah<sup>68</sup>.

Imam al-Bukhārī (m. 256 H) menyebut kisahnya secara berasingan tentang keistimewaannya dengan riwayat Sa‘d bin Abū Waqqās tentang keistimewaan ‘Abd Allāh bin Salām<sup>69</sup>. Dalam riwayat lain juga memberitahu tentang ayat yang khusus turun mengenainya sebagaimana hadith riwayat ‘Abd al-Malik bin ‘Uwaymir daripada anak saudara ‘Abd Allāh bin Salām<sup>70</sup>.

Mengenai tahap ilmu dan *thiqah* serta keadilannya, beliau diakui oleh Imam al-Bukhārī sendiri melalui hadithnya, iaitu, ‘Abd Allāh bin Salām merupakan seorang yang paling berilmu di kalangan bangsa Yahudi serta anak

<sup>66</sup>Beliau ialah Abū Yūsuf ‘Abd Allāh bin Salām bin al-Ḥārith al-Isra’īliy al-Anṣāriy. Beliau adalah keturunan anak lelaki Nabi Yūsuf bin Ya‘qūb ‘a.s.. Namanya sebelum Islam ialah al-Ḥuṣayn kemudian memeluk Islam ketika kedatangan Nabi ke Madinah dan diberi nama oleh Nabi dengan nama ‘Abd Allāh. Beliau juga terlibat dalam perang Badar. Meninggal di Madinah pada masa pemerintahan Mu‘āwiyah pada tahun 43 H. Kisah beliau memeluk Islam dan Nabi bersaksi bahawa beliau adalah salah seorang ahli Syurga terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* juga *Sīrah Ibn Hisyām*. Al-Dhahabī (1976), *op.cit.*, 1 : 183; Ibn Hisyām (1994), *op.cit.*, 2 : 130 dan 131.

<sup>67</sup>*Ibid.*

<sup>68</sup>Al-Dhahabī (1976), *op.cit.*, 1: 186.

<sup>69</sup>Al-Bukhārī, Kitab *al-Manāqib*, Bab *Maṇāqib ‘Abd Allāh bin Salām*, no. hadith 3528, 3539 dan 3530; Muslim, Kitab *Fadā’il al-Saḥābah*, Bab *Min Faḍā’il ‘Abd Allāh bin Salām*, no. hadith 4535, 4536, 4537 dan 4538.

<sup>70</sup>Ayat tersebut ialah ayat 10 surah al-Ahqāf (46) dan ayat 43 surah al-Ra‘d (13); Al-Tirmidhī, Kitab *al-Manāqib ‘an Rasūl Allāh*, Bab *Maṇāqib ‘Abd Allāh bin Salām*, no. hadith 3739. Al-Dhahabī (t.t.), *op.cit.*, 1: 26.

kepada orang yang paling alim di kalangan mereka. Para Sahabat mengakui beliau sebagai seorang Islam yang jujur dan mempunyai banyak ilmu sebagaimana kata-kata Mu‘ādh bin Jabal dalam sebuah hadith riwayat Yazid bin ‘Umayrah, katanya, berniaksud: Ketika hampir meninggal dunia, Mu‘ādh diminta memberi sesuatu wasiat, lalu ia mengatakan bahawa iman dan amal itu terletak pada 4 orang yang mana salah seorangnya ialah ‘Abd Allāh bin Salām sebagai orang kesepuluh dijamin syurga oleh Rasulullah s. ‘a.w.<sup>71</sup>.

Pengiktirafan ini adalah kerana beliau mempunyai dua ilmu yang mendalam iaitu ilmu Taurat dan Al-Qur'an<sup>72</sup>. Dengan kelebihan ini beliau merupakan pakar rujuk orang-orang Islam untuk mendapatkan maklumat yang benar terutama cerita-cerita mengenai bani Israil, umat-umat terdahulu serta nabi-nabi mereka. Ibn Jarīr al-Ṭabarī banyak memuatkan riwayat daripada beliau terutama mengenai sejarah. Melalui pengetahuan dan ilmunya yang mendalam tentang kandungan Taurat dan Injil, tidak ~~dingin~~ dugaan beliau ada meriwayatkan cerita-cerita Israiliyyat tetapi yang bertaraf *sahīh*. Dalam keadaan ini, ada mereka yang mengambil kesempatan telah mencampur adukkan riwayat beliau yang *sahīh* dengan yang tidak benar<sup>73</sup>.

Sedangkan beliau sendiri membezakan antara riwayat daripada Rasulullah s. ‘a.w. dan riwayat Israiliyyat yang diambilnya dari Ahli Kitab dan juga kitab Taurat yang asal. Beliau juga bertindak membentulkan mana-mana fakta atau

<sup>71</sup>Al-Tirmidhi, Kitab *al-Manāqib ‘an Rasūl Allāh*, Bab *Manāqib ‘Abd Allāh bin Salām*, no. hadith 3740. Dalam riwayat lain daripada Sa'd. Hadith ini bertaraf *Hasan Ghariib*.

<sup>72</sup>Al-Dhahabi (t.t.), *op.cit.*, 1:27.

<sup>73</sup>Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 100.

cerita yang direka dan diselewengkan oleh Ahli Kitab kerana beliau merupakan orang yang mahir dengan ajaran dan kandungan Taurat.

Menurut al-Dhahabi<sup>74</sup>, ‘Abd Allāh bin Salām mendapat pengiktirafan, baik daripada Allah, Rasulullah s.‘a.w. juga Sahabat. ‘Abd Allāh adalah seorang perawi dan Sahabat yang bukan dari kalangan mereka yang dituduh pendusta atau *matrūk*<sup>75</sup>. Namun demikian, dengan latar belakang beliau sebagai Ahli Kitab yang menganut Islam, ada golongan yang mengambil kesempatan mempersoalkan kejujuran beliau dan juga riwayatnya. Walaupun demikian, jika terdapat sebarang riwayat dan maklumat yang disandarkan kepada beliau dan bertentangan dengan syarak, *matan* dan *sanadnya* wajar dikaji.

#### e. Tamīm al-Dārī<sup>76</sup>

Beliau meriwayatkan hadith daripada Rasulullah s.‘a.w. sendiri sebanyak 18 buah hadith. Ibn Majah (m. 276 H.) meriwayatkan bahawa beliau adalah orang pertama memasang lampu di masjid dan menceritakan sesuatu cerita di mana

<sup>74</sup>Al- Dhahabi (1976), *op.cit.*, 1: 186-187; Ibn al-Athīr (1970), *op.cit.*, 3: 264.

<sup>75</sup>Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 5: 249; Ibn al-Athīr (1970), *op.cit.*, 3: 264-265; Al-Dhahabi (t.t.), *op.cit.*, 1: 26-27.

<sup>76</sup>Beliau ialah Tamīm Ibn ‘Aws al-Dārī. Setengahnya berpendapat namanya ialah Khārijah bin Süd, dan ada yang mengatakan namanya ialah Sawād bin Juzaymah bin Dhirā’ bin ‘Adiy bin al-Dār bin Hāni’ bin Ḥabib bin Namarah bin Lakhm. Beragama Nasrani ketika tinggal di Yaman kemudian datang ke Madinah dan memeluk Islam bersama saudaranya Nu‘aym pada tahun 9 H. - Sempat menyertai perperangan bersama Rasulullah s.‘a.w.. Qatādah mengatakan beliau adalah pendeta Ahli Kitab. Abū Nu‘aym mengatakan beliau adalah paderi dari kalangan penduduk Palestin dan setelah memeluk Islam orang yang paling kuat beribadat di kalangan penduduk Palestin. Setelah kematian Khalifah ‘Uthmān, beliau berpindah ke Syam dan menetap di Palestin. Nabi telah memberikan beliau sebidang tanah di daerah ‘Aynūn iaitu salah satu daerah di Baitul Maqdis. Meninggal di Syam dan dikenang di Bayt Jibrin, sebuah daerah antara Baitul Maqdis dan Ghazzah di Palestin. Tertulis di makamnya tarikh kematianya iaitu pada tahun 40 H. Gelaran beliau yang masyhur di kalangan Sahabat ialah Abū Ruqayyah al-Dārī. Ibn Hajar (1995), *op.cit.*, 1: 488; Ibn al-Athīr (1970), *op.cit.*, 1:256; Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 1: 511.

Nabi s. 'a.w. pernah menyebut ceritanya yang masyhur tentang *al-Jaṣṣāṣah* dan Dajal<sup>77</sup> di mimbar masjid serta dikira sebagai salah satu *manāqibnya*<sup>78</sup>.

Hadith beliau juga mendapat tempat kalangan Sahabat. Antara mereka yang meriwayatkan hadith beliau ialah ‘Abd Allāh bin ‘Amrū, Ibn ‘Abbās, Abū Hurayrah, Anas bin Mālik, Syuraḥbīl bin Muslim, Qabisah bin Dhu’ayb, Sulaymān bin ‘Āmir, Zarārah bin Awfā, Rūḥ bin Zanba’, ‘Abd Allāh bin Wahab, ‘Aṭā’ bin Yāzid al-Laythy, Syahr bin Ḥawsyab, ‘Abd al-Rahmān bin Ghanam dan selainnya<sup>79</sup>.

Hadith terkenal beliau yang lengkap ialah riwayat daripada Fātimah bint Qays mengenai cerita *al-Jaṣṣāṣah* dan Dajal<sup>80</sup>. Daripada cerita ini beliau membawa kisah bagaimana keadaan Dajal. Mereka menuduh Tamīm sengaja hendak memasukkan cerita Israiliyyat ke dalam agama Islam dan menimbulkan pertelingkahan di kalangan umat Islam. Mereka mengatakan bahawa sikap Nabi berdiam diri itu tidak menandakan ia menerima cerita Tamīm.

Untuk menolak prasangka ini, Dr. Ramzī ada menyenaraikan beberapa hujah antaranya<sup>81</sup>:

<sup>77</sup>Diriwayatkan bahawa apabila beliau selesai menulis tentang kisah *al-Jassāṣah*, ia menyebutnya kepada Nabi dan Nabi menceritakan balik kisah tersebut. Dengan cerita inilah beliau dikira termasuk dalam *manāqib* Rasulullah s. 'a.w.

<sup>78</sup>Ibn Hajar (1995), *op.cit.*, 1 : 487 dan 488.

<sup>79</sup>Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 1: 511; Ibn al-Athīr (1970), *op.cit.*, 1:256.

<sup>80</sup>Abū Zakariyyā Maḥy al-Dīn bin Syarḥ al-Nawawī, *Syarḥ al-Nawawī 'alā Muslim*, Kitab *al-Fitan wa Asyrāt al-Sā'ah*, Bab *al-Jaṣṣāṣah*, 18: 78-83.

<sup>81</sup>Ramzī Na'na'ah (1970), *op.cit.*, h. 162-164.

- i. Hadith *al-Jaṣṣāṣah* telah diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Sahihnya*, semua perawinya *thiqah*, adil, tiada yang dituduh dengan tuduhan yang mencacatkan riwayat mereka. Turut meriwayatkan hadith Tamīm ini ialah Imam Ahmad, Abū Ya'lā, Abū Dāwūd dan Ibn Mājah. Manakala di kalangan Sahabat pula ialah Fātimah Bint Qays, Abū Hurayrah, 'A'isyah dan Jābir. Mereka mengakui kebenaran hadith riwayat Tamīm ini dan dikira sebagai salah satu *manāqibnya*.
- ii. Beliau juga ada meminta izin daripada Khalifah 'Umar bin al-Khaṭṭāb untuk meriwayatkan suatu cerita. Lalu 'Umar mengizinkannya. Bahkan 'Umar mengakui bahawa beliau adalah golongan penduduk Madinah yang terbaik<sup>82</sup>.
- iii. Sehubungan dengan ketiadaan taqrir Nabi s. 'a.w. berkenaan hadith Tamīm, Ibn Ḥajar (m. 852 H.) telah menjelaskan bahawa ulama sepakat mengatakan ia adalah *taqrīr* Nabi s. 'a.w. terhadap hadith Tamīm kerana Tamīm menceritakannya kepada orang ramai yang dipanggil oleh Rasulullah s. 'a.w. sendiri untuk mendengar kisah riwayatnya. Rasulullah s. 'a.w. tidak akan berdiam diri jika berlaku sesuatu yang tidak benar dan dusta<sup>83</sup>.
- iv. Mereka mengatakan juga bahawa hadith Tamīm ini bukan berkaitan dengan agama, juga tidak benar. Kisah tentang tanda-tanda kiamat adalah berkaitan

<sup>82</sup>Ibn al-Aṭhir (1970), *op.cit.*, 1:256; Ibn Ḥajar (1995), *op.cit.*, 1: 184.

<sup>83</sup>Ibn Ḥajar (1997), *op.cit.*, 13: 275.

agama. Jika Tamīm berdusta dalam meriwayatkan hadith ini, sudah pasti wahyu turun membetulkannya dengan kehadiran Nabi.

- v. Walaupun cerita riwayat Tamīm ini adalah cerita Israiliyyat, namun ia termasuk dalam Israiliyyat yang *sahīḥ* dan boleh diterima, yang wajar dipercayai kerana ia bertepatan dengan syarak. Bahkan diakui sendiri oleh Rasulullah s. 'a.w., sabdanya yang bermaksud : *Beliau (Tamīm) telah menceritakan kepadaku satu hadith yang mana ia sama dengan yang telah aku ceritakan kepada kamu tentang Dajal.* Adapun *Jaṣṣāṣah* yang dimaksudkan oleh Tamīm yang diriwayatkan oleh 'Abd Allāh bin 'Amrū bin al-'Āṣ bahawa ia adalah sejenis binatang yang berjalan di muka bumi sebagaimana yang disebut dalam Al-Qur'an<sup>84</sup>.

Walaupun Sahabat adalah perawi yang *thiqah*, namun terdapat mereka yang membuat beberapa tanggapan yang mempersoalkan riwayat Sahabat, antaranya mengatakan:

- a. Sahabat besar telah meriwayatkan hadith daripada Ahli Kitab dan membenarkan cerita mereka, seperti Ibn 'Abbās. Ibn 'Abbās serta Sahabat yang lain telah berguru dengan penganut agama Yahudi seperti Ka'ab al-Aḥbār, Wahab bin Munabbih dan 'Abd Allāh bin Salām<sup>85</sup>.

<sup>84</sup>Surah al-Naml (27) : 82.

<sup>85</sup>Aḥmad Amin (1978), *op.cit.*, h. 201.

- b. Sahabat banyak meriwayatkan hadith daripada Ahli Kitab. Mereka telah tertipu dan melakukan kesilapan meriwayatkan hadith. Sahabat tidak begitu teliti dalam menerima riwayat dan cuai meriwayatkan hadith Rasulullah s. 'a.w.. Sahabat juga memperluaskan cerita-cerita Israiliyyat tanpa mengkritik atau menegur riwayat dusta yang mereka ketahui<sup>86</sup>.

Sebagai rumusannya, kedudukan riwayat dan pendirian mereka terhadap Israiliyyat adalah jelas. Adalah satu sikap yang tidak wajar diamalkan cuba mempertikaikan sahabat yang mempunyai ilmu jauh lebih mendalam dan orang yang mempunyai hubungan langsung dengan Rasulullah s. 'a.w. sendiri dan mendapat kepercayaan Baginda berbanding kita hari ini. Mereka patuh dan akur dengan hadith Rasulullah s. 'a.w. yang telah menerangkan bagaimana untuk menangani riwayat Israiliyyat, sebagaimana melalui sabda Baginda:

لَا تُصَدِّقُوا أَهْلَ الْكِتَابَ وَلَا تُكَذِّبُوهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلَ إِلَيْنَا. الآية  
٨٧

Maksudnya: *Jangan kamu mempercayai Ahli Kitab dan jangan kamu mendustai mereka dan katakanlah: "Kami beriman dengan Allah dan dengan apa yang diturunkan kepada kami".*

Antara lain lagi, Ibn 'Abbās juga meriwayatkan hadith daripada Rasulullah s. 'a.w. yang menunjukkan pendirian Baginda terhadap riwayat berunsur Israiliyyat, sabdanya:

<sup>86</sup>Abū Rayyah (1980), *op.cit.*, h. 110; Muḥammad Rasyīd Riḍā (1923), *Tafsīr Al-Qur'ān al-Hakīm (Tafsīr al-Mannār)*, c. 2. Kaherah: Dār al-Mannār, 9: 228.

<sup>87</sup>Al-Bukhārī, Kitab *Tafsīr Al-Qur'ān*, Bab *Qūlū 'Āmannā bi Allāh...*, no. hadith 6987.

بَلْعُوا عَنِي وَأَنُّ آيَةً، وَحَدَّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجٌ، وَمَنْ كَتَبَ عَلَيْ  
مُتَعَمِّداً فَلْيَتَبُوأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.<sup>88</sup>

Maksudnya: Sampaikan apa yang diperolehi dariku walaupun satu ayat, dan perkatakanlah apa yang kamu perolehi dari bani Israil tanpa halangan, sesiapa yang melakukan pendustaan ke atasku secara sengaja, tempatnya adalah di dalam neraka.

Selain hadith di atas, terdapat riwayat Ibn ‘Abbās mengenai pendirian Rasulullah s. ‘a.w. lagi, sebagaimana sabdanya:

كَيْفَ تَسْأَلُونَ أهْلَ الْكِتَابِ عَنْ شَيْءٍ وَكِتَابُكُمُ الَّذِي أُنْزِلَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخْدَثُ تَقْرُؤَتَهُ مَخْضَعًا لَمْ يُشْتَبِّهْ وَقَدْ حَدَّثُكُمْ أَنَّ أَهْلَ  
الْكِتَابِ بَدَّلُوا كِتَابَ اللَّهِ وَغَيْرَهُ وَكَتَبُوا بِأَيْدِيهِمُ الْكِتَابَ وَقَالُوا هُوَ مِنْ عِنْدِ  
اللَّهِ لَيَشْتَرُوا بِهِ مَمْنَانًا قَلِيلًا أَلَا يَنْهَاكُمْ مَا جَاءَكُمْ مِنَ الْعِلْمِ عَنْ مَسَأْلَتِهِمْ لَا وَاللَّهِ  
مَا رَأَيْنَا مِنْهُمْ رَجُلًا يَسْأَلُكُمْ عَنِ الَّذِي أُنْزِلَ عَلَيْكُمْ<sup>89</sup>

Maksudnya: Bagaimana boleh kamu bertanya sesuatu perkara kepada Ahli Kitab, padahal Kitab (Al-Qur'an) kamu yang diturunkan Allah kepada Rasulullah s. ‘a.w. lebih terkini yang kamu membacanya adalah secara langsung daripada Allah yang dijamin tidak tidak akan rosak. Allah telah menceritakan kepada kamu bahawa Ahli Kitab telah mengubah kitab Allah dan telah mengubah kitab-kitabnya kemudian mereka mendakwa kitab itu dari Allah agar mereka dapat menuarkannya dengan harga dunia yang murah. Apakah ilmu yang kamu terima itu tidak melarang kamu untuk bertanya kepada mereka? Tidak demi Allah, aku tidak pernah melihat seorangpun di antara mereka bertanya kamu tentang kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan kepada kamu.

<sup>88</sup> Al-Bukhārī, Kitab *Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bab *Mā Dhakara 'an Banī Isrā'īl*, no. hadith 3202; Al-Tirmidhī, Kitab *al-'Ilm 'an Rasūl Allāh*, no. hadith 2593; Ahmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Mukthirin min al-Ṣahābah*, no. hadith 6198; Al-Dārimī, Kitab *al-Muqaddimah*, no. hadith 541.

<sup>89</sup> Al-Bukhārī, Kitab *al-I'iṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah*, Bab *Qawl al-Nabiy Lā Tas'alū Ahl al-Kitāb 'an Syay'*, no. hadith 6815.

Justeru, melalui keterangan hadith Rasulullah s.'a.w. dan sikap Sahabat, dapat difaham di sini bahawa:

- a. Kandungan asal Taurat dan Injil hampir menyamai kandungan Al-Qur'an kerana semuanya daripada Allah. Hal yang demikian Baginda membenarkan para Sahabat meriwayatkan daripada Ahli Kitab Muslim.
- b. Rasulullah s.'a.w. mengingatkan Sahabat tidak semua maklumat boleh diterima, bahkan hendaklah berhati-hati menerima atau mendapatkan maklumat daripada Ahli Kitab bani Israil. Hal yang demikian kerana kandungan Taurat dan Injil telah mengalami perubahan yang banyak dari kandungan asalnya.
- c. Para Sahabat adalah kalangan mereka yang paling mahir dan mengetahui selok belok agama. Hal yang demikian mereka tidak mudah tertipu atau meriwayatkan maklumat yang tidak benar.
- d. Sahabat tidak akan bertanya kepada Ahli Kitab hal-hal yang berkaitan dengan akidah yang memerlukan dalil *qat'i* dan meyakinkan.

Lebih jelas lagi, Allah tidak melarang umat Islam mendengar cerita-cerita umat terdahulu yang benar dan selari dengan agama. Firman Allah:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِ عِرْبٌ لَا يُؤْمِنُ بِأَوْلَى الْآيَاتِ<sup>\*</sup> مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرِى  
وَلَكِنْ تَصْدِيقًا لِّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْسِيلًا كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ  
يُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾

Surah Yusuf (12) : 111.

Terjemahannya: *Demi sesungguhnya, kisah nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Qur'an) bukanlah ia cerita-cerita yang*

*diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.*

Secara umumnya, tidak banyak cerita Israiliyyat yang diriwayatkan oleh Sahabat, namun, banyak cerita Israiliyyat yang disandarkan kepada mereka. Justeru, wajar dilakukan kajian dan penyelidikan secara serius terhadap riwayat yang disandarkan kepada mereka terutama dari aspek silsilah *sanad*. Hal yang demikian sebagai panduan menentukan kebenaran riwayat mereka atau sebaliknya.

Setelah meninjau kritikan yang ditujukan terhadap Sahabat, penulis mendapati ia sekadar ingin menggugat kepercayaan umat Islam terhadap autoriti Sahabat sebagai perawi hadith Rasulullah s.'a.w. yang paling *thiqah*. Ia bukan kritikan yang membina kerana tidak membawa hujah yang kuat, seolah-olah kebanyakan hadith yang ada di tangan umat Islam hari ini kebanyakannya *Mawdū'* dan *Da'īf*. Jika kita meninggalkan hadith di dalam kedua-dua *Sahīh* yang paling baik antara kitab-kitab sunan yang lain, sudah pasti kita akan kehilangan sebahagian besar hadith-hadith Rasulullah s.'a.w. dan ini adalah salah satu fenomena yang tidak sihat.

Penulis melihat, dengan cara mencacatkan perawi yang *thiqah* dan adil, terutama di kalangan Sahabat, sudah pasti menurunkan taraf sebahagian besar hadith Rasulullah s.'a.w. dan ini akan menimbulkan keraguan umat Islam

terhadap keṣaḥiḥan hadith Baginda. Bayangkanlah jika Sahabat dipertikaikan, apatah lagi *Tābi'īn* dan generasi seterusnya sehingga hari ini.

### 2.1.2 Riwayat *Tābi'īn* :

Sumber cerita Israiliyyat menyerap ke dalam Islam melalui riwayat hadith pada zaman Sahabat r. 'a. Selepas kewafatan Nabi s. 'a.w., Sahabat semakin melangkah jauh ke merata pelosok menyambung tugas Rasulullah s. 'a.w.. Malah ada yang telah mendiami negeri-negeri selain Mekah dan Madinah. Mereka membawa bersama apa yang mereka perolehi ke negeri yang didiami dan memindahkannya kepada *Tābi'īn*. *Tābi'īn* adalah murid atau mereka yang hidup serta sempat bersama Sahabat yang bertindak meriwayat dan menyebarkan ajaran guru mereka.

Antara kaedah yang digunakan oleh *Tābi'īn* untuk menyebarkan riwayat yang mereka perolehi ialah dengan menyesuaikan sesuatu ayat dengan ayat yang telah sedia ada untuk ditafsirkan. Terdapat segelintir mereka yang mengambil daripada sumber lain seperti hal-hal yang berkaitan dengan sejarah umat terdahulu serta cerita-cerita mereka dari Ahli Kitab. Dengan demikian sehari demi sehari, dengan berbagai peringkat pentafsir, lahirlah berbagai-bagai tafsiran yang bersandarkan kepada fahaman, aliran mazhab dan fikiran mereka.

Selain itu, terdapat kalangan mereka yang berasal dari agama sebelumnya dan memeluk Islam juga berusaha menyebarkan riwayat yang mereka perolehi untuk membantu menyebarkan Islam. Kalangan mereka ada yang mahir dengan

ajaran dan kitab agama terdahulu dan boleh menguasai bahasanya. Banyak cerita Israiliyyat disandarkan kepada mereka. Sejauh mana kebenaran ini, wajar dilihat secara adil dan berhati-hati. Justeru, kajian ini merasakan wajar dikemukakan kedudukan riwayat dua tokoh utama berkaitan dengan riwayat Israiliyyat iaitu Ka'ab al-Aḥbār dan Wahab bin Munabbih kerana banyak cerita dan riwayat berunsur Israiliyyat bersumberkan mereka.

a. **Ka'ab al-Aḥbār<sup>90</sup>**

Gelaran *al-Aḥbār* yang dinisbahkan kepada Ka'ab adalah diambil dari perkataan *al-Hibr* kerana beliau mempunyai ilmu yang banyak tentang kitab Taurat dan yang paling banyak membaca dan meneliti kitab-kitab agama di kalangan mereka. Beliau sempat hidup dalam dua zaman iaitu Jahiliah dan Islam. Ibn Su'ūd mengatakan beliau merupakan orang yang menduduki tempat pertama dalam kategori *Tābi 'īn* di Syam. Sumber riwayat beliau banyak diambil daripada 'Umar dan Ibn 'Abbās<sup>91</sup>.

Ulama sepakat mengatakan bahawa Ka'ab merupakan seorang yang *thiqah*, jujur dan mempunyai ilmu yang banyak terutama hal-hal berkaitan dengan kitab Taurat. Antara mereka yang mengakui beliau ialah :

<sup>90</sup>Beliau ialah Abū Iṣhāq Ka'ab bin Māti' al-Humayrī yang berketurunan Yahudi di Yaman. Beliau dilahirkan di Yaman dan menetap di sana. Kemudian berpindah ke Madinah dan beliau sempat berjumpa dengan Nabi s.'a.w. dan memeluk Islam ketika zaman Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb r.'a. iaitu pada tahun 12 H. Beliau sempat bersama-sama tentera Islam memerangi Rom kemudian berpindah ke Syam dan tinggal di Ḥimṣ sehingga beliau meninggal dunia di sana tahun 32 H iaitu di zaman pemerintahan Khalifah 'Uthmān r.'a., ketika berusia 140 tahun. Ibn Ḥibbān (1979), *op.cit.*, 5:333 dan 334.

<sup>91</sup>*Ibid.*, 5: 333.

- i. Al-Bukhārī dan Muslim (m. 261 H.) yang menerima dan menulis hadith beliau di dalam *Sahīh* mereka<sup>92</sup>.
- ii. Imam al-Nawawī (m. 676 H.) mengatakan ulama hadith sepakat menerima Ka‘ab sebagai seorang yang berilmu dan *thiqah*.
- iii. Perawi-perawi *sunan* yang lain seperti Abū Dawūd (m. 275 H.), al-Tirmidhī (m. 279 H.), al-Nasā‘ī (m. 303 H.) dan Ibn Mājah (m. 273 H.) juga meriwayatkan hadith beliau<sup>93</sup>.

Namunpun begitu, beliau juga dikatakan banyak meriwayatkan cerita Israiliyyat dan memeluk Islam secara zahir sahaja kerana hendak mempengaruhi umat Islam agar menerima agama asal beliau. Untuk mengetahui kebenarannya, kajian ini mengemukakan beberapa fakta yang boleh menerangkan kedudukannya agar dapat dibuat pertimbangan sewajarnya, antaranya:

- i. Kethiqahan beliau diakui oleh al-Bukhārī, Muslim serta *Aṣḥāb al-Sunan al-Sittah*.
- ii. Hadith riwayat Mu‘āwiyah yang digunakan oleh mereka yang tidak mengakui Ka‘ab ini telah disalah tafsirkan. Maksud hadith tersebut (انه كان) (من أصلق هؤلاء الخدئن وان كنا مع ذلك لنبلو عليه الكنب) menunjukkan bahawa pengiktirafan Mu‘āwiyah sendiri terhadap kejujuran dan kebenaran Ka‘ab serta orang yang paling *thiqah* dari kalangan Ahli Kitab yang lain. Adapun perkataan (وان كنا مع ذلك لنبلو عليه الكنب) adalah merujuk kepada cerita yang berlawanan dengan hakikat di dalam kitab-kitab agamanya yang asal yang dipindahkan olehnya sebelum ini, bukan merujuk kepada Ka‘ab.

---

<sup>92</sup>Al-Dhahabī (t.t.), *op.cit.*, 1 : 52.

<sup>93</sup>*Ibid.*

Mu‘āwiyah juga ada meriwayatkan hadith memberi kesaksian terhadap Ka‘ab al-Aḥbār dengan mengatakan, maksudnya: *Ka‘ab al-Aḥbār merupakan salah seorang ulama, ia mempunyai ilmu seperti lautan, jika kita berada di sisinya kita adalah orang-orang yang melampaui batas.*

Kata-kata Mu‘āwiyah ini menunjukkan bahawa beliau mengakui kehebatan ilmu Ka‘ab dan mengakui dirinya bersikap tidak adil terhadap ilmu yang ada pada Ka‘ab. Oleh itu, adalah sukar diterima akal yang waras Mu‘āwiyah hendak memberikan kesaksian yang baik terhadap perawi yang dusta. Ini adalah kerana, Mu‘āwiyah merupakan seorang yang tegas dalam menyatakan kesaksian terhadap seseorang dan dia tiada kepentingan lain dalam mengakui kejujuran dan ilmu Ka‘ab. Beliau akan mengatakan sebaliknya jika mengetahui perkara yang tidak baik pada diri Ka‘ab.

Mengenai kata-kata Mu‘āwiyah ini, Ibn Ḥibbān (m. 354 H.) berpendapat apa yang dimaksudkan itu ialah Ka‘ab jarang tersalah dalam membawakan khabar, cuma kadangkala, bukan bermaksud menuduh beliau pendusta keseluruhannya<sup>94</sup>. Selain beliau, al-Qādī ‘Iyād juga membawa pendapat mengenai kenyataan Mu‘āwiyah itu dengan mengatakan bahawa kata-kata Mu‘āwiyah (نبلو عليه) boleh merujuk kepada dua kemungkinan maknanya, iaitu, kitab atau juga Ka‘ab sendiri namun tidak menunjukkan kesalahan yang dilakukan secara sengaja, bukan juga membayangkan beliau seorang pendusta, ia sekadar berita tentang sesuatu yang tidak menepati realiti<sup>95</sup>.

<sup>94</sup>Ibn Ḥibbān (1979), *op.cit.*, 5 : 333 dan 334.

<sup>95</sup>Muhammad Mahdiy al-Muslimiy (1992), Dr., *al-Jāmi‘ fi al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*. Beirut : ‘Alām al-Kutub, 2: 408.

Demikian juga menurut pendapat Ibn al-Jawzī (m. 597 H.), bahawa ada antara khabar yang dibawa oleh Ka‘ab tidak benar tetapi bukan disengajakan dan Ka‘ab itu adalah ulama agama Yahudi yang terbaik<sup>96</sup>. Manakala Ibn Kathīr (m. 774 H.) berpendapat, ia adalah merujuk kepada kitab yang biasanya telah diubah dan diselewengkan oleh pendita-pendita Yahudi<sup>97</sup>. Menurut pendapat Ibn ‘Abbās pula, Ka‘ab mengubah apa yang telah diseleweng dan dicipta sebelumnya, namun beliau juga tersilap ketika mengubah khabar tersebut.

- iii. Tidak dapat dinafikan bahawa banyak cerita Israiliyat yang masuk ke dalam riwayat melalui Ahli Kitab yang memeluk agama Islam. Mereka membawa cerita dan berita tersebut dengan niat yang baik, namun disalah ertikan ingin merosakkan Islam. Tambahan pula tuduhan yang dilemparkan terhadap Ahli Kitab yang baik seperti Ka‘ab al-Aḥbār dan Wahab bin Munabbih. Tindakan Ibn Khaldūn memuatkan dalam kitabnya *al-Muqaddimah* tentang bagaimana tersebarinya Israiliyyat dalam kitab-kitab *Tafsīr bi al-Ma’thūr* adalah bukan menuduh Ahli Kitab Muslim sebagai pendusta atau pencipta riwayat-riwayat tersebut, tetapi mengatakan bahawa mereka adalah salah satu faktor kepada perpindahan cerita Israiliyat ke dalam dunia Arab<sup>98</sup>.
  
- iv. Memandang serong dan menolak *kethiqahān* Ka‘ab adalah kerana beliau tersilap meriwayatkan berita Israiliyyat adalah tidak adil. Sesiapapun melakukan kesilapan dan diperbetulkan semula. Tambahan pula ia tidak

<sup>96</sup>Ibn Hajar (1997), *op.cit.*, 13:259-260.

<sup>97</sup>Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 3: 101.

<sup>98</sup>Ibn Khaldūn (1961), *op.cit.*, 1:14 - 19.

berkaitan dengan ‘Ubūdiyyah Allah dan sekadar cerita yang tidak semestinya kita berpegang dengannya. Al-Qur’ān sendiri banyak menceritakan tentang bani Israil. Hadith Rasulullah s.‘a.w. tidak melarang mendengar berita tentang mereka dan orang yang tahu tentang bani Israil tidak lain tidak bukan di kalangan ulama mereka dan sebaiknya didengari dari Ahli Kitab jujur memeluk agama Islam, selagi tidak bertentangan dengan Islam dan tidak menyentuh persoalan pokok seperti akidah.

b. **Wahab bin Munabbih<sup>99</sup>**

Beliau adalah Ahli Kitab Muslim yang banyak mengetahui tentang permulaan kejadian, sejarah umat dan para nabi terdahulu. Beliau adalah antara mereka yang hafiz dan mahir tentang kandungan Taurat serta Injil. Justeru, beliau merupakan kalangan *Tābi‘īn* yang banyak menukilkan riwayatnya daripada kitab-kitab lama yang dikenali dengan Israiliyyat <sup>ke dalam</sup> penulisannya. Ini diakui oleh beliau sendiri sebagaimana yang diceritakan oleh Ibn Qutaybah (m. 276 H.)<sup>100</sup>, Yaqūt, Ibn Khallikān, al-Dhahabī, Ibn Kathīr dan lainnya<sup>101</sup>. Pada peringkat permulaan beliau banyak menjurus kepada fahaman *qadariyyah*,

<sup>99</sup> Beliau ialah Abū ‘Abd Allāh Wahab bin Munabbih al-Yamāni al-Šan‘āni. Berketurunan Parsi dan berasal dari Yaman. Lahir pada tahun 34 H iaitu di zaman Khalifah ‘Uthmān bin ‘Affān. Meninggal dalam bulan Muharam tahun 114 H./732 M. iaitu ketika berumur 80 tahun. Bapanya Munabbih berasal dari Khurasan, kemudian berpindah ke Yaman ketika Rasulullah s.‘a.w. masih hidup. Beliau dibesarkan di Yaman. Sebelum memeluk Islam, beliau adalah pengikut agama Ahli Kitab Yahudi dan Nasrani serta pakar rujuk pengaruh Yahudi di Sana'a'. Mempunyai 5 orang adik beradik iaitu Wahab, Hammām, Ghaylān, ‘Āqil dan Ma'qal. Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 11:168; Al-Dhahabī (t.t.), *op.cit.* 1:100 dan 101; ‘Abd al-'Aziz al-Dūri (1961). Dr., *Tārīkh Ṣadr al-Islām*, c. 2. Beirut: al-Maṭba'ah al-Kathūlīkiyyah, h. 103; Ibn Hibbān (1979), *op.cit.*, 5 : 487 dan 488; Ibn ‘Abd Allāh al-Rūmī Yaqūt (t.t.), *Mu'jam al-Udabā'*, c. akhir. Mesir: Maṭbū'at Dār al-Ma'mūn, 19:260.

<sup>100</sup> Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 459; Yaqūt (t.t.), *op. cit.*, 19:259.

<sup>101</sup> Abd al-'Aziz al-Dūri (t.t.), *Baḥth fī Nasy'ah 'Ilm al-Tārīkh 'Ind al-'Arab*. Beirut: al-Maṭba'ah al-Kathūlīkiyyah, h. 103.

namun, kemudiannya mengubah fahamannya setelah membaca kitab tentang para nabi<sup>102</sup>.

Antara sumber maklumat beliau ialah melalui riwayat lisan dari satu generasi ke satu generasi juga daripada kitab-kitab. Beliau telah membaca banyak buku tentang para nabi, namun jumlah buku yang dibacanya adalah berbeza ada yang mengatakan jumlahnya 30, ada yang mengatakan 32, melebihi 70, 92, 93 buah kitab dan sebagainya<sup>103</sup>. Hal yang demikian diakui sendiri oleh beliau sebagaimana yang tercatat dalam karangannya *kitāb al-Tijān*, maksudnya: *Aku telah membaca 93 buah kitab yang diturunkan kepada para nabi.*

Beliau turut menyenaraikan kitab-kitab tersebut berserta jumlahnya, iaitu: 2 buah *ṣahīfah* Nabi 'Ādam, 50 buah *ṣahīfah* Nabi Syith bin 'Ādam, 30 buah *ṣahīfah* Nabi Idrīs, 2 buah *ṣahīfah* Nabi Nūḥ, 40 buah *ṣahīfah* Nabi Hūd, 2 buah *ṣahīfah* Nabi Ṣāliḥ, sebuah *ṣahīfah* Nabi Ibrāhīm, 50 buah *ṣahīfah* Nabi Mūsā, kitab Zabur Nabi Dāwūd, kitab Injil Nabi 'Isā dan Al-Qur'an Nabi Muḥammad s. 'a. w.<sup>104</sup>.

Melihat kepada kenyataan ini, tidak hairanlah beliau dikenali sebagai orang yang sangat mengambil berat tentang kisah serta maklumat umat terdahulu

<sup>102</sup> Beliau telah bersumpah dengan nama Allah bahawa beliau telah membatalkan semua kata-katanya termasuk fahaman dan penulisannya tentang *al-Qadar*. Hal yang demikian diceritakan oleh Amr bin Dīnār ketika beliau mengunjungi Wahab di Ṣan'ā'. Hal yang sama diakui oleh Abū Sinān yang mendengar sendiri pengakuan Wahab tentang penarikannya setelah beliau membaca 72 buah kitab tentang para nabi. Yāqūt (t.t.), *op. cit.*

<sup>103</sup> Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 11:167; Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 233; Ibn Sa'd (1912), *op.cit.*, 5:395; Yāqūt (t.t.), *op. cit.*, 57:272; Al-Asbahānī (1967), *op.cit.*, 1: 24.

<sup>104</sup> Abd al-Malik bin Hisyām (1928), *Kitāb al-Tijān fī Mulūk Ḥimyar*. Haidrabad: Maṭba'ah Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, h. 2 dan 33.

serta para nabi mereka. Apa yang paling ketara, maklumat beliau kebanyakannya bersumberkan kitab Taurat yang dipanggil Perjanjian Lama di dalam agama Kristian dan Talmūd.

4

Selain itu, antara kelebihan dan kemahiran lain yang beliau ada ialah:

- i. Kalangan sejarawan seperti Ibn Khallikān dan al-Dūrī menyifatkan beliau sebagai *Şâhib al-Akhbār wa al-Qaṣaṣ*, lantaran banyak mengetahui tentang sejarah umat terdahulu, kejadian dunia, sejarah para nabi juga raja kerajaan terdahulu<sup>105</sup>.
- ii. Menurut al-Yāfi‘ī, beliau mampu menguasai beberapa bahasa seperti Hebrew, Siryāni<sup>106</sup>, Arāmi, Ḥimyāri dan Yūnāni<sup>107</sup>.
- iii. Al-Dhahabī mengatakan pengetahuan beliau adalah gabungan ilmu dua orang pakar Ahli Kitab Muslim iaitu ‘Abd Allāh bin Salām dan Ka‘ab al-Aḥbār<sup>108</sup>.
- iv. Ibn Qutaybah mengatakan beliau dapat menguasai sebanyak 72 buah kitab yang telah diturunkan Allah kepada para nabi dan rasul<sup>109</sup>.
- v. Al-Yāfi‘ī memetik pendapat Ibn ‘Abbās dan Abū Hurayrah yang mengatakan beliau mendapat kepercayaan Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz dengan melantiknya sebagai Qādī<sup>110</sup>.

<sup>105</sup>Abū al-‘Abbās Syams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Abū al-Bakr bin Khallikān (t.t.), *Wafayāt al-‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*. Beirut: Dār al-Thaqāfah, 5: 88-89; Al-Dūrī (t.t.), *op.cit.*, h. 104.

<sup>106</sup>Hal ini dapat dilihat melalui kritikan beliau terhadap penyelewengan terjemahan dalam bahasa Siryani semasa beliau meriwayatkan tentang nama-nama serta individu yang disebut di dalam proses permulaan kejadian yang diambil daripada *Sifr al-Takwīn* dalam bahasa Hebrew.

<sup>107</sup>Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin As‘ad bin ‘Alī bin Sulaymān al-Yāfi‘ī (1970), *Mir‘ah al-Jinān wa ‘Ibrah al-Yaqzān fī Ma‘rifah mā Yu‘tabar min Ḥawādith al-Zamān*, c. 2. Beirut: T.P., 1: 248; al-Dūrī (t.t.), *op.cit.*, 105 dan 107.

<sup>108</sup>Al-Dhahabī (t.t.), *op.cit.*, 1:101; Abū Zahw (1984), *op.cit.*, h. 184.

<sup>109</sup>Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 459; Yāqūt (t.t.), *op. cit.*, 19:259; Al-Dūrī (t.t.), *op.cit.*, h. 105.

Selain pengetahuannya yang sedia ada di atas, beliau juga banyak meriwayatkan hadith dari para Sahabat, antaranya: Abū Hurayrah, ‘Abd Allāh bin ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, Ibn ‘Abbās, ‘Abd Allāh bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ, Jābir bin ‘Abd Allāh, ‘Abd Allāh bin Abū Bakr dan Abū Sa‘īd al-Khudri<sup>111</sup>.

Riwayat beliau mendapat perhatian sebilangan perawi, antaranya: Anaknya, iaitu ‘Abd Allāh dan ‘Abd al-Rahmān, saudaranya Ismā‘il dan Hammām, anak saudaranya ‘Abd al-Šamad, ‘Abd al-Mu‘īn bin Idrīs, ‘Amrū bin Dīnār, Isrā‘il Abū Mūsā, Sammāk bin al-Faḍl, ‘Awf al-A‘rabi, Ibn Ishāq melalui muridnya yang bernama al-Bukkā‘i, Abū ‘Ubād al-Ḥamdāni, Abū Mikhnaf, Muḥammad bin Sā‘ib al-Kalbi, ‘Ubayd bin Syurayh, Ka‘ab al-Aḥbār dan lainnya<sup>112</sup>. Pengaruh riwayat Wahab bin Munabbih juga dapat dikesan dalam kitab-kitab al-Kasā‘i dan al-Tha‘labi<sup>113</sup>.

Ulama mempunyai pendirian berbeza mengenai riwayat beliau. Ada yang menolaknya, dan ada yang menerima riwayat beliau. Antara mereka ialah al-Sakhāwī, yang menyebut antara sumber cerita Wahab bin Munabbih adalah diperolehi daripada Ahli Kitab dan maklumat karangan orang-orang terdahulu yang karut dan tidak benar. Beliau memberi contoh salah satu kitabnya *al-Mubtada'*. Beliau juga menambah bahawa Wahab bin Munabbih kurang *thiqah* dan tidak elok dijadikan sandaran petikan oleh para ahli sejarah<sup>114</sup>. Ada pendapat

<sup>110</sup>Ini adalah menurut Ibn ‘Abbās dan ada yang mengatakan Abu Hurayrah. Al-Yāfi‘i (1970), *op.cit.*, 1: 248.

<sup>111</sup>Al-Asbahāni (1967), *op.cit.*, 4:73; Abū Zahw (1984), *op.cit.*, h. 184; Al-Dūri (t.t.), *op.cit.*, h. 157; Al-Dhahabi (t.t.), *op.cit.*, 1:100 dan 101.

<sup>112</sup>*Ibid.*, 1:101.

<sup>113</sup>Al-Dūri (t.t.), *op.cit.*, h. 112.

<sup>114</sup> Syams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān al-Sakhāwī (1963), *al-I'lān bi al-Tawbikh li man Dhamm al-Tārikh*. Baghdad: Maṭba'ah al-Āni, h. 88 dan 89; Al-Dūri (t.t.), *op.cit.*, h. 106.

lain mengatakan Wahab bin Munabbih telah menyebarkan banyak cerita Israiliyyat. Riwayatnya bercampur aduk antara yang *sahīh* dan tidak *sahīh*.

Namunpun begitu; beliau juga diakui oleh sebahagian besar ulama tentang kebenaran dan kejurumannya, antara mereka ialah:

- i. Al-Dhahabī mengakui kejurumannya menukilkan cerita-cerita Israiliyyat<sup>115</sup>.
- ii. Hadith beliau juga diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd, al-Nasā'ī dan al-Tirmidhī<sup>116</sup>.
- iii. Ibn Ḥajar mengatakan, beliau adalah *Tābi‘īn* yang miskin, namun mendapat kepercayaan jumhur ulama<sup>117</sup>.
- iv. Ibn Ḥibbān juga memasukkan nama beliau dalam senarai perawi *thiqah*, di dalam kitabnya *al-Thiqāt*<sup>118</sup>.
- v. Ibn Kathīr mengatakan beliau mempunyai ilmu pengetahuan yang banyak dan mendalam tentang kitab-kitab terdahulu<sup>119</sup>.
- vi. Ibn Khallikān mengakui bahawa Wahab bin Munabbih banyak meneliti dan mengkaji kitab-kitab terdahulu dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang cerita-cerita umat dan para nabi terdahulu, penciptaan dunia serta perjalanan hidup raja-raja dahulu<sup>120</sup>.

Melihat kepada fakta-fakta di atas menunjukkan Wahab bin Munabbih sememangnya mengambil berat tentang cerita Israiliyyat. Hal yang demikian

<sup>115</sup> Al-Dhahabī (t.t.), *op.cit.*, 1:88.

<sup>116</sup> Abū Zahw (1984), *op.cit.*, h. 184; Al-Dhahabī (t.t.), *op.cit.*.

<sup>117</sup> Ibn Ḥajar (1909), *op.cit.*, 11:168.

<sup>118</sup> Ibn Ḥibbān (1979), *op.cit.*, 7:556.

<sup>119</sup> Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 9:276.

<sup>120</sup> Ibn Khallikān (t.t.), *op.cit.*, 5:88-89.

adalah untuk menambahkan pemahaman kepada kandungan Al-Qur'an. Beliau mampu memasukkan cerita-cerita ini ke dalam sumber Islam. Beliau telah mencampurkan riwayat 'Abd Allāh bin Salām dan Ka'ab al-Aḥbār ke dalam cerita-cerita yang dibawanya. Hal yang demikian kerana beliau melihat mereka berdua adalah orang yang paling tahu tentang kisah-kisah Israiliyyat pada zamannya<sup>121</sup>.

Oleh yang demikian, Ibn Qutaybah telah memberikan perhatian terhadap perbezaan maklumat Wahab bin Munabbih hasil bacaannya daripada kitab Ahli Kitab dengan kitab-kitab yang telah diubah dan diselewengkan oleh pendita Yahudi seperti *Şifr al-Takwīn*. Sebagai contoh cerita tentang permulaan kejadian, dimana beliau menjelas dan menghuraikan lebih lanjut ayat-ayat Al-Qur'an, kisah Israiliyyat yang berdasarkan penelitian dan kajianya di dalam kitab-kitab Ahli Kitab. Ini bertujuan menceritakan maklumat asal kitab Taurat serta Injil dan kitab-kitab lain agar tidak timbul kekeliruan di kalangan umat Islam yang tidak mengetahuinya<sup>122</sup>.

Sebagai buktinya, Wahab bin Munabbih banyak mengarang berkaitan dengan cerita-cerita Israiliyyat, antaranya<sup>123</sup>:

- i. *Kitāb al-Mulūk al-Mutawajjah min Ḥimyār wa Akhbārihim*. Buku ini menceritakan tentang sejarah peristiwa-peristiwa yang berlaku di negeri Yaman. Ibn Khallikān mengatakan buku ini amat berfaedah dan berguna<sup>124</sup>.

<sup>121</sup>Al-Dhahabī (t.t.), *op.cit.*, 1:101.

<sup>122</sup>Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 9-16.

<sup>123</sup>Ismā'il Bāsyā al-Baghdādī (1982), *Kasyf al-Zunūn (Hadiyyah al-'Ārifīn : Asmā' al-Mu'allifīn wa Āthār al-Muṣannifīn min Kasyf al-Zunūn)*. Beirut: Dār al-Fikr, 6 : 501.

<sup>124</sup>Yāqūt (t.t.), *op.cit.*, 6 : 222.

- ii. *Al-Maghāzī*, antara kandungannya ia menceritakan peristiwa ‘Aqabah Kubrā, perjumpaan di Dār al-Nadwah, hijrah Rasulullah s.‘a.w. ke Madinah, peperangan dengan Bani Khaythamah, pembukaan Mekah dan kewafatan Rasulullah s.‘a.w. Penulisan beliau tidak banyak sampai kepada masyarakat Islam kecuali sebahagian daripada *kitab al-Tijān*<sup>125</sup>.
- iii. *Al-Mabda'* atau *Kitab al-Isrā' iliyāt*<sup>126</sup>.
- iv. *Aḥādīth al-Anbiyā'*<sup>127</sup>.

Sebahagian riwayat dan hasil karya Wahab bin Munabbih mendapat perhatian para pengarang Islam dan dapat dilihat pada hari ini. Antara mereka yang banyak mengambil riwayat beliau ialah: al-Ṭabarī di dalam kitabnya *Tafsīr al-Ṭabarī* dan *Tārīkh al-Ṭabarī*, Ibn Qutaybah kitabnya *al-Ma‘ārif*, Ibn Iṣhāq, al-Ya‘qūbī, al-Mas‘ūdī dan lainnya<sup>128</sup>.

Antara skop riwayat Israiliyyat beliau yang kita dapati di dalam kitab-kitab karangan al-Ṭabarī dan Ibn Qutaybah ialah:

- i. Umur bumi, kejadian langit, bumi, lautan dalam masa 7 hari. Kisah tentang Nabi ‘Ādam dan Hawwā’ di dalam syurga. Nabi ‘Ādam diturunkan ke bumi, kisah anak-anak Nabi ‘Ādam yang menghuni bumi, Allah menjadikan Mekah bumi yang aman<sup>129</sup>.

<sup>125</sup>Ismā‘il Bāsyā al-Baghdādī (1982), *op.cit.*, 2:1747.

<sup>126</sup>Al-Mas‘ūdī, *Muřūj al-Dhahab*, 5:127.

<sup>127</sup>Ibn Sa‘d (1912), *op.cit.*, 7: 97.

<sup>128</sup>Al-Dūrī (t.t.), *op.cit.*, h. 113.

<sup>129</sup>Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 12:4; Ibn Jarīr (1967), *Tārīkh al-Ṭabarī*. Mesir: Dār al-Ma‘ārif, 1: 32-60; Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 14-19.

- ii. Nabi Nūḥ dan salsilah ahli keluarganya, kaum-kaum yang dinasabkan kepada keluarga Nabi Nūḥ serta bahasa yang mereka gunakan<sup>130</sup>.
- iii. Kisah Nabi Ayyūb 'a.s.<sup>131</sup>.
- iv. Kisah Nabi Khiḍr 'a.s.<sup>132</sup>
- v. Kisah *Aṣḥāb al-Kahf*, Syu'ayb dan Madyan<sup>133</sup>.
- vi. Kisah Nabi Ibrāhīm, Namrūd, hijrahnya dan Nabi Ismā'īl<sup>134</sup>.
- vii. Kisah Kaum 'Ād<sup>135</sup>.

Ibn Qutaybah telah mendedahkan beberapa perkara yang dikira mustahak diperkatakan di sini tentang maklumat atau riwayat Israiliyyat Wahab bin Munabbih. Menurut beliau, sebahagian riwayat Wahab berlainan dengan kandungan kitab Taurat dan Injil. Antaranya tentang permulaan kejadian yang diriwayatkan berlainan dengan maklumat yang terkandung di dalam *sifr al-Takwīn*. Beliau mendapati Wahab bin Munabbih ingin mentafsirkan maklumat yang sedia ada di dalam Al-Qur'an dengan mengambil maklumat daripada kitab Perjanjian Lama, riwayat Israiliyyat serta karangan-karangan penganut agama *samawī* atau Ahli Kitab, khususnya, 'Abd Allāh bin Salām dan Ka'ab al-Aḥbār.

Manakala di dalam *Tafsīr al-Ṭabarī*, antara rangkaian *sanad* yang ditolak ialah daripada Ismā'īl bin 'Abd al-Karīm bin 'Abd al-Šamad bin Ma'qal bin Munabbih daripada Wahab bin Munabbih. Manakala dalam kitab *al-Tījān* pula

<sup>130</sup>Ibn Jarir (1997), *op.cit.*, 7:106, 8:184-185; Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 21-24.

<sup>131</sup>Ibn Jarir (1967), *op.cit.*, 1: 322-324; Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 42.

<sup>132</sup>Ibn Jarir (1967), *op.cit.*, 1: 366; Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 41-42.

<sup>133</sup>*Ibid.*, h. 41 dan 54.

<sup>134</sup>*Ibid.*, h. 30-34.

<sup>135</sup>*Ibid.*, h. 39-40.

ialah riwayat ‘Abd al-Mun‘im (m. 228 H) bin Idris bin anak perempuan Wahab<sup>136</sup>. Mereka berdua adalah ahli keluarganya yang bertanggungjawab menyebarkan riwayat beliau untuk menaikkannya. Justeru, Wahab bin Munabbih dikenali sebagai orang yang membawa syiar riwayat Israiliyyat<sup>137</sup>.

Namun menurut kajian al-Dūrī, beliau mendapati riwayat yang disandarkan kepada Wahab bertentangan dalam kitab-kitab terawal karangan al-Tabārī, Ibn Qutaybah dan al-Mas‘ūdī. Beliau tidak menafikan bahawa kemungkinan besar adanya penyelewengan yang dilakukan selepas kematian Wahab<sup>138</sup>.

Memandangkan penulisannya tidak banyak menggunakan sistem *Isnād*, bahkan Wahab banyak menggunakan syair-syair, ia tidak terkawal dan memberi laluan mudah bagi sesiapa untuk membuat perubahan atau melakukan pindaan terhadap riwayatnya. Dikatakan hasil tulisan<sup>139</sup> beliau tentang sejarah hidup Rasulullah s. ‘a.w. telah disalin semula pada tahun 228 H. Sebahagian hasil karya beliau masih ada dan tersimpan di Kota Geidelber dan Jerman, iaitu di perpustakaannya.

<sup>136</sup>Keluarga Wahab bin Munabbih menganggap riwayatnya sebagai hak mereka. Mereka telah menyebarkan, mengubah dan menambah kepada riwayat asal Wahab bin Munabbih. Mereka membeli buku-buku yang mempunyai maklumat tentang sejarah, lalu mendakwa meriwayatkan daripada datuknya Wahab. Ibn Ḥajar (1909), *op.cit.*, 1: 315; Ibn Sa‘d (1912), *op.cit.*, 5: 395.

<sup>137</sup>Al-Dūrī (t.t.), *op.cit.*, h. 108.

<sup>138</sup>*Ibid.*, h. 106 dan 108.

### **2.1.3 Riwayat *Tābi'* *al-Tābi'iñ***

Zaman ini adalah zaman yang semakin jauh dengan Rasulullah s. 'a.w. serta Sahabat. Ia juga satu zaman kemuncak penulisan serta percetakan sumber-sumber Islam. Di samping penulisan, kegiatan penterjemahan, penyuntingan serta penyalinan semula karya-karya ulama silam juga rancak dilakukan untuk menjaga dan menyebarkan sumber Islam ini agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Islam. Justeru, banyak cabaran yang mengintai sumber Islam, antaranya, riwayat berunsur Israiliyyat. Kajian ini mendapati segelintir kalangan *Tābi'* *al-Tābi'iñ* yang terlibat secara lansung menukilkan riwayat atau cerita berunsur Israiliyyat ke dalam sumber Islam. Antara mereka ialah Muqātil bin Sulaymān (m. 150 H.), Muḥammad bin al-Sā'ib al-Kalbī, 'Abd al-Mālik bin 'Abd al-'Azīz bin Jurayj, Ibn Ishāq dan Muḥammad bin Marwān al-Suddī.

#### **a. Muḥammad bin al-Sā'ib al-Kalbī<sup>139</sup>**

Beliau banyak meriwayatkan hadith dengan menggunakan gelaran al-Kalbī. Meriwayatkan hadith daripada dua saudaranya Sufyān dan Salamah, 'Abd Šālih Badham, 'Āmir al-Sya'bīy, al-Asbagh bin Nabatah dan lainnya<sup>140</sup>.

Hadith beliau sering diriwayatkan oleh anaknya Hisyām, dua Sufyān, Hammād bin Salamah, Ibn Mubārak, Ibn Jurayj, Ibn Ishāq, Abū Mu'āwiyah,

<sup>139</sup> Beliau ialah Abū al-Naḍr Muḥammad bin al-Sā'ib bin Basyar bin 'Amr bin 'Abd al-Hārith bin 'Abd al-'Uzzā al-Kalbī al-Kufiy. Beliau meninggal di Kufah tahun 146 H di Kufah. Ibn Ḥajar (1909), *op.cit.*, 6 : 178 dan 180; 'Abd al-Wahhāb 'Abd al-Laṭīf (1966), *op.cit.*, h. 156 dan 157; Ibn Khallikān (t.t.), *op.cit.*, 4 : 311.

<sup>140</sup> Ibn Ḥajar (1909), *op.cit.*, 6 : 178.

Muhammad bin Marwān al-Suddī al-Šaghīr, Hasyim, Abū ‘Awānah, Yazid bin Zari<sup>i</sup>, Ismā‘il bin ‘Ayāsy, Abū Bakr bin ‘Ayāsy, Yu‘lā, Muhammad bin Fādil bin Ghazwān, Yazid bin Hārūn dan lain-lainnya<sup>141</sup>. Jumhur ulama mempertikaikan beliau sebagai perawi hadith. Antara mereka yang menganggapnya sebagai kalangan *Tābi‘ al-Tābi‘ īn* yang dituduh sebagai perawi yang meriwayatkan hadith dusta dan wajar ditinggalkan riwayatnya, ialah:

- i. Mu‘tamir bin Sulaymān, daripada ayahnya dan al-Layth bin Abū Sulaym mengatakan bahawa di Kūfah terdapat dua orang yang berdusta seorang daripadanya ialah al-Kalbī. Seorang lagi ialah al-Suddī<sup>142</sup>.
- ii. Menurut al-Bukhārī, Yaḥyā bin Mahdi mengatakan tiada apa-apa pada riwayat al-Kalbī, tetapi beliau meninggalkan hadith riwayat al-Kalbī<sup>143</sup>.
- iii. Al-Thawrī mengatakan adalah satu yang pelik sesiapa yang meriwayatkan hadith daripada al-Kalbī<sup>144</sup>.
- iv. Abū ‘Āsim meriwayatkan daripada Sufyān al-Tawrī (m. 161 H.), katanya bahawa al-Kalbī pernah mengatakan: *Mana-mana hadith yang aku ambil daripada Abū Ṣāliḥ daripada Ibn ‘Abbās adalah dusta, oleh itu jangan terima atau riwayat hadith tersebut*<sup>145</sup>.
- v. Abū Ḥātim mengatakan, kebanyakan orang bersepakat tidak meriwayatkan hadithnya<sup>146</sup>.
- vi. Ibn Hajar memetik pendapat ‘Ali bin al-Junayd, al-Ḥākim, Abū Aḥmad al-Dārquṭnī, al-Juzjānī dan al-Sājī yang mengatakan hadith beliau *matrūk*, jalan riwayatnya tidak bersambung, dusta dan sangat *da‘if*. Jumhur perawi

<sup>141</sup> *Ibid.*; ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Latīf (1966), *op.cit.*, h. 157.

- thiqah* sepakat menolaknya dan meninggalkan hadith riwayatnya terutama tentang hukum hakam dan cabangnya<sup>147</sup>.
- vii. Pengarang kitab *al-Itqān*, Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, mengatakan perlu diambil perhatian mengenai jalan riwayat al-Kalbī melalui riwayat Abū Ṣalih daripada Ibn ‘Abbās begitu juga jika digabungkan jalan riwayatnya dengan riwayat Muḥammad bin Marwān al-Suddī al-Ṣaghīr, ia juga adalah rangkaian riwayat yang dusta<sup>148</sup>.
  - viii. Ibn Khallikān mengatakan ia adalah pengikut ‘Abd Allāh bin Saba’<sup>149</sup>.

Justeru, berdasarkan pendapat jumhur ulama dan perawi *thiqah* yang lain, riwayat beliau wajar ditolak dan andainya ia disandarkan kepada perawi *thiqah* yang lain, wajar diteliti dan diberi perhatian, terutama dalam meriwayatkan cerita Israiliyyat yang bertentangan dan nas *sahīh*.

b. ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd al-‘Azīz bin Jurayj<sup>150</sup>

Merupakan salah seorang perawi di Mekah dan orang pertama mengerang kitab di Hijāz<sup>151</sup>. Beliau adalah seangkatan dengan Mālik bin Anas (m. 179 H.)

<sup>147</sup> Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 6 : 178.

<sup>148</sup> *Ibid.*, 6 : 179.

<sup>149</sup> *Ibid.*

<sup>150</sup> *Ibid.*, 6 : 180.

<sup>151</sup> Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Lāṭīf (1966), *op.cit.*, h. 157.

<sup>147</sup> Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 6 : 180 dan 181

<sup>148</sup> Al-Suyūtī (1988), *op.cit.*, 2:289.

<sup>149</sup> Ibn Khallikān (t.t.), *op.cit.*, 4:310.

<sup>150</sup> Beliau ialah Abū Khālid atau Abū al-Walīd ‘Abd al-Malik bin ‘Abd al-‘Azīz bin Jurayj. Berbangsa Rom Nasrani. Al-Dhahabī menyebut beliau adalah *thiqah* tetapi *mudallis*. Ini adalah kerana beliau telah mengahwini 70 wanita dalam satu masa sebagai nikah *mut’ah* dan menghukumnya sebagai *rukhsah*. Beliau dilahirkan di Mekah pada tahun 80 H. Meninggal dunia tahun 150 H. Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 6: 402-406; Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī (1995), *op.cit.*, 4:404.

<sup>151</sup> *Ibid.*, 6: 402-406.

dan antara mereka yang mengumpul hadith dan menulisnya dalam kitab. Ahmad bin Hanbal mengatakan bahawa beliau adalah orang yang sangat mengambil berat tentang ilmu. Beliau merupakan seorang yang suka mengembara ke negeri-negeri lain seperti Basrah, Yamān dan Baghdad untuk mencari ilmu, lantaran itu beliau mempunyai ilmu yang banyak dan sempat bersama-sama ‘Aṭā’ selama 18 tahun<sup>152</sup>.

Antara sumber riwayat beliau ialah daripada ayahnya sendiri, ‘Aṭā’ bin Abū Rabāḥ, Zayd bin Aslam, al-Zuhri, Tāwūs, Ibn Abū Malikah, ‘Aṭā’ al-Khurāṣānī, ‘Amr bin Dīnār dan lainnya. Kalangan mereka yang banyak meriwayatkan hadith daripadanya ialah dua orang anaknya ‘Abd al-‘Azīz dan Muhammad, al-Awzā‘ī (m. 157 H.), al-Layth (m. 165 H.), Muslim bin Khālid, Ibn ‘Āliyah, Yahyā bin Sa‘īd al-Anṣārī, Waki‘ (m. 197 H.), Hammād bin Zayd, ‘Abd al-Razzāq dan lainnya<sup>153</sup>. Ibn Jarīr al-Ṭabarī banyak menggunakan riwayatnya dalam menjelaskan ayat-ayat mengenai Nasrani dengan menggunakan nama Ibn Jurayj<sup>154</sup>.

Mengenai kedudukan riwayat beliau, ulama hadith berselisih pendapat tentangnya, yang mana ada yang mengatakan ia *thiqah* dan sebagianya mengatakan ia *da‘īf*. Kalangan mereka yang mengatakan beliau *thiqah* ialah:

- Al-‘Ijli (m. 261 H.) mengatakan ia adalah penduduk Mekah yang *thiqah*.
- Ibn Kharasī mengatakan ia benar.

<sup>152</sup> Ibn al-‘Imād al-Hanbali (1931), *op.cit.*, 1:226.

<sup>153</sup> Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 6: 402-406; Al-Dhahabi (t.t.), *op.cit.*, 1:160-161.

<sup>154</sup> Al-Dhahabi (1976), *op.cit.*, 1:198.

- iii. Ibn Ma'īn (m. 233 H.) mengatakan bahawa ia adalah *thiqah* dalam semua yang ia riwayatkan.
- iv. Yahyā bin Sa'īd mengatakan ia benar, jika ia meriwayatkan hadith dengan memulakan (حدّنِي) maksudnya: *Mengatakan kepadaku*, hukum hadithnya boleh didengari. Jika ia meriwayatkan hadith dengan memulai dengan (أَخْبَرَنِي) hadithnya boleh dibacakan. Jika ia memulakan hadithnya dengan (قُلَّ) hadithnya seperti angin (berlalu begitu sahaja). Ia menamakan kitab-kitab Ibn Jurayj sebagai kitab-kitab amanah, jika Ibn Jurayj tidak menceritakan apa yang terkandung dalam kitabnya nescaya tidak ada faedahnya.
- v. Menurut Sulaymān bin al-Naḍr bin Makhlad bin Yazīd, katanya, bahawa beliau tidak pernah melihat *lahjah* yang paling benar kecuali *lahjah* Ibn Jurayj<sup>155</sup>.

Adapun mereka yang mengatakan ia perawi yang *da'i* ialah :

- i. Al-Dār Qutnī (m. 385 H.) mengatakan hendaklah jauhi Jurayj kerana hadithnya *mudallas*, ia meriwayatkan hadith daripada mereka yang *majrūh*.
- ii. Ibn Ḥibbān (m. 354 H.) mengatakan Ibn Jurayj merupakan kalangan *fugahā'*, *qurrā'* dan mereka yang tekun dalam agama dan ilmu di Hijjāz tetapi beliau juga seorang *mudallis*<sup>156</sup>.
- iii. Al-Dhahabī (m. 748 H.) mengatakan beliau adalah perawi yang termasuk dalam kalangan yang *thiqah* tetapi seorang yang *mudallis*<sup>157</sup>. Beliau seorang yang *faqīh* di Mekah pada zamannya.

---

<sup>155</sup>Ibid., 1: 199.

<sup>156</sup>Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 6: 404-406.

<sup>157</sup>Al-Dhahabī (1995), *op.cit.*, 4:404.

- iv. Ahmad bin Hanbal (m. 241 H.) mengatakan bapanya ada menyebut bahawa sebahagian hadith Ibn Jurayj adalah *mawdū'*, beliau tidak mengendahkan dari mana beliau mengambil hadith, antaranya, beliau tidak menyebut nama perawi tersebut tetapi hanya menyebut *fulān*<sup>158</sup>.

Melihat kepada hujah-hujah yang dikemukakan, riwayat Ibn Jurayj tidak wajar diterima terus atau ditolak mentah-mentah. Ini adalah kerana bukan semua hadith riwayat beliau adalah tidak *sahīh* atau *mudallas*. Apa yang perlu diberi perhatian ialah, beliau merupakan seorang yang mengambil berat tentang ilmu tetapi kurang teliti dalam menerima hadith yang tidak *sahīh* menyebabkan riwayat beliau wajar diberi pertimbangan terlebih dahulu sebelum menerimanya.

Sebagai contohnya, beliau banyak meriwayatkan hadith Ibn ‘Abbās, ada yang *sahīh* dan ada yang tidak. Ini adalah kerana beliau bukan menekankan tentang *sahīh* atau tidak, tetapi mengumpulkan hadith sebanyak mungkin tanpa mengambil kira dari sudut *sanad* dan *matan* riwayat.

Lantaran itu, hadith riwayat Ibn Jurayj wajar diberi pertimbangan sehingga kita dapat menilai dan membezakan kedudukannya. Adalah tidak wajar menolak semua riwayat lantaran terdapat segelintir riwayatnya yang berbau Israiliyyat memandangkan sikapnya yang baik dan jujur melebihi apa yang dituduh ke atasnya.

---

<sup>158</sup>Ibid.

c. Ibn Ishāq<sup>159</sup>

Sejarawan terkenal pada zaman kerajaan ‘Abbāsiyyah. Beliau banyak mengetahui dan mendalam mengenai sejarah, kisah umat terdahulu, permulaan kejadian serta kisah-kisah para nabi<sup>160</sup>. Sumber riwayat Ibn Ishāq mengenai permulaan kejadian ialah daripada maklumat Ahli Kitab yang memeluk Islam seperti Wahab bin Munabbih (sebahagian besar) dan daripada mereka yang bukan berbangsa Arab.

Antara gurunya di Madinah ialah: ‘Urwah, al-Zuhri, ‘Āsim bin ‘Amrū Ibn Qatādah dan Ibn Ḥazm<sup>161</sup>. Penulisan sejarahnya adalah kumpulan hadith-hadith serta riwayat yang diambil dari Madinah dan Mesir<sup>162</sup>. Antara karya beliau yang terkenal mengenai sejarah ialah *al-Maghāzi*<sup>163</sup>.

Sumber riwayat beliau banyak diambil daripada ayahnya sendiri, dua bapa saudaranya ‘Abd al-Rahmān dan Mūsā, al-Zuhri, al-A‘rāj, Nāfi‘, Makhlūl, Ibrāhīm bin ‘Uqbah, Ḥamīd al-Tawīl, Abū al-Zannād, ‘Abd Allāh bin ‘Abd Allāh bin ‘Umar, Ma‘bad bin Ka‘ab bin Malik, Muḥammad bin Ibrāhīm bin al-Hārith al-Tamīmī, al-Qāsim bin Muḥammad bin Abū Bakr, Muḥammad bin Ja‘far bin al-Zubayr, ‘Āsim bin ‘Umar bin Qatādah, Syu‘bah, ‘Abbās bin Sahl bin Sa‘d, Ibn al-

<sup>159</sup>Beliau ialah Muḥammad bin Ishāq bin Yasār bin Khiyār. Meninggal tahun 151 H di Baghdad. Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 9:38.

<sup>160</sup>Ibn Hibbān (1979), *op.cit.*, 7:380.

<sup>161</sup>Al-Dūrī (t.t.), *op.cit.*, h. 28.

<sup>162</sup>Ibn Hibbān (1979), *op.cit.*, 7:381 dan 382.

<sup>163</sup>Buku ini kemudiannya diringkaskan oleh Ibn Hisyām dan diberi nama dengan *al-Sīrah al-Nabiyī*. Buku *al-Maghāzi* mengandungi cerita berkaitan dengan sejarah Nabi ‘Ādam ‘a.s. hingga zaman pemerintahan al-Mansūr. Al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t.), *Tārīkh Baghdaḍ*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1:215.

Munkadir, Sālim Abū al-Naḍr, saudaranya Şālih bin Ibrāhīm, Sa‘īd al-Maqbariy, Sa‘īd bin Hind dan lainnya<sup>164</sup>.

Riwayat beliau mendapat perhatian sejumlah perawi dan antara mereka yang meriwayatkan daripada beliau ialah: Yahyā bin Sa‘īd al-Anṣārī, Yazīd bin Abū Ḥabīb, Jarīr bin Ḥāzim, ‘Abd Allāh bin Sa‘īd bin Abū Hind, Salamah al-Abrasiyī, Ibn ‘Awn, Ibrāhīm bin Sa‘d al-Zuhri, Ḥammādān bin Salamah, Ibn Jurayj, Ibn Zayd, Sufyān bin Sa‘īd al-Thawrī, Sufyān bin ‘Uyaynah, Syu‘bah bin al-Hajjāj, Zuhayr bin Mu‘āwiyah, Ibn Idrīs, Hāsyim, Abū ‘Awānah, ‘Abd al-A‘lā bin ‘Abd al-A‘lā, Jarīr bin ‘Abd al-Ḥamid, Ziyād al-Bukkā’ī, Abū Khālid al-Āḥmar, Syurayk bin ‘Abd Allāh al-Nakhā’ī dan lainnya<sup>165</sup>.

Dari aspek riwayat yang dibawa oleh beliau, ada kalangan ulama hadith yang menerima dan tidak kurang pula yang menolaknya. Menurut golongan yang menolaknya mengatakan, kebanyakan riwayat beliau mengenai *sīrah* adalah *Munkar* dan *Munqaṭi*. Beliau juga dikatakan mengambil riwayat daripada Ahli Kitab<sup>166</sup>. Penulis dapat menyatakan di sini kalangan mereka yang mempertikaikan hadith riwayatnya, sebagaimana berikut:

- i. Ahmad bin Hanbal mengatakan Ibn Isḥāq *mudallis*<sup>167</sup>.
- ii. ‘Abd Allāh bin Āḥmad mengatakan bahawa hadith-hadith riwayatnya tidak boleh dibuat hujah<sup>168</sup>.

<sup>164</sup>Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 9:38-39; Al-Dhahabi (1995), *op.cit.*, 6:56.

<sup>165</sup>Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 9:39; Al-Dhahabi (1995), *op.cit.*, 6:56; Al-Baghdaðī (t.t.), *op.cit.*, 1:215.

<sup>166</sup>Al-Dhahabi (1995), *op.cit.*, 6:58; Al-Baghdaðī (t.t.), *op.cit.*, 1: 215 .

<sup>167</sup>Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 9:43; Al-Dhahabi (1995), *op.cit.*, 6:58.

<sup>168</sup>Al-Baghdaðī (t.t.), *op.cit.*, 1:230.

- iii. Ibn Ma'īn mengatakan Muḥammad bin Ishāq adalah seorang yang *thiqah*, tetapi hadithnya tidak boleh dibuat hujah<sup>169</sup>.
- iv. Ibn al-Madīnī (m. 234 H.) mengatakan bahawa beliau adalah *thiqah* tetapi apa yang diriwayatkan olehnya adalah diambil dari Ahli Kitab<sup>170</sup>.

Namun ada kalangan ulama yang menyokongnya dan menerima hadith riwayat beliau, antaranya :

- i. Ibn Ḥibbān mengatakan ia *thiqah* dan tiada yang dapat menandingi ilmunya di Hijaz pada masa itu. Beliau turut menyatakan bahawa Syu'bah dan Sufyan mengatakan Ibn Ishaq *amīr al-mu'minīn* di dalam periyawatan hadith. Tambah mereka lagi, beliau juga orang yang paling bagus mempunyai maklumat mengenai khabar-khabar umat terdahulu<sup>171</sup>.
- ii. Beliau banyak meriwayatkan hadith tentang *al-Maghāzī* dan hukum hakam. Ibrāhīm bin Sa'd meriwayatkan daripada Ibn Ishāq mengenai hukum hakam sebanyak 17,000 buah<sup>172</sup>.
- iii. Abū 'Abd Allāh mengatakan Ibn Ishāq tidak pernah mengambil berat mengenai riwayat yang beliau perolehi dari al-Kalbī dan lainnya, apabila sampai di Iraq<sup>173</sup>.
- iv. Al-Syāfi'ī mengatakan sesiapa yang hendak mengetahui dan mendalamni tentang *al-Maghāzī*, hendaklah merujuk kepada *al-Maghāzī* Muḥammad bin Ishāq<sup>174</sup>.

<sup>169</sup>Ibn Hajar (1909), *op.cit.*; Al-Dhahabī (1995), *op.cit.*, 6:57.

<sup>170</sup>Ibn Hajar (1909), *op.cit.*.

<sup>171</sup>Ibid., 9:46; Ibn Ḥibbān (1979), *op.cit.*, 7:382 dan 383.

<sup>172</sup>Ibid., 9:41.

<sup>173</sup>Al-Baghdādī (t.t.), *op.cit.*, 1 : 220 .

<sup>174</sup>Ibid., 1 : 215.

- v. Al-Zuhri (m. 124 H.) mengatakan bahawa Ibn Ishāq merupakan orang yang paling mahir tentang sejarah hidup dan perjuangan Rasulullah s. 'a.w., berita awal Islam juga *Qasaṣ al-Anbiyā*'.
- vi. Al-Dhahabi mengatakan riwayat Israiliyyat yang diriwayatkan oleh Ibn Ishāq tidak menjadi kesalahan dengan alasan hadith Rasulullah s. 'a.w. tidak melarang mengambil cerita bani Israil. Riwayat dari Ahli Kitab juga tidak dijadikan sandaran yang kukuh berbanding Al-Qur'an dan hadith, ia sekadar maklumat<sup>175</sup>.

Sebagai seorang ahli sejarah, beliau perlu melengkapkan rentetan sejarahnya dengan memuatkan maklumat yang lengkap dan boleh menerangkan sesuatu sejarah dan peristiwa yang berlaku, walaupun antara sumber riwayat Ibn Ishāq adalah daripada Ahli Kitab seperti Wahab bin Munabbih dan lainnya. Beliau juga pernah memindahkan nas-nas dari kitab Taurat dan memasukkan ke dalam hadith riwayatnya<sup>176</sup>. Beliau tidak menekankan persoalan berkaitan dengan *dirāyah al-hadīth*, kerana matlamat penyampaiannya dalam bentuk memenuhi fakta sejarah.

Sebagai contohnya ketika al-Tabari mentafsirkan ayat Al-Qur'an (أَنْ يَأْجُجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ), beliau membawa hadith riwayat daripada Ibn Ishāq dengan katanya: *Sebahagian Ahli Kitab Muslim yang mendalam pengetahuannya tentang Dhū al-Qarnayn telah menceritakan kepadaku, bahawa Dhū al-Qarnayn*

<sup>175</sup>Al-Dhahabi (1995), *op.cit.*, 6:58.

<sup>176</sup>Al-Dūrī (t.t.), *op.cit.*, h. 113.

*adalah lelaki dari Mesir bernama Marzabā ibn Mardīyah berbangsa Yunānī dari anak Yunān bin Yāfiث bin Nūh...<sup>177</sup>*

Justeru, ada antara riwayatnya berunsur Israiliyyat yang bercampur antara *maqbūl*, *maskūt* juga *mardūd*. Sebagai langkah awal, kajian ini mengambil ketetapan sebagaimana perawi-perawi riwayat Israiliyyat yang lain, perlu merujuk kepada *sanad* dan *matan* riwayat. Riwayatnya boleh diterima jika tidak bertentangan dengan fakta agama, didiamkan atau sekadar maklumat tambahan jika tiada dalil atau kenyataan kebenaran tentangnya serta menolaknya jika bertentangan dengan nas.

d. Muqātil bin Sulaymān<sup>178</sup>

Muqātil lebih dikenali sebagai pentafsir Al-Qur'an. Sumber riwayat beliau adalah daripada sebahagian besar *Tābi'iin*, antaranya Mujāhid bin Jabr, 'Aṭā' bin Abū Rabāḥ, Abū Ishāq al-Sabī'i, Muḥammad bin Muslim al-Zuhri, al-Dahhāk bin Muzāḥim dan 'Atīyyah bin Sa'id al-'Awfā. Riwayat beliau juga dimanfaatkan oleh sebilangan perawi antaranya Baqīyyah bin al-Walīd al-Ḥimṣ, 'Abd al-Razzāq bin Hammām al-Ṣan'aṇī, Ḥaramī bin 'Imārah, 'Alī bin al-Ja'd dan lainnya.

<sup>177</sup>Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 16:114.

<sup>178</sup>Beliau ialah Muqatil bin Sulayman bin Bashir al-Khurasani. Meninggal tahun 150 H. Ibn Khallikān (t.t.), *op.cit.*, 5: 255, 256 dan 257; Abū Zakariyyā Maḥy al-Dīn bin Syaraf al-Nawawī (1966), *Tahdhīb al-Asmā' wa al-Lughāt*. Kaherah: Idārah al-Tibā'ah al-Muniriyyah, 2 : 111.

Antara sikap ulama terhadap riwayat beliau dapat diringkaskan sebagaimana berikut:

- i. Menurut pengarang kitab *al-Tahdhib*, beliau tidak pernah mendengar daripada al-Dhaħħāk sendiri. Ini adalah kerana al-Dhaħħāk meninggal sebelum kelahiran Muqātil selang 4 tahun<sup>179</sup>. Walaupun Muqātil sempat berjumpa dengan sebahagian *Tābi‘in* besar, tetapi mereka sendiri telah menda’ifkannya<sup>180</sup>.
- ii. Ibn Khallikān menukil pendapat seperti al-Ḥarbi, Imam al-Syāfi‘ī, Aḥmad bin Sayyār juga Ibrāhīm bin Ya‘qūb al-Juzjāni yang mengatakan Muqātil tidak pernah mendengar daripada Mujāhid sendiri, Allah memerangi Muqātil kerana banyak meriwayatkan hadith tentang *Tajsīm*. Walaupun Imam al-Syāfi‘ī mengatakan demikian namun beliau mengakui bahawa tafsir Muqātil adalah baik, yakni boleh dibuat hujah, hadith Muqātil adalah *matriķ*, kata-katanya tidak boleh diguna pakai, ia memperkatakan tentang sifat-sifat yang tidak sepatutnya dia riwayatkan dan Muqātil bin Sulaymān adalah dajal yang berani<sup>181</sup>.
- iii. Menurut Muqātil bin Ḥibbān, beliau mempunyai ilmu seperti laut namun laut itu banyak membawa sampah sarap dan kekotoran daripada perkara yang bersih<sup>182</sup>. Beliau banyak membawakan dalam tafsirnya cerita-cerita Israiliyyat dan khurafat tentang *tasybīh* dan *tajsīm* yang bertentangan dengan syarak dan akal.
- iv. Al-Nawawī memetik daripada Abū ‘Abd Allāh al-Dhahabī yang meriwayatkan daripada Abū Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān, katanya: *Muqātil ibn Sulayman mengambil daripada Yahudi dan Nasrani ilmu Al-Qur'an yang*

<sup>179</sup> *Ibid.*

<sup>180</sup> Al-Suyū‘ī (1988), *op.cit.*, 2: 188.

<sup>181</sup> Ibn Khallikān (t.t.), *op.cit.*, 5: 256.

<sup>182</sup> Al-Dhahabī (1995), *op.cit.*, 4:173.

*menyamai kitab-kitab mereka, ia menyamakan Allah dengan makhluk dan melakukan pendustaan terhadap hadith riwayatnya*<sup>183</sup>.

v. Abū ‘Abd al-Rahmān al-Nasā’ī mengatakan bahawa pendusta-pendusta yang dikenali membuat hadith-hadith palsu ke atas Rasulullah s.a.w. ada 4 orang : Ibn Abū Yahyā di Madinah, al-Wāqidi<sup>184</sup> di Baghdad, Muqātil bin Sulaymān di Khurasan dan Muḥammad bin Sa’id yang dikenali dengan gelaran *al-Maslūb* di Syam<sup>185</sup>.

vi. Aḥmad bin Ḥanbal mengatakan Muqātil adalah pentafsir yang tidak menakjubkan langsung untuk mengambil tafsirannya<sup>186</sup>.

vii. Abū Ḥanīfah mengatakan Muqātil keterlaluan dalam mensabitkan sifat Tuhan hingga menyamai kejadian dirinya sendiri<sup>187</sup>.

Kesimpulannya, riwayat Muqātil lebih banyak yang perlu diberi perhatian dan tidak boleh diterima terus tanpa sebarang tapisan. Pendapat Imam al-Syāfi‘ī itu menunjukkan Muqātil adalah sebagai rujukan ahli tafsir mengenai perselisihan fahaman mazhab yang berdebat berkenaan *Tajsim* dan *Tasybih*. Dari sini jelas menunjukkan bahawa Muqātil dan riwayatnya tidak boleh diambil dan dijadikan hujah.

Hal yang demikian kerana beliau banyak mengambil riwayat Israiliyyat yang dusta dan mengambil maklumat dari Al-Qur'an dan menyamakannya

<sup>183</sup> *Ibid.*, 5:256 dan 568; Al-Nawawi (1966), *op.cit.*

<sup>184</sup> Beliau ialah Muhammad bin ‘Umar al-Wāqidi. Lahir tahun 130 H/747 M. Meninggal di Baghdad tahun 207 H/823 M. Beliau terkenal dengan karya-karya sejarah seperti *al-Sīrah al-Nabawiyah*, *al-Tabaqāt* dan *al-Tārīkh al-Kabīr*. Kebanyakan penulisan beliau dibawakan sanadnya. Al-Dūri (t.t.), *op.cit.*, h. 30, 31 dan 32.

<sup>185</sup> Ibn Khallikān (t.t.), *op.cit.*, 5:257.

<sup>186</sup> *Ibid.*, 5:257.

<sup>187</sup> Al-Dhahabi (1995), *op.cit.*, 4:173-175.

dengan yang terkandung di dalam kitab-kitab Yahudi dan Nasrani. Apabila cerita dalam Al-Qur'an digabungkan dan diubahsuai dengan cerita dalam kitab-kitab Yahudi dan Nasrani yang telah rosak dan diselewengkan, sudah pasti riwayatnya adalah dusta, palsu dan rekaan semata-mata.

Namun, terdapat kalangan fahaman yang berselisih itu golongan yang berfahaman sederhana mempunyai fahaman yang baik mengenai nas Al-Qur'an, mereka juga mengambil riwayat Muqātil. Terdapat juga yang melampau pemahaman mereka mengenai *Tajsīm* dan *Tasybih*, mereka juga mengambil riwayat Muqātil yang bersesuaian dengan aliran pemikiran mereka. Hal yang sama juga jika mereka yang ingin mendalami kisah-kisah dan riwayat-riwayat yang dipenuhi dengan cerita-cerita pelik dan ajaib, juga mengambil daripada riwayat Muqātil. Apa yang jelas tiada ulama yang memuji tafsiran Muqātil kecuali Ibn al-Mubārak.

#### e. Muḥammad bin Marwān al-Suddī

Beliau adalah murid kepada Muḥammad bin al-Sā'ib al-Kalbī. Al-Kalbī merupakan seorang yang pendusta dan mencipta hadith palsu. Lantaran itu anak muridnya juga mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan gurunya. Dikatakan bahwa al-Suddī juga meriwayatkan hadith palsu dan *matrūk*. Imam al-Bukhārī mengatakan hadithnya tidak boleh diriwayatkan (didiamkan)<sup>188</sup>. Ibn Ma'īn mengatakan beliau tidak *thiqah*<sup>189</sup>.

<sup>188</sup> *Ibid.*, 4: 33.

<sup>189</sup> *Ibid.*

Al-Suyūṭī pula mengatakan bahawa jalan riwayat yang paling lemah kepada riwayat Ibn ‘Abbās ialah *sanad* daripada al-Kalbī daripada Abū Ṣāliḥ yang disandarkan kepada Ibn ‘Abbās. Lebih-lebih lagi jika digabungkan kepada sanad tersebut riwayat Muḥammad bin Marwān al-Suddī al-Ṣaghīr, ia dipanggil rangkaian *sanad* yang dusta<sup>190</sup>.

Justeru, berdasarkan sikap ulama di atas, adalah wajar riwayatnya tidak diutamakan sebagai sumber agama. Riwayatnya wajar diberi perhatian dan seboleh-bolehnya cuba mengelakkan daripada dijadikan sandaran dan rujukan.

## 2.2 Skop Riwayat Israiliyyat Dalam Sumber Islam

Setelah meneliti beberapa sumber Islam, terdapat tanda-tanda menunjukkan kewujudan riwayat Israiliyyat di dalamnya adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan. Ia merangkumi pelbagai topik, kebanyakannya bertumpu sekitar sejarah umat terdahulu serta nabi-nabi mereka, rahsia kejadian alam, *ghaybiyyāt*, kiamat dan lainnya. Riwayat-riwayat tersebut bersandarkan kepada berbagai kategori perawi selain Rasulullah s. ‘a.w., juga Sahabat, *Tābi‘īn*, *Tābi‘ al-Tābi‘īn*, *Ahli Kitab* dan lainnya. Riwayat Israiliyyat ini banyak dikupas di dalam sumber sejarah dan tafsir. Justeru kajian ini cuba menelusuri beberapa contoh riwayat Israiliyyat yang terdapat di dalam sumber Islam dari pelbagai topik utama.

---

<sup>190</sup> Al-Suyūṭī (1988), *op.cit.*, 2: 224.

## **2.2.1 Kisah Para Nabi**

Maklumat mengenai kisah para nabi dan rasul yang bermula dari Nabi Adam sehingga Nabi Muhammad banyak tercatat di dalam Al-Qur'an dan hadith. Selain itu, kedapatan sebahagian perawi yang mendapatkan maklumat melalui sumber Ahli Kitab Muslim dan lainnya. Justeru, antara tumpuan riwayat Israiliyyat ialah mengenai Nabi 'Ādam, Nabi Ayyūb, Nabi Dāwūd, Nabi Sulaymān, Nabi Mūsā 'a.s. dan lainnya.

### **a. Nabi 'Ādam 'a.s.**

Nabi 'Ādam 'a.s. adalah Nabi dan Rasul pertama kepada umat manusia. Allah telah menyatakan banyak tempat di dalam Al-Qur'an mengenainya begitu juga hadith. Antara ayat yang berkaitan kisah Nabi 'Ādam 'a.s. ialah cubaan iblis menggoda Nabi 'Ādam 'a.s. dan Hawwā' agar mendekati pokok larangan sehingga mereka diturunkan ke bumi sebagai khalifah<sup>191</sup>. Antara cerita Israiliyyat yang dibawa menerangkannya ialah:

- i. Wahab bin Munabbih dalam riwayatnya menerangkan sifat pokok tersebut yang mempunyai dahan-dahan yang bercabang-cabang dan beranting-ranting, mempunyai buah yang dimakan oleh malaikat untuk kekal berada di dalam syurga. Buah daripada pokok inilah yang dilarang oleh Allah terhadap 'Ādam 'a.s. dan isterinya. Beliau juga menceritakan bagaimana iblis masuk ke dalam perut ular untuk menggoda mereka dengan menceritakan ular itu mempunyai 4 kaki, rupanya seperti unta betina, makhluk ciptaan Allah yang paling cantik.

---

<sup>191</sup>Surah al-Baqarah (2): 36.

Semuanya diceritakan dengan panjang lebar melebihi cerita yang terkandung di dalam Al-Qur'an dan hadith *sahīh*.

ii. Diriwayatkan juga Nabi 'Ādam 'a.s. bersedih di atas pembunuhan anaknya. Baginda tidak pernah ketawa selama 100 tahun kerana bersedih. Ada riwayat lain menceritakan Nabi 'Ādam 'a.s. meratap anaknya dengan mengalunkan syair<sup>192</sup>.

b. **Nabi Ayyūb 'a.s.**

Nabi Ayyūb antara nabi yang diuji oleh Allah dengan ditimpakan sejenis penyakit. Ia bertujuan untuk menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Allah dan untuk meningkatkan darjat Baginda. Kisah Nabi Ayyūb 'a.s. terdapat di dalam ayat 41-44 surah Ṣād. Namun terdapat riwayat Israiliyyat yang menyatakan jenis penyakit itu ialah kusta. Digambarkan Nabi Ayyūb ditimpa penyakit kusta pada ke seluruhan badannya, kecuali hati dan lidahnya. Dikatakan ulat-ulat memenuhi badannya dan memakan daging busuk pada badannya. Beliau dijauhi oleh semua orang kecuali isterinya. Isterinya digambarkan hidup dalam penderitaan dan kehinaan sehingga terpaksa menjual rambutnya untuk mendapatkan wang dan juga mengambil upah sebagai orang gaji. Baginda dikatakan terlantar menderita di dalam gereja bani Israil selama 7 tahun dan beberapa bulan. Menurut riwayat al-Suddī seluruh daging Nabi Ayyūb luruh dan hanya tinggal tulang dan urat.

---

<sup>192</sup> Surah al-Mā'idah (5) : 27. Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 4 : 530-531; Al-Suyūṭī (t.t.), *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1 : 276-277.

Menurut riwayat Wahab bin Munabbih, Nabi Ayyūb menderita penyakit itu selama 3 tahun<sup>193</sup>.

Para ulama mengatakan bahawa cerita-cerita tambahan dari apa yang diceritakan dalam Al-Qur'an adalah rekaan dan dusta semata-mata yang dilakukan oleh pencipta hadith palsu dan menyandarkan riwayat kepada rawi-rawi yang bercampur aduk antara *thiqah* dan *da'if* serta palsu untuk menguatkan cerita mereka. Ini adalah antara cerita Isriliyyat yang menyalahi fakta nas. Ini adalah perbuatan bani Israil yang melakukan penyelewengan dan pendustaan terhadap para nabi mereka yang *ma'sum* dan dirahmati Allah<sup>194</sup>.

Asalnya kisah Nabi Ayyūb yang diriwayatkan oleh Wahab bin Munabbih adalah selari dengan nas akal dan *nagai*, namun sebahagian mereka yang tidak beriman dan melakukan pendustaan terhadap riwayat yang dibawa oleh Wahab bin Munabbih ini dengan menambah fakta yang *sedia ada* dan mereka-reka cerita yang menjatuhkan *'Ismah* para nabi dan rasul. Sebahagian besar cerita-cerita tentang Nabi Ayyūb diriwayatkan oleh Ahli Kitab yang telah memeluk Islam. Walaupun ada sebahagian *sanad* yang terdiri daripada perawi yang *thiqah*, namun tidak terkecuali juga riwayat yang *sahih* dan ia cerita Isriliyyat yang selari dengan nas dan boleh diterima dan merupakan cerita yang sebenar<sup>195</sup>.

<sup>193</sup>Kisah-kisah Isriliyyat seumpama ini ada diceritakan dalam *Tafsir al-Tabarī* mentafsirkan ayat 83-84 surah al-Anbiyā', *Tafsir Ibn Kathir*, al-Suyūti dalam *al-Durr al-Manthūr* serta lainnya dengan kisah yang panjang lebar dan ajaiab.

<sup>194</sup> Muhammad al-Sayyid al-Wakil (1994), Dr., *Nazārat min Ahsan al-Qisas*. Damsyik: Dār al-Qalam, 1: 288.

<sup>195</sup>Cerita yang sebenar ialah sebagaimana yang terkandung di dalam Al-Qur'an melalui penerangan Nabi Muhammad sendiri bahawa Nabi Ayyūb diuji oleh Allah dengan kesihatan, harta dan keluarga. Namun Baginda seorang yang sabar sehingga kesabarannya dijadikan model kepada orang lain dan contoh kesabar yang paling unggul. Apa yang penting di sini bahawa Baginda diuji Allah dengan kesihatan namun kesihatan itu tidaklah sampai ke tahap mencemarkan

### c. Nabi Dāwūd ‘a.s.

Nabi Dāwūd telah dikurniakan oleh Allah kerajaan yang besar dan berpengaruh. Sebagai seorang pemerintah, beliau seorang yang amat sibuk. Kisah Nabi Dāwūd ‘a.s. dibentangkan dalam Al-Qur'an bermula ayat 21-25 surah Ṣād. Antara intipati kisah ini ialah mengenai ujian yang Allah kenakan ke atas Nabi Dāwūd dalam menyelesaikan masalah dua orang yang bertengkar mengenai kambing mereka dan merujuk kepada Nabi Dāwūd di tempat ibadatnya.

Lantaran kisah ini, banyak riwayat yang cuba mentafsirkan dengan lebih panjang mengenainya. Antara riwayat yang menceritakan mengenai kisah ini ialah daripada Ibn Jarīr, Ibn Abū Ḥātim, al-Baghāwī, al-Suyūṭī dan lainnya. Sebagai contohnya : Riwayat Ibn 'Abbās, Mujāhid, Wahab bin Munabbih, Ka'b al-Āḥbār, al-Suddī dan lainnya telah menyebut kisah Nabi Dāwūd dengan panjang lebar dan tambahan yang banyak. Sebagai contohnya, Nabi Dāwūd telah mengetahui terlebih dahulu ia akan diuji<sup>196</sup>. Nabi Dāwūd juga telah mengunci pintu mihrabnya dan tidak membenarkan sesiapapun masuk pada hari itu. Baginda meletakkan khadamnya sebagai pengawal pintunya. Dikatakan, sedang Baginda membaca kitab Zaburnya, seekor burung emas datang menghampirinya dan berlegar-legar di antara dua tangannya. Baginda cuba menangkapnya namun burung itu terbang dan hinggap di lubang angin dinding mihrabnya<sup>197</sup>.

---

<sup>196</sup> 'iṣmāh Baginda seperti yang didakwa. Apabila Allah perintahkan Nabi Ayyūb agar memijak tanah terkeluarlah mata air dan Baginda mandi dengan air tersebut dan dengan izin Allah penyakit yang dideritanya sembuh. Ada riwayat yang mengatakan sekali dipijak keluar mata air panas lalu Baginda mandi dan pijakan kali kedua mengeluarkan mata air sejuk lalu diminumnya. Namun ianya tidak dinyatakan di dalam Al-Qur'an berapa kalikah Nabi Ayyūb melakukan pijakan ke atas tanah juga tentang keluar mata air tersebut. Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 275-279.

<sup>197</sup> Riwayat Ibn 'Abbās dan al-Ḥasan. Ibn Jarir (1997), *op.cit.*, 10:569 dan 572.

<sup>197</sup> Riwayat Ibn 'Abbās. Ibn Jarir (1997), *op.cit.*, 10:570.

Ketika mengejar burung tersebut, Baginda terlihat seorang wanita sedang mandi bersuci dari haid. Diriwayatkan Nabi Dāwūd terpikat kepada wanita itu dimana suaminya sedang berjuang di jalan Allah. Lalu Nabi Dāwūd membuat helah mengutus surat kepada ketua perang supaya melantik suami wanita itu sebagai pembawa Tābūt<sup>198</sup>. Suaminya terbunuh di dalam peperangan tersebut dan Baginda meminang wanita itu untuk dijadikan isterinya. Menurut riwayat yang lain dikatakan Nabi Dāwūd melakukan perkara yang sama terhadap tiga orang lain lagi<sup>199</sup>.

Riwayat-riwayat sebegini bukan sekadar *mawquf* ke atas Sahabat, *Tābi'īn* dan Ahli Kitab Muslim, namun ada yang *marfū'* kepada Rasulullah s.'a.w.. Contohnya, riwayat daripada Ibn Jarīr dan Ibn Abū Ḥātim disandarkan kepada Anas r.'a. katanya: *Aku mendengar Rasulullah s.'a.w. bersabda bahawa jika Nabi Dāwūd 'a.s. melihat seseorang wanita, ia akan mengarahkan ketua perang menyerahkan Tābūt dibawa oleh suami wanita yang diingininya. Apabila pembawa Tābūt itu terkorban, Baginda akan mengahwini wanita itu. Dua malaikat datang menemui Nabi Dāwūd, lalu Baginda sujud selama 40 malam menyesal akan perbuatannya sehingga tumbuh pokok di atas kepalanya kerana air matanya dan dahinya dimakan oleh bumi. Nabi Dāwūd berkata di dalam sujudnya: Wahai Tuhan, Engkau telah menghina Dāwūd serendah-rendah*

<sup>198</sup>Tābūt ialah warisan peninggalan para nabi bani Israil. Mereka akan sentiasa membawa Tābūt semasa dalam peperangan supaya menang. Orang yang ditugaskan membawa Tābūt pula menghadapi dua kemungkinan, iaitu jika menang akan terus berjuang (tidak kembali) dan jika kalah akan terkorban.

<sup>199</sup>Kisahnya boleh dilihat dalam *al-Durr al-Manthūr* oleh al-Suyūṭī yang membawa banyak riwayat dan nama-nama perawi serta kitab yang diambilnya. Al-Suyūṭī (t.t.), *op.cit.*, 5 : 300-302.

*penghinaan sejauh timur dan barat. Wahai Tuhan, jika Engkau tidak mengampuni, Dāwūd akan menjadi lemah, jika Engkau tidak memaafkan dosa-dosanya, ia akan menjadi perbualan orang selepasnya. Selepas 40 malam, Jibril turun kepadanya dan berkata kepadanya: Wahai Dāwūd, Allah telah mengampunimu. Demikianlah antara riwayat yang menggambarkan kisah Nabi Dāwūd*<sup>200</sup>.

Menurut riwayat Wahab bin Munabbih, Nabi Dāwūd menangis selama 30 tahun siang dan malam kerana menyesali kesalahannya selepas diampunkan oleh Allah. Umurnya ketika itu mencapai 77 tahun. Banyak lagi riwayat lain yang menceritakan dengan panjang lebar dan pelik mengenai kisah ini<sup>201</sup>.

Antara perawi kisah ini ialah Ibn Lahi‘ah dan Yazid bin Aban. Mereka adalah sangat *da‘if*. al-Nasā‘i dan al-Hākim mengatakan ia seorang yang *matrūk*. Ibn Hibbān mengatakan beliau seorang yang kuat ibadat sehingga lupa menghafaz hadith. Oleh itu tidak wajar meriwayatkan daripadanya melainkan untuk tujuan menyatakan keajaiban<sup>202</sup>.

Ibn Kathir juga membuat ulasan mengenai ayat 21-25 ini, mengatakan bahawa riwayat dan kisah banyak yang dinukilkan oleh *salaf* dan *khalaf* daripada sumber Israiliyyat, riwayat dusta dan mustahil, bukannya sabit daripada Rasulullah s. ‘a.w.. Beliau tidak menukilkan kisah-kisah Israiliyyat tersebut kerana

<sup>200</sup>Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 10: 574.

<sup>201</sup>Abū Muhammād al-Husayn bin Mas‘ūd al-Farrā‘ al-Baghawī al-Syafī‘i (1993), *Tafsīr al-Baghawī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 4 : 46-50.

<sup>202</sup>Al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t.), *op.cit.*, 8:42-43; Al-Suyū‘i (t.t.), *op.cit.*, 5 : 300-301; Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 11 : 309.

sudah memadai dengan kandungan ayat Al-Qur'an yang lebih benar dan tepat. Kisahnya yang sebenarnya secara terperinci hanya Allah yang mengetahuinya<sup>203</sup>. Antara alasannya *sanad* riwayat Ibn Abū Ḥātim adalah tidak *sahīh*. Ini adalah kerana Yazīd al-Ruqāṣyī<sup>204</sup> daripada Anas, walaupun beliau seorang yang baik, namun hadithnya *da'īf* menurut jumhur *muḥaddithīn*<sup>205</sup>.

Al-Qādī ‘Iyād mengingatkan umat Islam agar berpaling daripada kisah-kisah yang dibawa oleh tukang cerita Ahli Kitab yang menukar dan mengubah cerita asal yang dinukil oleh para pentafsir. Beliau menambah bahawa tiada hadith *sahīh* atau khabar yang menceritakan kisah Nabi Dāwūd, kecuali apa yang diceritakan dalam Al-Qur'an<sup>206</sup>.

Al-Fakhr al-Rāzī ada membuat ulasannya mengenai kisah ini dengan mengatakan ia menolak cerita ini. Antara alasannya ialah perbuatan berusaha membunuh sesama muslim kerana inginkan isterinya adalah perbuatan yang amat terkutuk. Seorang nabi adalah mustahil melakukan perbuatan ini. Allah telah menerangkan 10 sifat Nabi Dāwūd sebelum membawa kisah ini. Bahkan Allah menerangkan lagi sifat Nabi Dāwūd yang sebenar, menunjukkan jelas bertentangan dengan riwayat Isriliyyat ini<sup>206</sup>.

<sup>203</sup>Ibn Kathīr (1992), *Qaṣṣas al-Anbiyā'*, Mekah: al-Maktabah al-Tijāriyyah, h. 432; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 2: 13.

<sup>204</sup>Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 4: 41; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 2 : 14.

<sup>205</sup>Iyād bin Mūsā al-Yahṣubī al-Andalūsī (t.t.), *al-Syīfā*. Damsyik: Maktabah al-Fārābī, 2 : 371.

<sup>206</sup>Muhammad bin ‘Umar bin al-Hasan bin al-Husayn al-Taymī al-Bakrī al-Tibrastānī al-al-Rāzī (t.t.), *al-Tafsīr al-Kabīr*. Mesir: Jāmi’ah al-Azhar, 26:189.

Begitu juga al-Dāwūdī yang mengatakan kisah Nabi Dāwūd dan 'Ūriyā tiada khabar atau hadith yang menceritakannya. Tidak wajar menyangka seseorang nabi itu suka membunuh sesama muslim<sup>207</sup>.

4

Jika dilihat kandungan riwayat ini, selain perawinya yang *da'if* dan *matriük*, jelas menunjukkan fakta yang bersalahan dengan nas dan akal. Antaranya mustahil seorang nabi merampas isteri orang untuk kepentingan nafsunya. Nabi tidak akan melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan, apakah membunuh saudara seagamanya. Para nabi adalah teladan umatnya zahir dan batin mustahil mengandungi niat yang jahat dan mengutamakan nafsu. Jika ini berlaku pada para nabi, sudah pasti umatnya mempunyai alasan untuk tidak taat kepadanya dan tidak beriman. Hal yang demikian berlawanan dengan perutusan seorang rasul. Ujian adalah untuk meninggikan darjat seseorang nabi bukan menjatuhkan maruahnya. Bahkan Nabi Dāwūd mendapat pengiktirafan darjat yang tinggi di dalam syurga kerana kenabianya dan pemerintahannya yang sangat adil.

Apa yang wajar kita pegang dan ketahui mengenai kisah ini ialah Nabi Dāwūd seorang pemerintah kepada sebuah kerajaan yang terbesar di dunia waktu itu. Justeru, Baginda seorang yang sangat sibuk. Lantas Baginda membahagikan masanya sebaik mungkin untuk kerajaan, rakyat, keluarga juga ibadatnya. Baginda mengkhususkan satu hari untuk ibadat, satu hari untuk pemerintahan dan meleraikan pertelingkahan, satu hari untuk diri dan keluarganya, satu hari untuk memberi nasihat dan peringatan kepada bani Israil.

---

<sup>207</sup> Al-Qādī 'Iyād (t.t.), *op.cit.*, 2: 373.

Pada suatu hari, khusus untuk ibadatnya, Baginda didatangi oleh dua orang yang sedang bergaduh dengan tidak melalui pintu yang biasa digunakan. Lalu Baginda tersentak dengan kedatangan keduanya itu dan merasa takut kerana menyangka dengan sangkaan yang tidak sepatutnya bagi para nabi dan rasul yang sentiasa bertawakal kepada Allah dan beriman dengan-Nya. Lalu setelah Baginda menyedari tujuan kedatangan mereka, Baginda segera memohon ampun daripada Allah di atas sangkaannya lalu segera sujud memohon ampun dan bertaubat. Allah menerima kesilapan yang tidak disengajakan itu.

Menurut al-Samarqandī pula, perkara yang menyebabkan Baginda meminta ampun daripada Allah itu ialah kerana kata-katanya kepada salah seorang yang bertengkar itu bahawa ia telah menzalimi kawannya kerana meminta kambing yang seekor itu<sup>208</sup>.

Dalam konteks kesalahan tidak sengaja ini, menurut setengah ulama Salaf, bahawa kebaikan orang-orang yang baik adalah kesalahan *muqarrabūn*<sup>209</sup>. Abū Ḥayyān mengatakan kemaksuman para nabi adalah *qaṭ'i*. Mereka tidak mungkin melakukan kesilapan dengan sengaja apatah lagi menyandarkan sebarang kesilapan kepada mereka<sup>210</sup>. Orang yang ber tengkar itu adalah manusia, bukan dua orang malaikat sebagaimana yang disangkakan. Perkataan ‘*na'jah*’ dalam

<sup>208</sup> Beliau ialah Abū al-Layth al-Samarqandī. Pengarang masyhur dan banyak menghasilkan karya dalam tafsīr, fatwa, dan lainnya. Antara karyanya ialah *Tanbih al-Ğāfiłīn* dan *al-Bustān*. Meninggal dunia pada tahun 373 H. Al-Qādī ‘Iyād, *op.cit.*, 2 : 372.

<sup>209</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 4 : 41.

<sup>210</sup> Abū Ḥayyān (t.t.), *Tafsīr al-Bahr al-Muhiṭ*. Riyad: Maktabah al-Naṣr al-Hadīthah, 7:389.

ayat tersebut adalah kambing bukan wanita sebagaimana yang dita'wi'lkan<sup>211</sup>, ia bukan simbolik. Dalam konteks ini kita wajib berpegang dengan yang benar dan menjauhi yang dusta<sup>212</sup>.

d. Nabi Sulaymān 'a.s.

Nabi Sulaymān 'a.s. merupakan antara nabi yang menjadi raja kepada kerajaan yang besar sebagaimana ayahnya Nabi Dāwūd 'a.s.. Kisahnya tersebut di dalam Al-Qur'an surah Ṣād ayat 34. Intipati kisahnya Baginda telah diuji oleh Allah dengan meletakkan jasad anaknya yang mati di atas takhtanya kerana terlupa menyebut *Insyā' Allāh* ketika berniat untuk bersama para isterinya yang mana Baginda mengharapkan setiap isterinya melahirkan anak yang berjuang pada jalan Allah. Dengan takdir Allah, hanya seorang isterinya yang melahirkan anak namun mati dan diletakkan di atas takhtanya. Baginda menyedari kesilapannya dan segera memohon ampun kepada Allah.

Antara sumber riwayat Israiliyyat yang dinukil tentang kisah ini disandarkan kepada Ibn 'Abbās, Mujāhid, Muḥammad Ibn Ishāq, Qatādah, Wahab bin Munabbih, Ka'ab al-Aḥbār dan lainnya. Antara kisah yang diriwayatkan ialah syaitan yang menguasai takhta Nabi Sulaymān. Diriwayatkan juga syaitan telah menjalankan hukum yang bersalah dengan syariat serta dapat menyetubuhi para isteri Nabi Sulaymān sedangkan mereka dalam keadaan berhaid. Syaitan telah dapat mencuri cincin Nabi Sulaymān dan menyerupai

<sup>211</sup>Ibn Jarir menukilkan riwayat daripada Wahab bin Munabbih daripada sebahagian ahli ilmu daripada Ibn Ishāq. Ibn Jarir (1997), *op.cit.*, 10 : 567.

<sup>212</sup>Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 269.

Baginda. Riwayat juga ada mengatakan Nabi Sulaymān membenarkan patung disembah oleh isterinya di dalam rumahnya serta berbagai lagi riwayat yang mustahil seorang nabi melakukan sedemikian<sup>213</sup>.

4

Ulama telah menyatakan pendirian mereka mengenai riwayat-riwayat ini antaranya al-Qādī ‘Iyād menyatakan cerita yang mengatakan syaitan menyerupai Nabi Sulaymān, menguasai takhtanya dan memerintah rakyat dengan cara menyeleweng dari ajaran agama, adalah tidak benar. Alasannya, syaitan tidak boleh melakukan demikian ke atas para nabi kerana mereka *ma’sūm*. Ini adalah riwayat yang diambil dari sumber Israiliyyat<sup>214</sup>.

Demikian juga menurut Ibn Kathīr setelah beliau membentangkan banyak riwayat mengenai Nabi Sulaymān, telah menyatakan pendiriannya, semuanya adalah riwayat Israiliyyat dan juga menyatakan mereka yang mengingkarinya. Beliau juga membawa riwayat dengan *sanad* yang kuat daripada Ibn ‘Abbās namun menurutnya ia adalah nukilan Ibn ‘Abbās daripada Ahli Kitab yang tidak beriman dengan Nabi Sulaymān<sup>215</sup>.

Begini juga al-Suyūtī, walaupun beliau ada membawa riwayat Israiliyyat di dalam kitabnya, namun beliau ada menyatakan pendiriannya bahawa ia adalah nukilan Ibn Abu Hatim dengan *sanad saḥīḥ* daripada Ibn ‘Abbās secara *mawqūf* – adalah daripada sumber Israiliyyat<sup>216</sup>.

<sup>213</sup> Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, 4:52-55; Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, 5:309-313; Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī al-Baghdādī (t.t.), *Rūḥ al-Ma’ānī*. Beirut: Dār al-Fikr, 12:199-200.

<sup>214</sup> \_\_\_\_\_ (t.t.), *op.cit.*, 2: 381 dan 382.

<sup>215</sup> \_\_\_\_\_ (1998), *op.cit.*, 4:48.

<sup>216</sup> \_\_\_\_\_ (1983), *op.cit.*; Al-Qādī ‘Iyād (t.t.), *op.cit.*, 2 : 381.

Abū Ḥayyān mengatakan riwayat ini adalah ciptaan Yahudi, Zindiq juga Sufusṭā'iyyūn. Sebagai manusia yang berakal waras tidak wajar menerima cerita ini. Ia adalah tidak benar bahawa syaitan menyerupai Nabi dan mengambil alih pemerintahan sehingga dapat mengabui mata masyarakat. Malah riwayat lain ada mengatakan Nabi Sulaymān telah diuji dengan penyakit lumpuh sehingga kelihatan di atas tahtanya seperti jasad tanpa ruh<sup>217</sup>.

Abū Syahbah juga membuat ulasan mengatakan pengakuan Ibn ‘Abbās sendiri bahawa beliau bertanya Ka‘ab al-Āḥbār tentang tafsiran ayat ini<sup>218</sup>. Ini menunjukkan Ibn ‘Abbās seorang yang mahir tidak juga mengetahui maksud dan kisah sebenar ayat tersebut lalu bertanya kepada Ahli Kitab Muslim, yang lebih lagi mereka itu tidak mengetahuinya kecuali kandungan kitab Taurat yang telah diubah atau karangan-karangan pendita mereka sahaja<sup>219</sup>.

Justeru, riwayat yang menceritakan perkara yang bertentangan dengan tafsiran sebenar ayat tersebut secara zahir dan juga tidak diterima akal tidak wajar dijadikan sumber kukuh dalam agama. Riwayat ini wajar diketepikan kerana ia melibatkan autoriti seseorang rasul dan nabi yang memegang sebuah kerajaan yang terbesar di dunia pada waktu itu. Manusia sudah tentu tidak dapat menerima Baginda sebagai seorang rasul kerana sesiapa sahaja boleh menyerupainya dengan hanya merampas sebentuk cincin. Sejarah membuktikan kekuasaan pemerintah

<sup>217</sup> Al-Alūsi<sup>†</sup> (t.t.), *op.cit.*

<sup>218</sup> Al-Suyūti<sup>†</sup> (t.t.), *op.cit.*, 5 : 310.

<sup>219</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 272.

bukan terletak di atas sebentuk cincin, ia hanya sebagai simbolik atau lambang, tiada sebarang kuasa untuk menaik atau menjatuhkan seseorang.

e. Nabi Mūsā ‘a.s.’

Nabi Mūsā adalah nabi yang diutuskan Allah kepada bani Israil. Kitab Taurat diturunkan kepada Baginda selepas bermunajat kepada Allah selama 40 malam di Bukit Tūr Sīnā. Ketika inilah bani Israil telah berpaling tадah membuat patung seekor lembu dan menyembahnya. Hal yang demikian menimbulkan kemarahan Nabi Mūsā terhadap kaumnya. Ketika inilah juga Nabi Mūsā di berikan kitab Taurat dan berlaku peristiwa di mana Baginda berkata-kata dengan Allah dengan cara yang selayaknya bagi Allah.

Kisah istimewa ini mendapat perhatian para perawi dan tukang cerita untuk mentafsirkan kandungan ayat 143 surah al-A‘rāf (7) ini. Antara cerita tersebut ialah Allah mengirim kabus, petir, guruh, kilat dan keadaan menjadi gelap gelita sekeliling bukit Tūr Sīnā tempat Nabi Mūsā memohon untuk melihat Allah. Digambarkan Allah telah menakut-nakutkan Nabi Mūsā dengan memerintahkan malaikat di setiap langit turun dan jatuh ke atasnya dengan berbagai rupa menyebabkan Nabi Mūsā menyesal dan putus asa tidak mahu melihat Allah lagi. Digambarkan malaikat satu persatu dengan berbagai rupa dan keadaan sehingga Nabi Mūsā menangis dan sebagainya<sup>220</sup>.

<sup>220</sup>Dinukilkan oleh al-Tha‘labī, al-Baghawī dan lainnya daripada riwayat Wahab bin Munabbih dan Ibn Ishāq.

Riwayat Israiliyyat ini adalah nukilan daripada maklumat bani Israil. Mereka dikenali golongan yang suka melakukan pendustaan terhadap Allah, para nabi dan malaikat dengan perkara yang tidak layak dan sepatutnya dan tidak diterima akal yang waras. Ia seolah-olah cerita dongeng yang bukannya satu tafsiran yang penting dan sebenar untuk ayat tersebut. Ayat Al-Qur'an tidak memerlukan tafsiran dan riwayat sebegini, apatah lagi ia terkeluar dari maksud zahir ayat.

Antara lain lagi ia juga digunakan oleh pihak tertentu untuk menafikan Allah boleh dilihat di dunia dan di Akhirat ketika mentafsirkan ayat (وَخَرَ مُوسَى صَعِقًا<sup>221</sup>). Ini semua adalah pengaruh Israiliyyat dalam bentuk akidah mengenai *ru'yah*.

Melalui riwayat ini, terdapat beberapa perkara yang boleh menjelaskan akidah masyarakat yang membacanya tanpa ilmu, antaranya:

- i. Menggambarkan malaikat yang tidak beradab dengan rasul Allah.
- ii. Allah menakut-nakutkan utusannya.
- iii. Seorang Rasul yang mudah menyesal dan putus asa.
- iv. Nabi Mūsā mati tidak pengsan.

Justeru, umat Islam wajar menjauhi fakta-fakta yang cuba mencemarkan kemuliaan Allah, para malaikat dan rasul-Nya. Hal yang demikian kerana ia boleh memesongkan akidah serta pegangan umat Islam disamping cuba menggenepikan fakta *sahīh* daripada nas dan akal yang waras.

<sup>221</sup> Al-Alusi (1994), *op.cit.*, 9:46.

Ini adalah kerana Nabi Mūsā adalah nabi yang diutuskan Allah kepada bani Israil. Kitab Taurat diturunkan kepada Baginda selepas bermunajat kepada Allah selama 40 malam di Bukit Ṭūr Sīnā. Ketika inilah bani Israil telah berpaling tadaf membuat patung seekor lembu dan menyembahnya. Hal yang demikian menimbulkan kemarahan Nabi Mūsā terhadap kaumnya. Ketika inilah juga Nabi Mūsā di berikan kitab Taurat dan berlaku peristiwa di mana Baginda berkata-kata dengan Allah dengan cara yang selayaknya bagi Allah. Ia boleh dirujuk dalam ayat 143 surah al-A‘rāf (7) ini.

## 2.2.2 Umat-umat Terdahulu

Antara kisah umat terdahulu yang sering dikemukakan dalam sumber Islam ialah berkaitan dengan kisah Luqmān al-Ḥakīm, Bani Israil, *Aṣḥāb al-Sabt*, Qārūn, Dhū al-Qarnayn dan lainnya. Kisah-kisah ini merupakan antara kisah Israiliyyat yang cuba diulas oleh para perawi berdasarkan berbagai sumber riwayat.

### a. Luqmān al-Ḥakīm

Antara kisah Israiliyyat yang dibawa ialah<sup>222</sup>:

- i. Asal usul Luqmān serta keturunannya, bangsa dan kabilahnya, kedudukannya sebagai seorang nabi atau lainnya. Ada yang mengatakan ia berbangsa Habsyi, Arab juga bani Israil.

<sup>222</sup>Salāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidiy (1996), *Ma‘a Qaṣṣāṣ al-Sābiqīn fi Al-Qur’ān*, c. 2. Damsyik : Dār al-Qalam, 7: 156.

- ii. Nama dan sikap anaknya terhadap nasihat beliau.
- iii. Zaman beliau hidup, bagaimanakah kesudahan dan perjalanan hidupnya serta kematianya.

4

Dalam menerima cerita ini yang tidak ada di dalam Al-Qur'an maupun hadith, jalan terbaik ialah mendiamkan diri dari menafikannya atau mensabitkannya. Kita tidak menolaknya juga tidak menerimanya. Sekadar melihatnya sekadar maklumat dan tidak banyak memberikan pengetahuan<sup>223</sup>.

Andainya baik boleh dijadikan teladan, dan jika tidak benar wajar dijauhi dan dijadikan sempadan. Andainya ia memberikan faedah yang besar, sudah pasti Allah dan Rasulullah s.a.w. menyatakannya secara terperinci. Justeru, ia tidak diutamakan kerana tidak menghasilkan sesuatu yang boleh diambil manfaat daripadanya. Kisah sebenar boleh dirujuk dalam Al-Qur'an surah Luqmān ayat 12-19 sebagai panduan.

.....

#### b. Kesesatan Bani Israil di Sina'

Terdapat beberapa tafsiran, khabar dan cerita-cerita yang menerangkan kisah kesesatan Bani Israil datangnya daripada sumber Israiliyyat. Antara riwayat Israiliyyat ini ada yang bertaraf *mardūd*, antaranya<sup>224</sup>:

<sup>223</sup> *Ibid.*, 7 : 152.

<sup>224</sup> *Ibid.*, 5 : 201 dan 202; Al-Suyū'i (t.t.), *op.cit.*, 6 : 48 –49; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 1 : 277 dan 278.

i. Menentukan nama bandar yang diarahkan oleh Allah kepada Nabi Mūsā untuk dimasukinya bersama bani Israil iaitu bandar Ařīhā yang terletak di sebuah gua di tengah Palestin dan ada yang mengatakan ia sebahagian Jordan dan ada yang mengatakan ia Syam<sup>225</sup>.

ii. Menetapkan saiz sebenar tubuh kaum *Jabbārīn* yang mana gelaran ini digunakan oleh golongan Yahudi menunjukkan tubuh mereka yang besar. Di dalam riwayat itu golongan Yahudi mengatakan bahawa Nabi Mūsā telah mengutuskan 12 orang lelaki dari kalangan bani Israil untuk mengintip bandar kaum *Jabbārīn* ini. Apabila melihat kaum tersebut, para utusan Nabi Mūsā merasa takut dan mlarikan diri bersembunyi di sebalik pohon kayu dan pokok-pokok tanaman. Lalu datang seorang lelaki dari kaum *Jabbārīn* ini ke ladangnya dan melihat utusan yang bersembunyi di sebalik pokok-pokok kayu di situ. Nampak di hadapannya manusia yang sangat kerdil lalu ia mengambilnya dan meletakkan di dalam tapak tangannya kesemua utusan itu dan meletakkan di dalam poket seluarnya. Dia berjalan dengan membawa utusan itu ke istana raja. Sesampai di hadapan raja beliau mengeluarkan utusan yang diletakkan di dalam poket seluarnya dan raja terkejut kerana saiz tubuh para utusan yang terlalu kecil berbanding mereka. Raja bertanya siapakah mereka dan tidak percaya mereka juga manusia biasa. Apabila diketahui asal utsul mereka dari kalangan Yahudi, raja memberikan mereka layanan istimewa dan menghormati mereka dengan menghidangkan makanan setangkai anggur yang mana sebiji anggur sudah cukup mengenyangkan seorang manusia biasa.

---

<sup>225</sup>‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Baghdādī al-Khāzin (1995), *Tafsīr al-Khāzin*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2 : 27.

iii. Mengatakan di kalangan kaum *Jabbārīn* itu ada seorang bernama ‘Uj bin ‘Unuq. Beliau mempunyai badan yang tinggi sehingga berjaya menyelamatkan diri dari banjir kaum Nūh yang melanda sehingga kemuncak bukit, hanya sekadar buku lalinya.

Kisah sebenar ada diceritakan dalam Al-Qur'an surah al-Mā'idah ayat 20-26. Imam Ibn Kathīr menolak cerita Israiliyyat ini dengan alasan ia adalah dogongan golongan Yahudi serta palsu, bahkan bertentangan dengan nas dan akal yang waras. Jika cerita ini benar sudah pasti Allah mengampunkan mereka dan menyelamatkan mereka daripada tersesat selama 40 tahun tetapi Allah memusnahkan mereka kerana keingkaran dan kederhakaan mereka terhadap arahan Nabi Mūsā ‘a.s. Di sini jelas menunjukkan cerita ini tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan nas<sup>226</sup>.

c. *Aṣḥāb al-Sabt*

Antara riwayat Israiliyyat yang ditambah daripada cerita asal Al-Qur'an ialah<sup>227</sup>:

i. Riwayat yang menetapkan nama sebenar daerah atau kampung yang dimaksudkan dalam ayat Al-Qur'an itu iaitu Aylah atau 'Ilah atau

<sup>226</sup> Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 1 : 278.

<sup>227</sup> Salāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidiy (1996), *op.cit.*, 5 : 261-262.

‘Aqabah, dekat Teluk Aqabah. Ada yang mengatakan ia bernama Tabariyyah yang terletak di Tasik Tabariyyah.

- ii. Riwayat yang mengatakan di daerah itu ada dua buah patung di pinggir lautnya, salah satunya bernama Laqīm dan patung kedua bernama Luqmānah. Mereka mengatakan bahawa Allah telah mewahyukan kepada ikan-ikan di laut tersebut agar mengerjakan haji di hadapan patung tersebut pada setiap hari Sabtu. Oleh sebab itulah Allah melarang golongan Yahudi menangkap ikan pada hari tersebut kerana tuntutan ini.
- iii. Riwayat yang mengatakan bahawa hanya segelintir kalangan mereka yang tidak mengendahkan larangan tersebut sehingga pada malam tersebut di mana siangnya segelintir mereka yang melanggar larangan itu tidur di daerah tersebut dan kebanyakannya mereka tidur di luar daerah tersebut, keesokan paginya mereka menjenguk ke daerah tersebut dan mendapatkan semua mereka yang bermalam di daerah itu bertukar menjadi kera.

Kisah sebenar mengenainya ada disebut di dalam Al-Qur'an, surah al-A'rāf ayat 163 – 168.

#### d. Dhū al-Qarnayn

Antara riwayat Israiliyyat yang dinukilkhan berhubung kisah Dhū al-Qarnayn ini ialah mengenai keturunan dan gelarannya. Iaitu beliaulah yang bernama Iskandar (Alexander), berasal dari Rom. Diriwayatkan bahawa Allah

telah memerintahkannya untuk menjadi utusannya kepada penduduk bumi termasuk manusia, jin serta Ya'jūj dan Ma'jūj<sup>228</sup>. Diriwayatkan juga beliaulah yang membina bandar Iskandariah dan menyifatkan tembok yang dibina olehnya dengan berbagai saiz, jenis dan rupanya dengan panjang lebar<sup>229</sup>.

Antara mereka yang banyak membawa riwayat mengenai Dhū al-Qarnayn ini ialah Wahab bin Munabbih, Ibn Ishāq, Ibn al-Mundhir, Ibn Abū Hatim, al-Syīrāzī, Abū al-Saykh dan lainnya<sup>230</sup>.

Kisah sebenar tentang Dhū al-Qarnayn di dalam Al-Qur'an dapat dilihat dalam surah al-Kahf (18) ayat 83-98. Hadith *sahīh* juga tidak menceritakan secara khusus tentang riwayat hidup Dhū al-Qarnayn ini. Lantaran itu, ia membuka ruang kepada para pembawa riwayat Israiliyyat menambah atau mengambil sebarang maklumat berkaitan untuk mengisi ruang kosong tersebut dengan berbagai-bagai cerita.

#### e. Qārūn

Maklumat-maklumat yang dianggap berunsur Israiliyyat yang diambil dari berbagai sumber untuk menerangkan kisahnya, antaranya:

- i. Qārūn merupakan sepupu Nabi Mūsā<sup>231</sup>.

<sup>228</sup>Ibn Jarīr membawa riwayat daripada Wahab bin Munabbih dalam 4 halaman dalam tafsirnya. Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 15:14-18; Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, 4:242-246.

<sup>229</sup>Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 15: 7 dan 8; Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*

<sup>230</sup>Ibn Kathīr mengatakan riwayat mengenai Dhū al-Qarnayn yang panjang lebar adalah nukilan daripada maklumat bani Israil. Riwayat yang dikatakan *marfu'* kepada Rasulullah s.'a.w. juga tidak benar. Demikian juga menurut pendapat Abū Syahbah ianya adalah riwayat Israiliyyat dan menambah bahawa Abū Lahi'ah dalam rangkaian *sanadnya* adalah *da'iñ*. Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 5: 322; Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 244 dan 245.

- ii. Beliau adalah orang yang paling alim, baik dan cantik di kalangan bani Israil serta paling tahu kandungan kitab Taurat tetapi seorang yang munafik.
- iii. Mengenai kurici khazanah hartanya yang dibawa oleh 60 atau 70 ekor keldai<sup>232</sup>.
- iv. Sebelum menjadi kaya beliau seorang yang kuat beribadat, beriktikaf di gereja selama 40 tahun. Syaitan telah menggodanya dengan melakukan ibadat sepertinya sehingga syaitan itu mampu mengeluarkannya daripada tempat ibadat dan mengalihkan pandangan kepada dunia dengan mengumpulkan harta dan meninggalkan ibadat.

Kisah sebenar mengenai Qārūn terdapat dalam surah al-Qaṣāṣ (28): 76-83; al-‘Ankabūt (29): 39 dan 40; al-Mu’min (40): 23 dan 24. Qārūn adalah antara kisah menarik yang dipaparkan dalam Al-Qur’ān<sup>233</sup>. Kisah Qārūn bertujuan menempelak golongan kaya kaum musyrikin Mekah yang somborg, ingkar dan tidak mahu beriman dengan Nabi Muhammad s. ‘a.w.. Harta Qārūn jauh lebih banyak berbanding mereka, namun kerana somborg, angkuh dan zalim, akhirnya Allah telah membinasakannya bersama-sama dengan segala harta kekayaannya<sup>234</sup>.

---

<sup>231</sup>Riwayat Ibn Abū Ḥātim, Ibn al-Mardawayh, Ibn al-Mundhir yang disandarkan kepada Ibn ‘Abbās r. ‘a., Qatādah r. ‘a., Ibrāhīm r. ‘a., Muŷāhid dan lainnya. Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, 5:136

<sup>232</sup>Riwayat Sa‘id bin Mansūr dan Ibn al-Mundhir daripada Khuthaymah r. ‘a. yang dibacanya dari kitab Injil. Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*

<sup>233</sup>Kisah Qārūn telah dianalisis oleh Salāh al-Khālidī dengan panjang lebar. Salāh ‘Abd al-Fattāh al-Khālidī (1996), *op.cit.*, 1: 145-195.

<sup>234</sup>Surah al-Qaṣāṣ (28) : 76 dan 78-82.

### **2.2.3 Rahsia Kejadian Alam**

Antara perkara yang menjadi tumpuan riwayat Israiliyyat ialah berhubungan dengan kejadian alam, manusia pertama serta rahsia-rahsia alam nyata dan ghaib.

#### **a. Penciptaan Bumi**

Antara contoh riwayat berunsur Israiliyyat ialah riwayat yang disandarkan kepada Ibn ‘Umar yang mengatakan bahawa Rasulullah s. ‘a.w. memberitahu bahawa bumi ini terletak di atas air dan air terletak di atas batu besar. Batu tersebut pula terletak di atas belakang ikan paus dan ikan paus itu berada di atas tengkuk malaikat dan kakinya tergantung-gantung di udara<sup>235</sup>.

Antara lain lagi mengenai cerita kejadian dunia ialah dunia yang pertama dijadikan daripada gelombang laut yang ditahan, dunia yang kedua adalah daripada batu besar, ketiga daripada besi, keempat daripada tembaga, kelima daripada perak, keenam daripada emas dan ketujuh daripada permata *yāqūt*<sup>236</sup>.

---

<sup>235</sup>Cerita ini diriwayatkan oleh al-Bazzār melalui gurunya ‘Abd Allāh bin Aḥmad iaitu Ibn Syabīb seorang yang *da’if*, daripada al-Rabi‘ bin Anas. Ibn Kathīr menuliskan riwayat dengan cerita yang sama daripada al-Suddī al-Kabīr daripada Abū Mālik, daripada Abū Ṣāliḥ daripada Ibn ‘Abbās daripada Murrah daripada Ibn Mas‘ūd daripada sekumpulan Sahabat Rasulullah s. ‘a.w.. Beliau mengatakan kebanyakan cerita sebegini adalah bersumberkan riwayat Israiliyyat. Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, *al-Bidāyah*, 1: 17.

<sup>236</sup>Cerita ini diriwayatkan oleh al-Tabarānī dalam kitabnya *al-Awsat* juga *mawqūf* atas al-Rabi‘, antara *sanadnya* ialah Abū Ja‘far a-Rāzī. Abū Ḥātim mengatakan perawi ini *thiqah* tetapi al-Naṣā‘ī dan sebahagian yang lain mengatakan seorang yang *da’if*.

Allah telah menerangkan bahawa Ia menjadikan bumi dalam masa 6 hari. Rasulullah s. 'a.w. menerangkan bahawa bumi ini mempunyai tujuh lapisan, tanpa mendetailkan kedudukannya, hanya Allah yang mengetahuinya. Justeru, perawi yang mendapat maklumat dari sumber-sumber lain telah membawa berbagai riwayat yang boleh menerangkan lagi fakta Al-Qur'an.

#### b. Kejadian Matahari

Mengenai kejadian makluk yang lain seperti matahari, ada disebutkan oleh Ibn Jarir di dalam *Tafsir al-Tabari*, Ibn Abū Hātim, Ibn Mardawayh dan al-Tha'labi serta sebahagian pentafsir yang lain ketika mentafsirkan ayat 12 dalam surah al-Isrā' (17). Mereka membawa riwayat daripada Ibn 'Abbās yang mengatakan bahawa beliau mendengar daripada Rasulullah s. 'a.w. bersabda, bahawa matahari dijadikan daripada cahaya 'Arasy. Allah menjadikan matahari sama saiznya dengan dunia dan bulan sama <sup>saiz</sup> dengan matahari dari segi cahayanya dan bulan kelihatan kecil kerana kedudukannya yang jauh. Tanda gelap dan cerah pada matahari adalah perintah Allah kepada Malaikat Jibril agar menutup bulan dengan sayapnya<sup>237</sup>.

Sebagaimana maklum, Nabi sendiri tidak pernah menceritakan demikian kecuali menjawab pertanyaan Ahli Kitab tentang perjalanan dan perubahan bulan, jawabnya ia adalah tanda-tanda masa bagi manusia dan dalam mengerjakan ibadat

<sup>237</sup> Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Abū Hātim dan Ibn Mardawayh melalui jalan *sanadnya* yang *da'i* dimana salah seorang perawinya iaitu Nūḥ bin Maryam adalah pendusta dan perekahadith palsu. Ini disahkan sendiri oleh Ibn al-Jawzī bahawa perawi ini seorang yang pendusta dan pencipta hadith palsu serta pembawa cerita Israiliyyat yang dusta disandarkan kepada Nabi.

haji. Dengan tanda masa melalui bulan dari anak bulan hingga ke bulan penuh merupakan garis sempadan bagi manusia memperuntukkan ibadat mereka sehari atau bulanan atau tahunan seperti zakat, haji, puasa, tempoh masa perjanjian dan sebagai.

Justeru, bukan sesuatu yang bijak membicarakan sesuatu yang di sebalik kejadian ini dan sia-sia, lebih-lebih lagi ia adalah riwayat Israiliyat yang boleh menjelaskan akidah umat Islam.

Antara lain lagi ialah hadith riwayat daripada Abū Umāmah al-Bāhilī bahawa Rasulullah s. 'a.w. ada menyebut, matahari ini membawa 9 kemusnahan, tetapi lantaran disiram dengan salji setiap hari, terselamatlah dunia ini dari terkena bahang apinya yang boleh membakar. Antara perawi hadith ini ialah 'Āqir bin Ma'dan merupakan seorang yang sangat *da'i*<sup>238</sup>.

#### c. *Nūn*

*Nūn* merupakan antara topik popular di kalangan para perawi. Walaupun ia sekadar huruf tanpa dijelaskan maksudnya sebenar, namun berbagai-bagai andaian dan riwayat cuba mengungkai erti huruf ini. Ada yang mengaitkannya dengan kejadian dan kedudukan bumi ini bahkan ada yang lebih jauh dari itu. Antara perkara yang dibawa oleh riwayat ialah mengatakan bahawa *Nūn* itu ialah nama seekor ikan yang menanggung bumi yang mempunyai tujuh lapisan ini. Ini

<sup>238</sup>Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 292.

adalah riwayat daripada Ibn ‘Abbās, Mujāhid, al-Kalbī dan Muqātil<sup>239</sup>. Malah ada juga riwayat lain yang mengatakan *Nūn* itu nama seekor lembu dan di atas belakangnya terletak bumi ini.

4

Menurut riwayat lain lagi daripada Ibn ‘Abbās, al-Hasan, Qatādah dan al-Dahhāk, ia ialah dakwat kepada *qalam* yang mengiringinya. Malah ada riwayat lain lagi daripada Mujahid mengatakan bahawa perkara pertama dicipta ialah *qalam* kemudian langit dan selepas itu *Nūn*. Di atas *Nūn* ini dibentangkan bumi. Apabila *Nūn* ini bergegar atau bergerak, bumi akan bergegar sama. Malah menurut tafsiran lain *Nūn* ialah huruf yang terletak pada nama Allah, iaitu *al-Rahmān*<sup>240</sup>.

Menurut riwayat lain bumi ini berada di atas sebuah batu yang besar. Batu itu terletak di atas tanduk lembu jantan. Apabila tanduk itu bergerak, batu itu turut bergerak dan diikuti oleh bumi<sup>241</sup>. Menurut riwayat lain pula *sakhrah* iaitu batu itu ialah batu Baitul Maqdis yang berada di atas pokok kurma, pokok kurma di atas salah satu sungai-sungai syurga. Di bawah pokok kurma pula ialah Maryam ibu Nabi ‘Isā ‘a.s. dan ’Āsiah binti Muzāhim. Kedua-duanya memintal benang daripada mutiara sehingga hari Kiamat<sup>242</sup>.

<sup>239</sup>Abū Hayyān (t.t.), *op.cit.*, 8:307; Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāriy al-Qurtubiy (1996), *al-Jāmi’ li Aḥkām Al-Qur’ān*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 18 : 223-224.

<sup>240</sup>Abū Hayyān (t.t.), *op.cit.*

<sup>241</sup>Menurut pendapat Abū Hayyān semua tafsiran dan riwayat selain daripada ianya salah satu nama dari huruf *hijā’iyah* di dalam Al-Qur’ān adalah tidak benar. Riwayat-riwayat yang dikemukakan adalah bersumberkan Israiliyyat Ahli Kitab. Demikian juga sebarang tafsiran mengenai huruf-huruf lain di awal surah, semuanya menunjukkan ianya adalah salah satu huruf *hijā’iyah*. Hikmah disebutkan huruf-huruf tersebut hanya Allah yang mengetahuinya. Abū Hayyān (t.t.), *op.cit.*

<sup>242</sup>Ibn Kathir menukilkan riwayat Ka’ab al-Abhbār. Namun Ibn Kathir telah membuat ulasannya mengenai riwayat ini ianya adalah *munkar* dan *mawdū’*. Ibn ‘Asākir mengatakan kata-kata Ka’ab

#### d. Kejadian Bulan

Mengenai kejadian bulan, terdapat berbagai-bagai riwayat dan maklumat yang sebahagiannya disandarkan kepada Rasulullah s.'a.w., Sahabat dan Tābi'īn. sebagai contohnya, 'Abd Allāh bin Salām ada meriwayatkan pertanyaan beliau kepada Rasulullah s.'a.w. mengenai warna kehitaman pada bulan. Lalu Baginda menjawab asalnya ia adalah dua buah matahari. Bulan yang dilihat kehitaman itu adalah matahari yang dipadamkan cahayanya<sup>243</sup>.

Manakala riwayat lain yang lebih panjang lagi disandarkan kepada Ibn 'Abbās secara *marfū'* yang mengatakan bahawa Allah menjadikan dua buah matahari daripada cahaya 'Arasy-Nya. Allah juga menciptakan di sekelilingnya bulan yang juga dijadikan seperti matahari dari segi sinarannya. Manusia melihat kedua-dua matahari dan bulan kecil saiznya kerana kedudukannya yang sangat tinggi.

Allah telah mengutus Jibril menutupi bulan dengan sayapnya sebanyak 3 kali. Ketika itu matahari dipadamkan sinarannya dan yang tinggal hanya cahayanya. Cahaya yang suram dan gelap kelihatan pada bulan ialah kesan daripada sinaran yang dipadamkan ke atas matahari. Riwayat ini adalah tafsiran kepada ayat 12 surah al-Isrā'<sup>244</sup>.

---

al-Āḥbār ini meragukan. Ibn Kathir menambah bahawa kata-kata Ka'ab ini adalah nukilan daripada sumber Israiliyyat yang berbentuk dusta dan rekaan pendita mereka untuk merosakkan Islam. Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 2 : 63.

<sup>243</sup> Al-Alusi (1994), *op.cit.*, 15:39.

<sup>244</sup> Ibn Jarīr, Ibn Abū Hātim, Ibn Mardawayh dan al-Tha'labi meriwayatkannya melalui *sanad* yang diragui. Perawi dalam rangkaian *sanad* tersebut iaitu Nūh bin Abū Maryam adalah seorang yang dikenali sebagai pereka hadith *mawdū'* dan pendusta menurut Ibn al-Jawzī. Beliau telah mereka hadith ini yang disandarkan kepada Nabi serta Sahabat, sebenarnya ianya adalah dari sumber

## e. Galaksi<sup>245</sup> (*al-Majarrah*)

Berbagai riwayat mengenai galaksi di langit ditafsirkan. Hal yang demikian kerana mereka ‘cuba menghuraikan makna ayat 38 surah Yāsin (36). Terdapat riwayat mengenai galaksi di langit yang disandarkan kepada Rasulullah s. ‘a.w., Sahabat seperti Ibn ‘Abbās, Jābir dan lainnya yang merupakan riwayat *munkar* dan Israiliyyat. Antara riwayat tersebut disandarkan kepada Mu‘ādh bin Jabal secara *marfū‘* menceritakan *al-majarrah* atau galaksi di langit itu ialah peluh ular yang berada di bawah ‘Arasy<sup>246</sup>. Menurut riwayat lain disandarkan kepada Jābir secara *marfū‘* ia adalah air liur ular yang berada di bawah ‘Arasy<sup>247</sup>.

---

Israiliyyat. Ianya jelas bertentangan dengan hadith Rasulullah s. ‘a.w. apabila ditanya tentang bulan kenapa mengecil kemudian membesar kemudian mengecil kembali dan hilang. Jawab Baginda s. ‘a.w. ianya adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan orang mengerjakan haji. Jelas di sini riwayat tersebut bersamaan dengan hadith Baginda dan lafadz yang dibawa itu juga lemah dan berbeza dengan lafadz Rasulullah s. ‘a.w.. Isi kandungannya juga menunjukkan Rasulullah s. ‘a.w. tidak akan menuturkan perkara seumpama itu. Al-Suyū‘ī (1983), *op.cit.*, 1:24; Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 291.

<sup>245</sup>Menurut riwayat Ibn ‘Abbās galaksi adalah pintu langit berbentuk seperti kubah. Galaksi menurut istilah sains ialah gugusan bintang yang terpisah jauh antara satu sama lain dalam alam semesta. Galaksi juga ditakrifkan sebagai gugusan besar yang terdiri dari berjuta-juta bintang di luar angkasa. Ia juga merupakan gugusan bintang yang dimiliki oleh matahari. Ia tidak dapat dilihat namun ia mengeluarkan cahaya yang boleh mencerahkan seluruh isi langit.

<sup>246</sup>Ibn al-Jawzī menolak riwayat tersebut dengan alasan Hisyām tidak mendengar sendiri daripada Abū Bakr bin Abū Maryam. Beliau juga menyenaraikan nama-nama perawi dalam riwayat lain yang ada antaranya *munkar*, *da‘if*, *matrūk*, tidak *thiqah*, tidak boleh dibuat hujah dan sebagainya. Abū al-Farj ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī bin al-Jawzī (1995), *Kitāb al-Mawdū‘āt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1: 94 dan 95.

<sup>247</sup>Riwayat ini dikategorikan sebagai riwayat Israiliyyat. Menurut pendapat al-‘Uqaylī riwayat ini tidak *maḥfūz*, ini adalah kerana salah seorang perawinya Sulaymān adalah *syāz*. Begitu juga rawinya bernama ‘Abd al-A‘lā bin Hakam adalah *majhūl*. Perawinya bernama Abū Bakr bin Abū Ṣibrāh adalah *matrūk*. Manakala al-Faḍl bin al-Mukhtār Baṣrī hadith-hadithnya adalah *munkar*. Al-Dhahabi mengatakan *matan* yang disandarkan kepada Jābir ini adalah tidak benar. Beliau menyatakan riwayat Jābir yang sebenarnya sebagai syāhid kepada riwayat ini ialah sebagaimana riwayat al-Tabrānī dan Abū al-Sayykh di dalam kitab mereka. Ibn Kathīr mengatakan hadith ini *munkar* dan *mawdū‘*. Abū Syahbah mengatakan ianya adalah rekaan dan pendustaan bani Israel dan pendeta mereka. Nabi tidak menyatakan secara terperinci berkenaan rahsia alam ini, apatah lagi fakta yang tidak benar dan bohong. Ianya seolah-olah seperti perkara yang main-main. Nabi tidak mengucapkan sesuatu yang bersifat sia-sia dan tidak mendatangkan faedah. Al-Suyū‘ī (1983), *op.cit.* 1:85; Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Arāq al-Kanāni (1981), *Tanzīh al-Syārī‘ah al-Marfū‘ah ‘an al-Akkhār al-Syārī‘ah al-Mawdū‘ah*, c. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1:190 dan 191; Al-Dhahabi (1995), *op.cit.*, bil. 6756; Abū Ahmad ‘Abd Allāh bin ‘Adī al-Jurjānī (1988), *al-Kāmil fi Du‘aqā‘ al-Rijāl*, c. 3. Beirut: Dār al-Fikr, 6:16; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 1:38; Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 294 dan 295.

## 2.2.4 *Ghaybiyyāt*

Perkara *ghaybiyyāt* adalah sesuatu yang tidak dapat diketahui melainkan melalui gambaran Al-Quf'an dan riwayat Rasulullah s.a.w.. Sebahagiannya dinyatakan oleh Allah melalui wahyu dan ada yang dirahsiakan, hanya Allah yang mengetahui hakikatnya. Ada yang hanya disebut namanya sahaja tanpa menyatakan perinciannya, malah ada yang tidak dinyatakan langsung.

Justeru, perkara *ghaybiyyāt* ini cuba ditafsirkan dengan menggunakan berbagai maklumat dan sumber untuk mengetahui hakikatnya. Antara perkara yang menjadi pilihan ialah Hārūt dan Mārūt, Syaitan, Syurga, *al-Kursiyy*, penjelmaan semula dan sebagainya.

### a. Hārūt Dan Mārūt

Dalam hal ini, berbagai riwayat cuba menggambarkan kisah mereka secara terperinci. Antara riwayat ada disandarkan kepada Ibn 'Umar, Ibn Mas'ūd, 'Ali, bin 'Abbās, Mujāhid, Ka'b, al-Rabi' dan al-Suddī<sup>248</sup> secara *marfū'*, *mawqūf* dan *maqtū'*.

Menurut setengah riwayat Hārūt dan Mārūt ini seperti planet Zuhrah di antara planet-planet yang ada. Diriwayatkan juga malaikat Hārūt dan Mārūt adalah percubaan Allah ke atas malaikat dengan menjadikan keduanya

<sup>248</sup>Ibn Jarīr, Ibn Mardawayh, al-Hākim, Ibn al-Mundhir, Ibn Abū Dunyā, al-Bayhaqī, al-Khaṭīb dan lainnya. Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, 1: 97-103; Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 1 : 362-367.

mempunyai nafsu seperti manusia. Diturunkan ke bumi dan memerintah dunia. Mereka berdua telah terpikat dengan wanita yang paling cantik di dunia ketika itu namun wanita itu penyembah berhala. Wanita itu mengenakan 3 syarat jika Hārūt dan Mārūt ingin memiliki iaitu samada menyembah berhala, membunuh atau minum arak. Mereka tidak sanggup melakukan yang pertama dan kedua dan melakukan yang ketiga. Lalu apabila mabuk mereka berzina dengan wanita itu dan membunuh lelaki yang ternampak perbuatan mereka.

Setelah sedar dari mabuk, mereka menyesal dan hendak naik ke langit semula. Namun pintu langit telah ditutup oleh Allah dan terputus hubungan dengan alam ghaib. Semua malaikat di langit melihat peristiwa tersebut. Sejak peristiwa tersebut, para malaikat sentiasa memohon keampunan daripada Allah untuk penduduk di bumi. Hārūt dan Mārūt diberi pilihan samada inginkan hukuman dunia atau Akhirat. Mereka memilih hukuman dunia kerana ia sementara sahaja berbanding Akhirat. Lalu mereka digantung kaki keduanya di pintu Babylon hingga Kiamat<sup>249</sup>.

<sup>249</sup>Ibn al-Jawzī mengkategorikan riwayat tentang Hārūt dan Mārūt ini sebagai *Mawdū'* kerana hadithnya tidak *sahīh*. Menurut Yahyā dan al-Khaṭīb, terdapat kalangan perawinya iaitu al-Farj bin Fudālah adalah *da'īf*. Manakala Ibn Hibbān mengatakan pula, ia suka menukar *matan* dengan *sanad* yang *sahīh*. Oleh itu, tidak boleh berhujah dengan riwayatnya. Perawi yang bernama Sunayd bin Dāwūd adalah *da'īf* menurut Abū Dāwūd dan tidak *thiqah* menurut al-Nassā'i. al-Siyhāb al-'Irāqi mengatakan sesiapa yang percaya kisah dan riwayat Hārūt dan Mārūt sedang diazab kerana kesalahan tersebut, ianya menjadi kufur dengan Allah. Al-Qādī 'Iyād juga mengatakan riwayat ini bukan daripada Rasulullah s.'a.w.. Demikian juga Ibn Kathir yang mengatakan ianya adalah riwayat Israiliyyat yang disandarkan kepada Rasulullah s.'a.w. secara dusta dan bohong. Beliau menambah lagi bahawa riwayat Israiliyyat yang dinukil daripada Ka'ab al-Aḥbār oleh sebahagian *salaf* dianggap sebagai cerita dongeng dan maklumat dari bani Israil. Lainya rekaan pendita dan Ahli Kitab Yahudi. Al-Suyūṭī mengatakan beliau telah mengumpulkan sebanyak lebih 20 riwayat antara martabat *marfū'* dan *mawqūf* di dalam tafsirnya. Kebanyakan riwayat mengenai Hārūt dan Mārūt menjadi *maqtū'* dan tidak *sahīh* jika mengandungi kisah ini. Kisah ini adalah tidak benar. Namun menurut al-Khaṭīb al-Baghdādī pula, beliau tidak nampak sebarang kesamaran atau kecacatan pada perawi bernama Sunayd. Beliau mendapati ramai ulama meriwayatkan hadith beliau dan menjadikannya hujah. Beliau mengatakan Sunayd juga mempunyai pengetahuan tentang hadith. Beliau juga meriwayatkan hadith Sunayd ini. Ibn al-Jawzī (1995), *op.cit.*, 1 : 131; Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 1 : 37; Al-Suyūṭī (1983), *op.cit.*, 1:82

Menurut riwayat lain yang disandarkan kepada ‘Alī bin Abū Tālib *marfū‘* bahawa Nabi s. a.w. ditanya tentang penjelmaan. Lalu Nabi s. a.w. menjawab ia ada 12 makhluk, antaranya Hārūt dan Mārūt yang diuji oleh Allah dengan wanita Nasrani yang merupakan puteri kepada salah seorang raja bani Israil bernama Anāhīd<sup>250</sup>.

Kisah sebenar mereka ada di dalam Al-Qur'an ayat 101-103 surah al-Baqarah (2). Ianya mengisahkan mereka diturunkan ke bumi oleh Allah sebagai cubaan dan ujian keimanan golongan Yahudi yang terkenal mengamalkan ilmu sihir. Kehadiran mereka bertujuan membongkar ilmu sihir kaum Yahudi yang ditakuti serta berleluasa di Babylon, Iraq.

Mereka menunjukkan sihir boleh memudaratkan manusia. Lantas dengan kehadiran kedua-dua malaikat tersebut, mereka memberitahu kaum Yahudi bahawa sihir hanyalah satu ilmu seperti ilmu-ilmu yang lain. Ia boleh dipelajari oleh sesiapa sahaja, namun Allah yang menentukan segalanya. Kedua-dua malaikat tersebut mengajar ilmu sihir sebagai satu ilmu yang tidak perlu ditakuti. Setelah tugas itu selesai, mereka naik semula ke langit. Namun kaum Yahudi terus menerus menggunakan ilmu sihir yang diajar itu untuk melakukan kejahanatan dan maksiat kepada Allah.

---

(1:158 - 159); Ibn ‘Arāq al-Kannānī (1981), *op.cit.*, 1 : 209-210; Al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t.), *op.cit.*, 8:42-43; Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abū Bakr al-Haythamī (t.t.), *Mawārid al-Zam’ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, no. hadith 1717.

<sup>250</sup> Al-Suyūtī (1983), *op.cit.*, 1 : 157-158; Ibn ‘Arāq al-Kannānī (1981), *op.cit.*, 1 : 177-178.

## b. Syaitan

Antara perkara ghaib yang mendapat perhatian perawi ialah mengenai syaitan. Sememangnya syaitan adalah antara makhluk ghaib yang berhubung dengan amalan anak Nabi 'Ādam 'a.s.. Setiap manusia tidak dapat terlepas daripada gangguan dan godaan syaitan. Justeru, timbul minat dan keinginan manusia untuk mengetahui keadaan syaitan yang sebenar.

Sebagai contohnya, riwayat Wahab bin Munabbih yang disandarkan kepada Abū Hurayrah secara *marfū'* yang mengatakan bahawa Rasulullah s.'a.w. pernah bersabda<sup>251</sup> bagi Allah itu ada syaitan-syaitan yang berada di darat, namun, mereka tidak berkuasa di laut. Manakala syaitan di laut pula tidak berkuasa di daratan, syaitan waktu siang pula tidak berkuasa pada waktu malam dan sebaliknya, syaitan dalam cahaya tidak berkuasa dalam gelap dan sebaliknya juga syaitan semasa tidur dan jaga, wanita dan lelaki, raja dan rakyat, lemah dan kuat, di masjid, majlis dan lainnya. Mereka menggoda manusia agar sentiasa melakukan maksiat dan derhaka kepada Allah<sup>252</sup>.

Riwayat lain lagi yang menceritakan tentang Iblis, namanya, asalnya dan sebagainya. Riwayat ini cuba membuat tafsiran terhadap ayat 50 surah al-Kahf (18)<sup>253</sup>.

<sup>251</sup> Al-Suyū'ī (1983), *op.cit.*, 1 : 94-95; Ibn 'Arāq al-Kannānī (1981), *op.cit.*, 1 : 170.

<sup>252</sup> Ibn al-Jawzī mengatakan riwayat ini adalah rekaan dan pendustaan ke atas Rasulullah s.'a.w.. Imam Ahmad mengatakan perawinya 'Abd al-Mun'im melakukan pendustaan ke atas Wahab bin Munabbih. Menurut Ibn al-Madīni dan Abū Dāwūd, beliau tidak *thiqah*. al-Fallās mengatakan hadithnya *matrūk*. al-Bukhārī dan al-Dār Qutnī juga menolak hadithnya. Ibn al-Jawzī (1995), *op.cit.*, 1:100-101.

<sup>253</sup> Ibn Kathīr membuat ulasan mengenai riwayat ini mengatakan ramai kalangan *salaf* menukilkan riwayat mengenai Iblis yang kebanyakannya adalah Israiliyyat yang bertujuan untuk dikaji dan

### c. Syurga

Antara mereka yang disandarkan riwayat tentang syurga ialah Abū Sa'īd al-Khudrī, Ali, Ka'ab dan lainnya dengan berbagai kisah. Sebagai contohnya, menurut riwayat yang mengatakan bahawa Rasulullah s. a. w. pernah bersabda, di dalam syurga ada pohon yang daunnya menutupi Semenanjung Tanah Arab. Bahagian pokok yang paling atas ialah pakaian ahli syurga manakala bahagian pokok yang paling bawah ialah kuda belang. Cahaya kuda itu berwarna zamrud, warna dagingnya mutiara putih. Ia tidak membuang air kecil atau besar namun mempunyai sayap<sup>254</sup>.

### d. *Al-Kursiyy*

Banyak riwayat Israiliyyat mengenai *al-Kursiyy*. Antara mereka ialah Ibn Jarīr yang menukilkan jalan *sanad* daripada Juwaybir (seorang yang *da'i*) yang menyandarkan kepada al-Hasan al-Baṣrī<sup>255</sup> mengatakan *al-Kursiyy* itu ialah '*Arasy*. Menurut riwayat lain lagi daripada al-Suddī daripada Abū Mālik, *al-Kursiyy* itu berada di bawah '*Arasy*. Wahab bin Munabbih dan Ibn Jurayj

---

dianalisis. Antaranya yang pasti kedudukannya adalah dusta dan bersalah dengan nas. Ibn Kathir (1998), *op.cit.*, 3 : 89.

<sup>254</sup> Menurut Ibn al-Jawzī, perawinya Ibn Lahi'ah adalah ditolak hadithnya. Al-Suddī juga meriwayatkan hadith ini dan hadithnya *matrik*. Ia seorang pendusta menurut Ibn Abū Ḥātim. Ibn Ḥibbān mengatakan hadith al-Suddī tidak wajar ditulis. Ibn al-Jawzī (1995), *op.cit.*, 2 : 427; Al-Suyūtī, (t.t.), *al-Lālī' al-Masnū'ah fī al-Āḥādīth al-Mawdū'ah*. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah, 2 : 453; Al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t.), *op.cit.*, 1 : 266; 'Abd al-Rahīm Ibn Ahmad al-Qādī (1302 H), *Daqā'iq al-Akhbār fī Dhikr al-Jannah wa al-Nār*. Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā Muḥammad, h. 45.

<sup>255</sup> Ibn Kathir mengatakan *sanad* kepada al-Hasan tidak benar. Riwayat yang *sahih* daripada al-Hasan sendiri, Ibn 'Abbās dan Sa'īd, ialah ilmu Allah. Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 1 : 12.

meriwayatkan lagi menerangkan betapa luasnya *Kursiyy* itu bahawa langit dan bumi berada di dalam rongga *al-Kursiyy*<sup>256</sup>.

#### e. Penjelmaan Semula

Penjelmaan semula yang dimaksudkan disini ialah sebahagian binatang di dunia ini adalah penjelmaan semula kepada jenis yang lain berdasarkan amalan mereka di dunia. Kebanyakan riwayatnya disandarkan kepada Sahabat, *Tābi‘īn* dan juga *Tābi‘ al-Tābi‘īn* seperti Ibn ‘Abbās, ‘Alī, Ibn Mas‘ūd, Ka‘ab al-Aḥbār dan lainnya. Bahkan ada yang menyandarkannya kepada Rasulullah s.‘a.w. sendiri. Contohnya riwayat daripada Ibn al-Mardawayh dan al-Daylamī daripada ‘Alī katanya bahawa Rasulullah s.‘a.w. ditanya mengenai penjelmaan semula. Lalu Baginda memberitahu ia ada 12 jenis binatang, iaitu: Gajah, beruang, khinzir, kera, biawak pasir, kelawar, kala, ulat hitam, labah-labah, arnab, Suhayl (nama bintang) dan Zuhrah (nama bintang)<sup>257</sup>.

Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.‘a.w. menambah lagi, masing-masing adalah sumpahan daripada kesalahan-kesalahan umat terdahulu seperti kera adalah jelmaan kaum Yahudi yang mengingkari larangan memancing pada hari Sabtu, adapun khinzir adalah golongan Nasrani yang meminta hidangan dari langit, arnab pula adalah wanita yang tidak bersuci dari haidnya, bintang Zuhrah

<sup>256</sup> Ibn Jarīr (t.t.), *Tārīkh al-Umam wa al-Muluk*. Mesir: Maṭba‘ah al-Ḥasayniyyah, 1 : 21.

<sup>257</sup> Menurut Ibn al-Jawzī hadith ini adalah *munkar* dan palsu ciptaan Atheis disandarkan kepada Rasulullah s.‘a.w. untuk mempermain-mainkan agama Islam dan menjatuhkan syiar agama. Perawinya yang bernama Mughith merupakan seorang yang tidak baik dan pendusta. Menurut Abū Syahbah, riwayat ini adalah rekaan Ahli Kitab dan khurafat. Ibn al-Jawzī (1995), *op.cit.*, 1 : 130; al-Suyūti (1983), *op.cit.* 1:157-158.

pula wanita yang menjadi fitnah Hārūt dan Mārūt. Binatang kala pula adalah lelaki yang tidak menyelamatkan saudaranya dengan menggunakan lidahnya, ulat hitam adalah penghasut yang memisahkan mereka yang berkasih sayang dan sebagainya.

### **2.2.5 Tanda-Tanda Kiamat**

Kiamat adalah sesuatu yang pasti akan berlaku. Dunia dan segala isinya akan berakhir dengan berlakunya kiamat. Tanda-tandanya telah dibayangkan oleh Allah, namun Allah merahsiakan tempohnya yang sebenar. Berbagai-bagai riwayat dinukil daripada berbagai sumber yang membuat ramalan dan sangkaan yang sudah pasti tidak akan menemui jawapannya. Ini adalah kerana jawapannya yang sebenar hanyalah ada pada Allah. Walaupun Allah dan Rasul-Nya telah membayangkan tanda-tanda dan suasana kiamat untuk peringatan kepada manusia, namun masih ada lagi segelintir mereka yang cuba mentafsirkannya berdasarkan berbagai sumber. Antara topik yang menjadi pilihan ialah tempoh dunia ini akan berakhir, Ya'jūj dan Ma'jūj, *Dābbah, al-mawqif* dan *mahsyar*.

#### **a. Tempoh Kiamat**

Lantaran tiada masa tertentu yang ditetapkan waktu sebenar berlakunya kiamat, berbagai andaian dan riwayat dikeluarkan untuk menentukan secara ramalan dan sangkaan mengenai waktunya. Antara riwayat yang disandarkan kepada Anas secara *marfū'* bahawa Rasulullah mengatakan umur dunia ini adalah 7 hari daripada hari-hari akhirat. Satu hari akhirat menyamai 1000 tahun di dunia.

pula wanita yang menjadi fitnah Hārūt dan Mārūt. Binatang kala pula adalah lelaki yang tidak menyelamatkan saudaranya dengan menggunakan lidahnya, ulat hitam adalah penghasut yang memisahkan mereka yang berkasih sayang dan sebagainya.

#### **2.2.5 Tanda-Tanda Kiamat**

Kiamat adalah sesuatu yang pasti akan berlaku. Dunia dan segala isinya akan berakhir dengan berlakunya kiamat. Tanda-tandanya telah dibayangkan oleh Allah, namun Allah merahsiakan tempohnya yang sebenar. Berbagai-bagai riwayat dinukil daripada berbagai sumber yang membuat ramalan dan sangkaan yang sudah pasti tidak akan menemui jawapannya. Ini adalah kerana jawapannya yang sebenar hanyalah ada pada Allah. Walaupun Allah dan Rasul-Nya telah membayangkan tanda-tanda dan suasana kiamat untuk peringatan kepada manusia, namun masih ada lagi segelintir mereka yang cuba mentafsirkannya berdasarkan berbagai sumber. Antara topik yang menjadi pilihan ialah tempoh dunia ini akan berakhir, Ya'jūj dan Ma'jūj, *Dābbah, al-mawqif* dan *mahsyar*.

##### **a. Tempoh Kiamat**

Lantaran tiada masa tertentu yang ditetapkan waktu sebenar berlakunya kiamat, berbagai andaian dan riwayat dikeluarkan untuk menentukan secara ramalan dan sangkaan mengenai waktunya. Antara riwayat yang disandarkan kepada Anas secara *marfū'* bahawa Rasulullah mengatakan umur dunia ini adalah 7 hari daripada hari-hari akhirat. Satu hari akhirat menyamai 1000 tahun di dunia.

Nabi Muhammad dibangkitkan tahun ke 6000 di dunia. Oleh itu selepas 7000 tahun kiamat akan berlaku<sup>258</sup>. Riwayat ini juga disandarkan kepada Ibn 'Abbās secara *mawqūf* di dalam kitab-kitab tafsir, hadith, sejarah dan sebagainya<sup>259</sup>.

### b. Ya'jūj Dan Ma'jūj

Kisah mengenai Ya'jūj dan Ma'jūj akan keluar di akhir zaman sebagai tanda hampir berlaku kiamat mendapat perhatian perawi dengan menukilkannya daripada berbagai sumber. Antara mereka yang meriwayatkan mengenainya ialah al-Suddī, Qatādah, Ka'ab al-Āḥbār, Wahab bin Munabbih dan lainnya<sup>260</sup>. Contohnya riwayat mengatakan Ya'jūj dan Ma'jūj dijadikan daripada mani Nabi 'Ādam 'a.s. lalu bercampur dengan tanah, bukannya dari zuriat isterinya Hawwā<sup>261</sup>. Diriwayatkan juga mereka terbahagi kepada tiga jenis, antaranya seperti pokok *al-arz*. Panjang pokok tersebut 120 hasta di langit<sup>262</sup>.

<sup>258</sup> Al-Suyūtī (1983), *op.cit.*, 3 : 443; Ibn 'Arāq al-Kanānī (1981), *op.cit.*, 2 : 378-379.

<sup>259</sup> Riwayat ini adalah keratan daripada riwayat yang panjang dan pelik kandungannya. Meneliti kepada baki kandungannya menunjukkan tidak ada faedah menyatakan hal-hal terutamanya yang berkaitan dengan Allah yang tidak selayak bagi Zat-Nya. Ibn al-Jawzī membawa riwayat ini yang disandarkan kepada Anas. Antara perawinya ialah Yazid al-Ruqāṣyī, Dirār bin 'Amrū dan Yahyā bin 'Abd Allāh al-Jawhārī merupakan kalangan *matrūk*. Abū Syahbah mengatakan walaupun *sanadnya sahīh* daripada Ibn 'Abbās, namun tidak semestinya ia bukan riwayat Israiliyyat. Ia menambah lagi bahawa kebanyakan riwayat yang menentukan mengenai tempoh sebenar berlaku kiamat kebanyakannya adalah Israiliyyat.

<sup>260</sup> Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, 4: 250 dan 251.

<sup>261</sup> Ibn Kathir mengatakan riwayat ini mengandungi fakta yang sangat pelik, tidak berdasarkan dalil *naqal* maupun akal, tidak boleh berpegang dengannya, ianya adalah riwayat sebahagian Ahli Kitab yang mencipta hadith palsu ke atas Rasulullah s.'a.w.. Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 2:111; Ibn 'Adī (1988), *op.cit.*, 6: 169.

<sup>262</sup> Ibn 'Adī mengatakan terdapat kalangan perawinya bernama Muḥammad bin Ishāq al-'Ukāṣyī, seorang yang pendusta, mencipta hadith *mawdū'*, *matrūk* serta *munkar*. Ibn Ḥibbān juga mengatakan beliau banyak meriwayatkan hadith *maqlūb* yang disandarkan kepada perawi *thiqah*. Hadithnya tidak boleh ditulis kecuali untuk peringatan dan pengajaran. Ibn Abū Hātim juga menukilkan dalam tafsirnya. Ibn 'Arāq mengatakan beliau mendapat al-Syaykh Taqī al-Dīn al-Qalqasyāndī menyebut di *hāsyiah al-Mawdū'āt* Ibn al-Jawzī, bahawa Ibn al-'Ukāṣyī banyak meriwayatkan hadith secara *munfarid* melainkan hadith daripada Huzayfah. Ibn 'Adī (1988), *op.cit.*, 6: 167; Ibn 'Arāq al-Kanānī (1981), *op.cit.*, 1 : 237.

c. *Dābbah*

Apabila kiamat hampir berlaku, berbagai-bagai peristiwa yang mengerikan akan berlaku, antaranya ialah, keluarnya sejenis binatang *dābbah* dari bumi. Untuk menjelaskan bagaimanakah rupa *dābbah* yang dimaksudkan sebagaimana kandungan ayat 82 surah al-Naml (27) berbagai riwayat menceritakan mengenainya. Antara perkara yang menjadi pilihan perawi ialah mengenai sifat-sifatnya<sup>263</sup>.

Menurut riwayat Ibn Abū Ḥātim, Ibn Mardawayh daripada Abū al-Zubayr yang menyifatkan kepala *dābbah* itu seperti kepala lembu jantan, matanya seperti mata khinzir, telinganya seperti telinga gajah, tanduknya seperti tanduk rusa, tengukunya seperti tenguk burung unta, dadanya seperti dada singa, warnanya seperti warna harimau betina, rusuknya seperti rusuk kucing, ekornya seperti ekor kibas, kakinya seperti kaki keldai dan di antara dua sendinya sepanjang 12 hasta. Menurut riwayat daripada Wahab bin Munabbih *dābbah* ialah tanda yang ke 6 dari tanda-tanda Kiamat<sup>264</sup>.

d. *Al-Mawqif*

*Mawqif* bermaksud tempat perhentian atau persinggahan dalam sesuatu perjalanan. Dalam konteks ini, ia merujuk tempat perhentian selepas

<sup>263</sup>Ibn Kathīr menukilkan beberapa riwayat dengan mengatakan jenis riwayat tersebut samada *marfū'*, *mawqif* atau tidak *sahīh sanadnya* mengenai *dābbah* ini di dalam tafsirnya. Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 3 : 498-500.

<sup>264</sup>Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, 5:117.

dibangkitkan dari kubur di akhirat nanti untuk menuju ke tempat pengadilan Allah. Segelintir perawi cuba menghuraikan secara panjang lebar mengenai hakikat *mawqif* ini.

4

Contohnya, riwayat daripada Zayd bin Wahab disandarkan kepada Ibn Mas'ūd, 'Alī serta beberapa orang Sahabat (tanpa menyebut nama mereka) secara *marjū'* bahawa Rasulullah s. 'a.w. mengatakan pada hari kiamat ada 50 *mawqif*. Setiap *mawqif* memakan masa 1000 tahun. *Mawqif* pertama ialah selepas manusia dibangkit dari kubur mereka, mereka akan berdiri di pintu kubur masing-masnig dalam keadaan bertelanjang, tersangat lapar dan haus. Sesiapa yang beriman dengan Allah dan rasul-Nya, ia akan selamat, sebaliknya mereka yang tidak beriman akan kekal selama 100 tahun dalam keadaan demikian sehingga sampai hukum Allah ke atasnya. Kemudian mereka akan dipandu dari tempat itu ke padang *mahsyar* dan berdiri di sana selama 1000 tahun di bawah kepanasan matahari dan bahang api, manakala neraka berada di sebelah kanan mereka<sup>265</sup>.

#### e. *Mahsyar*

*Mahsyar* merupakan tempat perhimpunan agung seluruh manusia bermula dari Nabi 'Ādam 'a.s. hingga manusia terakhir hidup sebelum Kiamat berlaku. Semua manusia akan dibangkitkan dari kubur masing-masing dan dibawa oleh malaikat ke padang *mahsyar* untuk diadili di hadapan Allah. Para perawi

<sup>265</sup> Hadith ini sangat panjang. Menurut Ibn al-Jawzī panjang hadith ini menunjukkan ia tidak diterima akal dan ianya adalah ciptaan dan rekaan yang tidak bersandarkan kepada dalil nas. Kalangan perawinya ada yang dikenali *mawdū'*, *matrūk* dan sebagainya. Riwayat ini sekadar hiburan dan dogongan, tidak boleh berpegang dan berhujah dengannya. Ibn al-Jawzī (1995), *op.cit.*, 2:420.

mendapati orang ramai amat ingin mengetahui hakikatnya. Justeru, mereka mengumpulkan riwayat-riwayat yang menjelaskan mengenai *mahsyar* dari berbagai sumber.

4

Lantaran itu, lahirlah berbagai riwayat yang menceritakan mengenai keadaan manusia di *mahsyar* pada hari Kiamat nanti. Antaranya riwayat daripada Ishāq bin Ibrāhim al-Tabarī yang disandarkan kepada Anas secara *marfū'* mengatakan Rasulullah *s.a.w.* memberitahu bahawa manusia pada hari Kiamat nanti akan dipanggil dengan nama ibu-ibu mereka sebagai tabir daripada Allah ke atas mereka<sup>266</sup>.

## 2.3 Kesimpulan

Berdasarkan sumber-sumber ini, penulis mendapati ada beberapa perkara yang boleh dikemukakan mengenai sumber riwayat Israiliyyat yang boleh dijadikan teori asas dan dasar analisis di dalam bab 4 nanti, antaranya:

---

<sup>266</sup>Menurut Ibn 'Adī, hadith yang disandarkan kepada Anas ini dan *marfū'* kepada Rasulullah *s.a.w.* adalah tidak benar. Perawinya Ishāq bin Ibrāhim al-Tabarī adalah orang yang dituduh pendusta. Beliau mengatakan hadithnya *munkar*. Ibn 'Arāq al-Kannāni mengatakan riwayat yang sama namun melalui *sanad* lain iaitu jalan *sanad* Abū Huzayfah Ishāq bin Basyar merupakan seorang yang dusta dan *mawdū'* serta tidak boleh dijadikan *syāhid*. Ibn Hibbān mengatakan Ishāq sering membawa hadith yang disandarkan kepada perawi *thiqah* dengan perkara-perkara yang dusta. Lantaran itu tidak boleh ditulis hadithnya. Riwayat ini terbukti bertentangan dengan riwayat Abū Dāwūd dan yang dinukilkan oleh al-Nawawi dalam kitabnya *al-Adhkār*, hadith daripada Abū al-Dardā' secara *marfū'*. Dimana Rasulullah *s.a.w.* bersabda bahawa manusia akan dipanggil dengan nama mereka dan bapa mereka, lantaran itu perelokkanlah nama. Riwayat *sahīh* lain daripada Ibn 'Umar secara *marfū'* juga menunjukkan pertentangan dengan riwayat Ishāq. Ibn 'Arāq al-Kannāni (1981), *op.cit.*, 2:381; Ibn 'Adī (1988), *op.cit.*, 1: 343; Al-Suyuti (1983), *op.cit.*, 2:449.

- a. Kitab yang mengandungi riwayat Israiliyat tersebut menyenaraikan *sanad* yang sempurna namun tanpa ulasan dan tidak diasingkan kategori riwayatnya.
- 4
- b. Bentuk sumber riwayat Israiliyat kedua ialah pengarang menyenaraikan rangkaian *sanad* yang sempurna berserta kritikan dan ulasan yang menjelaskan kedudukan riwayat terbabit. Pengarangnya membuat penilaian dan beberapa ulasan berserta hujah terhadap kedudukan riwayat mengikut kategorinya.
- c. Sebaliknya, antara metod penukilan lain terhadap riwayat di dalam sumber Islam ialah dengan membawa riwayat tidak disertai *sanad* yang sempurna atau tidak disebutkan sumber riwayat memperolehi. Walaupun begitu, pengarangnya ada membawa penjelasan dan pandangan beliau sendiri terhadap cerita yang disampaikan.
- 
- d. Adapun bentuk seterusnya ialah riwayat yang dikemukakan tidak disertakan dengan *sanad* yang sempurna dan tiada sebarang ulasan atau kritikan terhadap cerita atau riwayat yang dibawanya samada *sahih* atau *da'if* oleh pengarangnya. Dalam keadaan ini, pengarang tidak membuat sebarang penilaian terhadap cerita yang dibawanya seolah-olah semua yang dibawa di dalam kitabnya adalah benar dan *sahih* serta boleh diterima.